

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

**YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)
SOALAN 10 (A83)**

Apakah rancangan kerajaan di dalam memastikan persatuan atau NGO belia negeri ini tidak dijadikan platform atau medan kepada parti kerajaan dahulu.

JAWAPAN YB TUAN SHEIKH 'UMAR BAGHARIB BIN ALI

Yang Berhormat Speaker,

Saya masih ingat bagaimana sewaktu kami menjadi pembangkang, kami yang bergiat dalam persatuan berdaftar, bukan sahaja tidak mendapat bantuan seperti dana dari kerajaan, malah untuk mendapat ruang atau tempat untuk melaksanakan program juga, tidak dibenarkan sedangkan, program-program yang dijalankan tidak ada kaitan dengan aktiviti kepartian.

Namun, selepas kita menjadi sebuah kerajaan, perkara tersebut tidak kita lakukan, malah pada hari ini kita dapat lihat bagaimana wakil-wakil yang menggelar diri mereka sebagai kumpulan belia yang 'non partisan' tetapi mesra parti pembangkang begitu mudah menjalankan aktiviti di Univerisiti-universiti awam di Malaysia. Malah, keabsahan entiti-entiti kumppulan ini tidak di'gam' atau disenaraihitamkan oleh mana-mana pihak.

Inilah prinsip 'rule of law' yang menjadi amalan kerajaan PH hari ini. Namun demikian, mereka tidak boleh sewenang-nya melakukan perkara-perkara terlarang seperti provokasi dan membawa ucapan berupa hasutan dan kebencian kaum atau agama. Hadnya tetap ada dan had ini ditentukan dan dikuatkuasakan oleh agensi-agensi terlibat seperti Pendaftar Pertubuhan, Pendaftar Syarikat, Badan atau Jabatan berkaitan serta pihak-pihak berkuasa yang lain.

Dalam konteks kawalan dan penguatkuasaan peraturan dan undang-undang berkaitan perkara yang melibatkan Badan Bukan Kerajaan atau NGO ini, aktiviti mereka terletak dibawah satu-satu akta yang khusus seperti Akta Pertubuhan 1966, Akta 668, Akta Pertubuhan Belia Dan Pembangunan Belia 2007. Dalam konteks aktiviti persatuan-persatuan ini, mereka pula mereka tertakluk dibawah peraturan pelbagai agensi seperti Pihak berkuasa Tempatan, Polis Diraja Malaysia dan pelbagai lagi.

Justeru, kerajaan negeri tidak mempunyai apa-apa kuasa untuk menghadkan apa-apa pengaruh politik dalam aktiviti mahupun keanggotaan keahlian NGO-NGO ini. Kerajaan hanya boleh memantau hal-hal berkaitan persoalan ini, dan jika terdapat apa-apa kesalahan yang melanggar apa-apa peraturan dibawah akta tertentu, laporan akan dibuat kepada pihak berwajib.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

Saya memahami persoalan yang hendak dibangkitkan oleh YB Peggaram, dan apa yang boleh kerajaan beri pandangan ialah apa jua kecurigaan berkait dengan perkara ini, ianya hendaklah sentiasa dipantau agar apa juga peruntukan yang disalurkan oleh kerajaan atau agensi, termasuk pejabat ADUN, tidak disalahgunakan untuk aktiviti kepartian sebaliknya ia hendaklah digunakan atas tujuan dan objektif program tersebut seperti yang telah dipersetujui oleh semua pihak yang terlibat.

Kerajaan negeri menerusi budi bicara serta butiran-butiran program yang telah dinyatakan dan disemak, berhak menghentikan apa jua bantuan jika terdapat bukti peruntukan kerajaan ini disalahgunakan untuk tujuan kepartian oleh mana-mana pihak termasuk NGO yang menyamar sebagai penggerak belia. Namun, selagi ia bersesuaian dengan syarat-syarat yang ditetapkan, maka kerajaan sentiasa terbuka untuk belia menjalankan aktiviti mereka dengan bebas dan aman.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

YB KAPT. (B) HAJI NAJIB BIN LEP (BUKIT PASIR)
SOALAN 11 (A33)

Isu pelantikan ahli jawatankuasa masjid dan surau tidak melalui proses mesyuarat dan lantikan ahli kariah. Mohon penjelasan dari Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam, Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar berkenaan isu tersebut.

JAWAPAN YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI

Pelantikan jawatankuasa pengurusan kariah masjid dan surau sesi 2020-2022 dilaksanakan melalui proses sebagaimana berikut :

- 1) Iklan permohonan jawatankuasa pengurusan kariah masjid dan surau kepada ahli kariah;
- 2) Semua permohonan yang lengkap diserahkan kepada jawatankuasa masjid dan surau mukim yang diketuai oleh penghulu mukim;
- 3) Jawatankuasa masjid dan surau mukim menyerahkan maklumat- maklumat berkaitan permohonan jawatankuasa pengurusan kariah masjid dan surau beserta laporan kepada jawatankuasa masjid dan surau daerah yang diketuai oleh pegawai daerah;
- 4) Jawatankuasa masjid dan surau daerah menilai maklumat- maklumat berkaitan permohonan jawatankuasa pengurusan kariah masjid dan surau beserta laporan yang diterima;
- 5) Jawatankuasa masjid dan surau daerah mensyorkan senarai jawatankuasa pengurusan kariah masjid dan surau beserta laporan kepada jawatankuasa masjid dan surau negeri yang diketuai oleh pengerusi jawatankuasa hal ehwal agama islam, pertanian dan pembangunan luar bandar;
- 6) Jawatankuasa masjid dan surau negeri melantik jawatankuasa pengurusan kariah masjid dan surau negeri johor;
- 7) Jawatankuasa masjid dan surau negeri membawa senarai jawatankuasa pengurusan kariah masjid dan surau negeri johor kepada mesyuarat majlis agama islam negeri johor untuk pengesahan;
- 8) Jawatankuasa masjid dan surau negeri membawa senarai jawatankuasa pengurusan kariah masjid dan surau negeri johor kepada mesyuarat kerajaan negeri johor untuk makluman.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

**YB TUAN CHEO YEE HOW (PERLING)
SOALAN 12 (A110)**

Apakah tindakan yang telah diambil untuk tapak-tapak pembuangan sampah haram setakat ini.

JAWAPAN YB TUAN TAN CHEN CHOON

Berdasarkan rekod terkini, terdapat 189 lokasi tumpuan aktiviti pembuangan sampah haram di seluruh negeri Johor. Selaku badan yang dipertanggungjawabkan, SWCorp Negeri Johor telah mengambil tindakan pencegahan menerusi Operasi Intip dan Cekup berdasarkan pemeriksaan dan penyiasatan di lapangan.

Sebagai melengkapi tindakan pencegahan tersebut, pihak SWCorp Negeri Johor turut mengambil langkah proaktif dengan mewujudkan halangan daripada gejala pembuangan sampah haram berkenaan daripada berterusan. Antara langkah tersebut adalah melalui tindakan penutupan laluan ke lokasi sampah haram seperti mengorek parit halangan, mewujudkan konkrit halangan, pemasangan pita larangan dan pemasangan papan tanda larangan.

Usaha mengenal pasti pemilik tanah akan dilaksanakan terlebih dahulu dan akan dirujuk kepada pejabat tanah atau agensi berkaitan sekiranya terdapat kekangan maklumat. Pemilik tanah yang telah dikenal pasti akan disiasat di bawah Seksyen 75, Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) iaitu **kuasa mengarahkan supaya sisa pepejal terkawal dialihkan.**

Seksyen tersebut dikuatkuasakan dan mengarah pemilik tanah mengalihkan sisa pepejal terkawal yang dilonggokkan atau dilupuskan di tanah miliknya dengan izinnya. Sekiranya pemilik tanah gagal mematuhi arahan tersebut, mereka boleh didenda tidak kurang daripada RM10,000 dan tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Kerajaan Negeri Johor juga mengalu-alukan langkah proaktif yang diambil diperingkat kawasan Pihak Berkuasa Tempatan dan Dewan Negeri masing-masing untuk menangani masalah tapak pembuangan sampah haram. Langkah sebegini telah diambil di peringkat Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) dengan membentuk Unit Bertindak Sementara (*Temporary Task Force*) Sampah Haram yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Skudai dan saya sendiri telah berkesempatan hadir mesyuarat pertamanya pada 27 Mei lalu.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

**YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)
SOALAN 13 (A73)**

Minta nyatakan pendirian Kerajaan Negeri terhadap cadangan Kerajaan Persekutuan yang ingin mewujudkan perkhidmatan motosikal (gojek); serta pendekatan Kerajaan Negeri bagi menggalakkan penggunaan perkhidmatan pengangkutan awam seperti teksi dan bas terutamanya Bas Harapan Johor dalam kalangan penduduk di negeri Johor.

JAWAPAN YB TUAN HAJI SOLIHAN BIN BADRI

Kajian bagi mewujudkan perkhidmatan motosikal (gojek) memerlukan kajian yang menyeluruh dari segi faktor keselamatan dan alam sekitar supaya selaras dengan beberapa inisiatif kerajaan negeri. Antaranya ialah memperluaskan inisiatif rendah karbon dalam pelan tindakan yang diperkenalkan Pihak Berkuasa Pembangunan Wilayah Iskandar (IRDA) kepada lima Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di dalam Kawasan Iskandar Malaysia. Pelan Tindakan Rendah Karbon ini akan diperluaskan ke seluruh PBT Negeri Johor. Selain itu, kita juga sedia maklum perkhidmatan teksi di Negeri Johor telah sedia ada dan mempunyai jumlah yang tinggi terutamanya di Daerah Johor Bahru. Justeru itu kemasukan perkhidmatan Gojek ini perlu mengambil kira kesan persaingan yang bakal wujud dengan perkhidmatan teksi dan perkhidmatan e-hailing yang lain. Namun keputusan bagi mewujudkan perkhidmatan Gojek ini adalah tertakluk kepada Kerajaan Persekutuan.

Kerajaan negeri melalui Perbadanan Pengangkutan Awam Johor (PAJ) akan menambahkan lagi laluan–laluan Bas Muafakat Johor di seluruh daerah bagi memastikan perkhidmatan bas percuma ini dinikmati oleh semua warganegara dan memperluaskan kawasan kependudukan yang tinggi. PAJ akan bekerjasama dengan semua PBT yang terlibat untuk mengenal pasti laluan–laluan dan kekerapan laluan yang dirasakan sesuai dengan permintaan serta demografi penduduk bagi menyediakan perkhidmatan ini demi menggalakkan orang ramai menggunakan pengangkutan awam.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

**YB TUAN GOPALAKRISHNAN A/L SUBRAMANIAM (TIRAM)
SOALAN 14 (A89)**

Harga rumah meningkat dan gaji pembeli kurang dan tidak seimbang, susah dapat pinjaman daripada bank. Adakah kerajaan negeri mempunyai rancangan untuk menangani isu ini.

JAWAPAN YB TUAN SR. DZULKEFLY BIN AHMAD

Untuk makluman, kerajaan telah menyediakan kemudahan yang khusus untuk membantu rakyat bagi memiliki kediaman sendiri. Antara kemudahan yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

1. Skim Pembiayaan Rumah Mampu Milik Johor

Skim ini merupakan usaha sama di antara Kerajaan Negeri bersama dengan AmBank Islamic Berhad. Dana yang diperuntukan adalah sebanyak RM 300 juta. Bagi pemohon yang telah mendapat Sijil Layak Memiliki Rumah tetapi gagal mendapat pembiayaan dari mana-mana institusi kewangan, pemohon diberi peluang kedua dengan menyertai skim ini. Pemohon boleh membuat permohonan di erumah.johor.gov.my.

2. Dana Rumah Mampu Milik oleh Bank Negara Malaysia

Selain inisiatif dari Kerajaan Negeri, sebagaimana Ucapan Bajet 2019 oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan Malaysia, peruntukan dana sebanyak RM 1 bilion diwujudkan oleh Bank Negara Malaysia bagi membantu pembeli rumah daripada kumpulan pendapatan isi rumah maksimum RM 4,360 dan harga rumah kediaman sehingga RM 300,000. Bakal peminjam perlu menyempurnakan Modul Pendidikan Kewangan yang dikendalikan oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) secara atas talian. Permohonan pinjaman boleh dikemukakan kepada institusi kewangan yang terdiri daripada AmBank, Bank Simpanan Nasional, CIMB, Maybank dan RHB.

3. Skim Sewa Beli

Selain itu, kerajaan juga memperuntukkan dana sebanyak RM 30 juta bagi Skim Sewa Beli. Skim ini diuruskan oleh syarikat Generasi Takzim Sdn. Bhd. yang merupakan anak syarikat kepada Kumpulan Prasarana Rakyat Johor (KPRJ) iaitu GLC di Negeri Johor. Bakal pembeli akan diberi tempoh percubaan menyewa selama 2 hingga 5 tahun sebelum tawaran pembelian akan diberi. Dari jumlah bayaran sewaan yang dikenakan, 50% dari jumlah itu akan dijadikan sebagai tabungan kepada bakal pembeli untuk dijadikan sebagai wang pendahuluan bagi rumah tersebut.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

Selain itu, kerajaan juga akan memperkenalkan satu skim baru bagi membantu golongan B40 yang terendah iaitu jumlah pendapatan isi rumah sebanyak RM 2,300 bagi memiliki kediaman sendiri. Skim ini dikenali sebagai Skim Perumahan Prihatin Johor (SPPJ). Kerajaan sedang meneliti mekanisme pelaksanaan serta projek pertama yang akan dijadikan perintis kepada skim ini.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

**YB PUAN CHEW PECK CHOO (YONG PENG)
SOALAN 15 (A41)**

Apakah rancangan kerajaan negeri Johor seperti membantu wanita dalam golongan tidak bernasib baik seperti ibu tunggal, isteri tertinggal, warga emas dan lain-lain?

JAWAPAN YB CIK LIOW CAI TUNG

Kerajaan Negeri Johor sentiasa peka dan mengambil sikap prihatin dalam membantu golongan wanita khususnya golongan terpinggir seperti ibu tunggal dan tertinggal, wanita berpendapatan rendah, wanita OKU, bagi memastikan kesejahteraan mereka terbela dan mendapat hak yang sewajarnya.

Melalui Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim pelbagai inisiatif yang telah dijalankan dan akan dilaksanakan sama ada bersifat jangka pendek mahu pun jangka panjang yang memberi tumpuan kepada pembangunan golongan wanita dari pelbagai aspek termasuk pembangunan ekonomi dan sosial.

Sepanjang tahun 2019, Kerajaan Negeri telah meluluskan sebanyak RM650,000.00 kepada Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim bagi pelaksanaan pelbagai program pembangunan khususnya untuk kesejahteraan golongan wanita seperti Kursus Peningkatan Sosioekonomi Golongan Sasaran, Pembangunan Pusat Jayadiri, Program Stop It Survive (kempen menangani keganasan terhadap wanita), Bantuan Peralatan Kepada Ibu Tunggal dan Wanita Berpendapatan Rendah, Program Diriku Permata Berharga (DERMAGA), Bazar@Suri dan sebagainya.

Bermula tahun 2003 sehingga 2019, jumlah ibu tunggal dan wanita berpendapatan rendah yang telah berdaftar dalam Sistem Maklumat Ibu Tunggal (SMIT) YPKDT adalah berjumlah 14383 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 9016 orang telah menerima manfaat dengan mengikuti pelbagai bidang kursus kemahiran seperti jahitan, masakan, bakeri, pembuatan kraf, solekan, urutan spa dan sebagainya. Melalui kursus ini juga, seramai 1363 orang telah dan masih aktif menjana pendapatan dari rumah. Bagi tahun 2019, seramai 616 peserta ibu tunggal dan wanita berpendapatan rendah telah berjaya mengikuti pelbagai kursus kemahiran dan kursus-kursus asas keusahawanan seperti kursus pelabelan, pembungkusan, pemasaran dan asas perakaunan. Manakala bagi Program Bantuan Peralatan Kepada Ibu Tunggal dan Wanita Berpendapatan Rendah, seramai 665 orang wanita sejak 2003-2019, telah menerima manfaat dan bantuan peralatan yang diperlukan bagi meningkatkan ekonomi rumah tangga dan melahirkan usahawan wanita yang berjaya. Seramai 367 orang masih aktif berniaga secara kecil-kecilan dan mempunyai perusahaan sendiri.

Manakala bagi tahun 2020, Kerajaan Negeri Johor melalui Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim telah merangka pelbagai inisiatif yang akan memberikan banyak manfaat kepada golongan wanita secara keseluruhannya. Program-program

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

ini mengambil kira keperluan dan kepentingan pelbagai golongan wanita samada berkaitan aspek ekonomi, sosial, keselamatan dan jatidiri. Selain meneruskan program-program sedia ada, tumpuan juga akan diberikan kepada program-program berimpak tinggi yang memberi faedah secara langsung kepada golongan sasaran.

Antara program yang dicadangkan bagi 2020 adalah sepertimana berikut :-

1. **Centre of Suri Johor (B5 Johor Street Market)**
Merupakan pusat pengumpulan dan jualan produk golongan sasaran yang terdiri daripada wanita berpendapatan rendah dan ibu tunggal. Ia akan menempatkan 20 produk usahawan wanita terpilih di dua lot kedai.
2. **Projek Pembangunan Ekonomi Rakyat Johor - Wanita & Anak Muda (PROPER)**
Merupakan projek tanaman fertigasi seperti cili dan cendawan yang mensasarkan penyertaan daripada komuniti setempat dengan kerjasama MARA, FAMA, PUJB dan Jabatan Pertanian. Tujuannya ialah untuk membantu rakyat meningkatkan ekonomi isi rumah, meningkatkan kualiti hidup dan hubungan sosial masyarakat setempat.
3. **Skim Bantuan Guaman Wanita Negeri Johor**
Membantu golongan wanita yang kurang bernasib baik mendapatkan pembelaan di mahkamah bagi kes-kes perundangan dalam rumah tangga. Skim ini juga dilaksanakan bagi membantu golongan wanita dalam mendapatkan nasihat, kaunseling dan runding cara berkaitan konflik rumah tangga yang dihadapi mereka.
4. **Women's Income-Generating Skills Projects (WINGS)**
Membantu golongan sasaran iaitu wanita berpendapatan rendah, ibu tunggal dan OKU bagi meningkatkan kemahiran mereka dalam pelbagai bidang perniagaan seperti jahitan, bakeri dan pembuatan kraf bagi tujuan menjana pendapatan. Kursus ini telah dijalankan oleh YPKDT dengan pendekatan Strategi Lautan Biru bersama agensi-agensi kerajaan atau pusat-pusat latihan bertauliah seperti Jabatan Pertanian, KPYPJ, Giatmara, Kolej Komuniti dan Pusat Latihan E-Access. Di bawah YPKDT juga terdapat 7 buah pusat jaya diri yang digunakan bagi pelaksanaan kursus-kursus kemahiran dan pembangunan modal insan iaitu, di Daerah Johor Bahru, Kluang, Batu Pahat, Segamat, Kota Tinggi, Kulai, dan Tangkak
5. **Kursus Inspirasi Usahawan Berfokus (KIUB)**
Kursus ini mensasarkan kepada golongan sasaran yang telah mengikuti kursus kemahiran asas di YPKDT dan berpendapatan RM1000 sebulan. Kursus berfokus ini merangkumi kursus-kursus keusahawanan seperti pembungkusan dan pelabelan produk, kursus pengurusan kewangan, kursus pengendalian makanan, kursus keselamatan dan kualiti makanan, kursus pensijilan halal dan seminar-seminar motivasi keusahawanan. Tujuannya adalah untuk melahirkan

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

usahawan yang berkemahiran dan berdaya saing, serta mempunyai produk setanding produk keluaran tempatan yang lain.

6. Skim Bantuan Peralatan Perniagaan (SKIPP)

Merupakan bantuan peralatan perniagaan yang diberikan kepada golongan sasaran iaitu ibu tunggal dan wanita berpendapatan rendah bagi tujuan menjana pendapatan dari rumah sekali gus melahirkan golongan usahawan wanita yang berjaya dan berdaya saing. Skim ini adalah merupakan bantuan peralatan perniagaan seperti *mixer, oven gas, mesin jahit, deep fryer, freezer, chiller, mobile spa* dan sebagainya. Skim ini juga bertujuan bagi mengurangkan bebanan golongan sasaran yang baru dan sedang bergiat dalam dunia perniagaan.

7. Mini Karnival Usahawan Anak Muda @ Suri (KAMI)

Program ini dilaksanakan bertujuan untuk memperkenalkan produk usahawan Johor, selain menghakapaya usahawan dan membangun serta mengembangkan potensi golongan sasaran dikalangan wanita dan anak muda. Penganjuran mini karnival ini akan menjadi platform bagi golongan ini memperluas jaringan perniagaan mereka di seluruh Negeri Johor.

8. Program Permata Hati

Merupakan program pembangunan modal insan yang bertujuan membantu mengurangkan dan menyelesaikan masalah berkaitan pembuangan bayi dan masalah sosial. Selain itu juga, program ini bertujuan meningkatkan kesedaran golongan wanita sama ada remaja dan belia tentang kepentingan menjaga maruah dan harga diri daripada terus terjebak dalam masalah pergaulan bebas dan seks. Program ini akan melibatkan kerjasama pelbagai pihak seperti agensi kerajaan, NGO, swasta, Institusi Pengajian Tinggi, Sekolah dan lain-lain lagi.

9. Penubuan Rumah Perlindungan Wanita.

Rumah Perlindungan ini bertujuan untuk menjaga kebajikan wanita atau isteri dan anak-anak daripada terbiar atau didera. Ia merupakan rumah perlindungan wanita teraniaya dan anak-anak yang melibatkan kes permohonan penceraian dan tempat perlindungan sementara sehingga kes dikendalikan selesai oleh mahkamah dan pihak berkuasa.

Kerajaan Negeri Johor melalui Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim juga dalam proses melantik Pegawai Wanita Darul Ta'zim yang berperanan dalam mengenal pasti golongan sasaran terutamanya wanita, oku, warga emas dan sebagainya yang memerlukan keprihatinan kerajaan. Pegawai Wanita Darul Ta'zim ini akan berperanan sebagai perantara di antara masyarakat dan kerajaan dalam melaksanakan pelbagai aktiviti dan program bermanfaat seperti program-program pembangunan modal insan, kekeluargaan dan kemasyarakatan bagi tujuan mencapai objektif YPKDT itu sendiri iaitu mengukuhkan institusi keluarga, menyelesaikan masalah sosial dan membawa wanita dalam arus pembangunan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

**YB TUAN YEO TUNG SIONG (PEKAN NANAS)
SOALAN 16 (A71)**

Apakah langkah dan inisiatif yang diambil kerajaan untuk menstabilkan harga barangan dan mengelakkan rakyat menderita akibat inflasi yang semakin meningkat?

**YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)
SOALAN 17 (A98)**

Minta dinyatakan langkah-langkah pihak Kerajaan menangani harga barang yang tidak turun selepas penghapusan cukai GST?

**JAWAPAN YB TUAN DR. RAMAKRISHNAN A/L SUPIAH
(Jawapan bersekali untuk soalan A71 & A98)**

Sebagai kerajaan yang prihatin dan serius dalam menangani kenaikan harga barang yang boleh menyebabkan inflasi, pelbagai usaha telah dilakukan dalam memastikan kenaikan harga barang dapat dikawal. Sehubungan itu, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sentiasa menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan yang rapi sepanjang masa dalam memastikan kestabilan harga barang di pasaran. Antara tindakan yang diambil kerajaan adalah:

- i. Penguatkuasaan melalui **Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (AKHAP 2011)** bagi mengawal keuntungan secara tidak munasabah oleh peniaga. Bagi membendung kenaikan harga yang tidak munasabah oleh peniaga yang tidak bertanggungjawab, tindakan pengeluaran notis di bawah seksyen 21 Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 dilaksanakan ke atas mana-mana pihak yang didapati menaikkan harga barangan secara mendadak dan ketara. Mana-mana pihak yang melakukan kesalahan membuat keuntungan tinggi yang tidak munasabah akan dikenakan tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 kerana mencatut. Sekiranya disabit kesalahan,
 - a) Orang perseorangan, denda sebanyak RM100,000 atau tiga tahun penjara atau kedua-duanya akan dikenakan bagi kesalahan pertama manakala kesalahan kedua dan berikutnya akan dikenakan denda sebanyak RM250,000 atau lima tahun penjara atau kedua-duanya,
 - b) Pertubuhan Perbadanan atau Syarikat akan dikenakan denda sebanyak RM500,000 bagi kesalahan pertama manakala denda sebanyak RM1 juta bagi kesalahan kedua atau berikutnya.
- ii. Melaksanakan **Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP)** bagi mengawal harga barang keperluan musim perayaan tertentu semasa musim-musim perayaan utama dalam negara. Pelaksanaan ini melibatkan perayaan Tahun

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

Baru Cina, Hari Raya Puasa, Deepavali, Krismas, Pesta Kaamatan dan Hari Gawai. Skim ini adalah bertujuan untuk menetapkan harga maksimum terhadap beberapa barangan yang mendapat permintaan yang tinggi oleh masyarakat semasa menyambut perayaan. Oleh itu, kawalan harga dibuat ke atas barangan ini bagi menstabilkan harga dan bekalannya di pasaran. Antara barangan yang termasuk dalam SHMMP adalah beberapa jenis daging, ayam, beberapa jenis ikan rakyat dan beberapa jenis sayuran. Selain itu, tempoh pelaksanaan SHMMP telah dilanjutkan berbanding tahun lepas contohnya SHMMP Hari Raya Puasa 2019 dilanjutkan selama 30 hari iaitu 15 hari sebelum perayaan, pada hari perayaan dan 14 hari selepas hari perayaan berbanding 15 hari pelaksanaannya sebelum ini. Mana-mana peniaga yang menjual barang harga terkawal melebihi harga maksimum akan dikenakan tindakan;

- iii. **Program Food Bank Malaysia** diwujudkan dengan objektif adalah untuk membantu golongan kurang berkemampuan untuk mendapat bekalan makanan serta memberikan kesedaran kepada pengguna berkenaan dengan inisiatif lebih makanan bagi mengelakkan pembaziran makanan. Program ini telah menyasarkan komuniti dan pelajar universiti yang tergolong dalam kumpulan B40. Selain itu, ianya membantu mengatasi pembaziran makanan yang masih baik dan boleh dimakan dengan mengurangkan kos operasi pasaraya serta mewujudkan struktur pengurusan lebih makanan yang lebih tersusun dan terancang. Pelaksanaan di negeri Johor ini disokong dengan penglibatan dari pasaraya dan *hypermarket*. Pelaksanaan ini juga telah dikembangkan di peringkat universiti awam dan di negeri Johor, Food Bank Siswa telah dilancarkan di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) di Skudai, Johor pada 15 April 2019. Manakala Food Bank Siswa Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) akan dilancarkan pada 17 September 2019;
- iv. **Penglibatan Majlis Harga Barang Negara (MHBN) Johor** yang mana membabitkan seramai 98 orang Pegawai Pemantau Harga yang menjalankan kutipan harga setiap hari di premis dalam setiap Parlimen negeri Johor merangkumi pasar awam, pasaraya, kedai makan dan lain-lain. Laporan pemantauan harga akan disediakan dan sebarang perubahan atau kenaikan harga terhadap suatu barangan itu akan disalurkan terus kepada Bahagian Penguatkuasa KPDNHEP untuk diambil tindakan dibawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan (AKHAP) 2011. Laporan kutipan harga adalah penting bagi kerajaan untuk mendapatkan maklumat mengenai *trend* harga terkini suatu barangan ;
- v. **Inisiatif Kedai Ekonomi Pengguna (i-KeeP)** menggantikan Kedai rakyat 1 Malaysia (KR1M) dalam menyediakan barang keperluan dengan harga murah dan berpatutan kepada rakyat. i-KeeP yang menggunakan slogan 'Harga Ekonomi Belian Terbaik'. i-Keep telah dilancarkan pada 29 November 2018 oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Yang Berhormat Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail. Di bawah inisiatif i-KeeP, 6 rakan

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

strategik telah dilantik iaitu Segi Fresh Cash and Carry Sdn Bhd, KK Supermart, Pasaraya Big SuperMart, Koperasi Permodalan Felda Malaysia Berhad (D'Mart), Tunas Manja Group (TMG Mart) dan Koperasi Orang Melayu Kerajaan Perak Berhad (SKOMK). i-keep akan menjual barangan keperluan yang popular dan pilihan harian rakyat kerana harga yang ditawarkan adalah berpatutan dan akan lebih menguntungkan pengguna. Di negeri Johor, semua 45 cawangan Kedai Runcit D'Mart telah di naiktaraf sebagai i-KeeP yang menjadi jumlah keseluruhan i-KeeP yang beroperasi di Negeri Johor adalah sebanyak 46 buah termasuk TMG 1 buah;

- vi. Kerajaan juga telah menubuhkan **Jawatankuasa Khas Menangani Kos Sara Hidup Rakyat (NACCOL)** yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri Malaysia dan bertanggungjawab berkenaan di letakkan dibawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sebagai urusetia utama sebagai inisiatif meningkatkan keberkesanan usaha kerajaan dalam memastikan harga barangan tidak meningkat terlalu tinggi disamping penguatkuasaan undang-undang berhubung kenaikan harga barangan. Jawatankuasa ini sentiasa membincangkan pelbagai strategi dalam usaha meningkatkan taraf hidup rakyat. Antara fungsi Jawatankuasa berkenaan adalah untuk mengkaji rantai ke atas pengedaran barangan tersebut yang mana ianya bermula daripada peringkat pengeluar / ladang / pengimport hingga peringkat pemborong dan seterusnya kepada peringkat terakhir iaitu peruncit. Laporan kajian berkenaan telah dikemukakan kepada Seketeriat Jawatankuasa NACCOL peringkat KPDNHEP pusat. Kajian ini membabitkan penglibatan semua Pejabat KPDNHEP seluruh negara amnya dan lapan (8) Pejabat KPDNHEP Negeri Johor khususnya. Ini merangkumi barangan keperluan asas rakyat Malaysia amnya dan rakyat Johor khususnya.;
- vii. **Price Catcher** adalah satu aplikasi telefon pintar bagi memudahkan pengguna mendapatkan maklumat harga barangan keperluan asas di premis-premis terpilih. Aplikasi ini juga memastikan rakyat terus mendapat bekalan barangan pada harga yang terendah melibatkan pasar raya besar, pasar raya dan pasar mini di seluruh negara. Pengguna boleh membuat perbandingan harga di antara premis atau pasaraya berhampiran dan berkongsi maklumat tersebut melalui *platform* media sosial. Melalui aplikasi ini juga pengguna boleh mendapatkan hebahan maklumat secara terus daripada pihak KPDNHEP contohnya hebahan harga runcit petroleum, harga Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) dan sebagainya;

Pihak KPDNHEP Negeri Johor akan terus mempergiatkan aktiviti penguatkuasaan terutamanya dalam isu harga barangan dan perkhidmatan agar para peniaga tidak sewenang-wenangnya menaikkan harga hanya kerana untuk mendapatkan keuntungan yang berlebihan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

**YB TUAN DR. CHONG FAT FULL (PEMANIS)
SOALAN 18 (A25)**

Apakah status pewartaan pengurus-pengurus FELDA di Johor?

JAWAPAN YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI

Pihak FELDA melalui Pengarah Jabatan Sumber Manusia telah mengemukakan permohonan pewartaan Pengurus FELDA Johor seramai 69 orang pada 2017, namun masih belum ada keputusan dan perbincangan lanjut daripada pihak Setiausaha Kerajaan Negeri. Pewartaan ini penting kerana terkandung di dalam Seksyen 36, Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960; seperti di bawah, Pengurus-pengurus Rancangan Tanah FELDA yang dilantik perlu diwartakan oleh Pihak Berkuasa Negeri. "Bagi maksud mentadbirkan kawasan kemajuan Persekutuan,

Lembaga Kemajuan boleh selepas berunding dengan Pihak Berkuasa Negeri yang berkenaan melantik seorang Pengurus bagi satu-satu kawasan itu; dan Pengurus berkuasa pada menjalankan perubahan yang disebut dalam seksyen 38." Oleh yang demikian, memandangkan terdapat perubahan Pengurus dalam rancangan kerana pertukaran dan bersara, FELDA dengan ini mengambil langkah memajukan semula permohonan ini pada 10 September 2019 kepada pihak Setiausaha Kerajaan Negeri untuk dipertimbangkan pewartaan ini.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

**YB TUAN GOPALAKRISHNAN A/L SUBRAMANIAM (TIRAM)
SOALAN 19 (A85)**

Penalti SAJ kepada pengguna yang gagal membuat bayaran bil adalah potong RM35.00 dan pasang RM35.00. Mahal penalti tersebut bolehkah kurangkan kadar tersebut?

JAWAPAN YB TUAN JIMMY PUAH WEE TSE

Rujuk kepada peraturan 12, Caj Pemotongan atau penyambungan semula bekalan air, Peraturan-peraturan Industri Perkhidmatan Air (Deposit, Fi dan Caj Perkhidmatan Air) 2014; Mana-mana pengguna yang bekalan airnya dipotong atau disambung semula di bawah seksyen 89 Akta atau Kaedah 89 Kaedah-kaedah Industri Perkhidmatan Air (Retikulasi Air dan Pemasangan Paip) 2014 hendaklah membayar caj bekalan air bagi pemotongan atau penyambungan semula kepada pemegang lesen pengagihan air pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian II Jadual Kedua.

Kadar RM35.00 yang dikenakan sebagai caj pemotongan dan RM35.00 sebagai caj penyambungan semula adalah sebagaimana ditetapkan di bawah Butiran 1(a) Jadual Kedua Bahagian II Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Deposit, Fi dan Caj Perkhidmatan Air) 2014 ("Peraturan-Peraturan tersebut"). Caj ini adalah yang paling minima bagi pemotongan dan penyambungan semula bekalan air, dan caj yang lebih tinggi dikenakan sekiranya bekalan air diberikan melalui meter bersaiz 50mm ke atas.

Pengguna diwajibkan membayar caj pemotongan dan penyambungan semula yang ditetapkan, sebagaimana diperuntukkan di bawah Peraturan 12(1) Peraturan-Peraturan tersebut.

Oleh itu, tiada pengurangan kadar boleh diberikan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

**YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)
SOALAN 20 (A45)**

Apakah usaha kerajaan Johor dalam menggalakkan golongan belia untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan atau keusahawanan?

JAWAPAN YB TUAN SHEIKH 'UMAR BAGHARIB BIN ALI

Terdapat 53 buah agensi keusahawanan samada di peringkat Negeri mahupun Persekutuan yang komited dalam membantu usahawan mengembangkan dan meningkatkan perniagaan usahawan melalui Majlis Pembangunan Usahawan Negeri Johor (MPUNJ). Setiap agensi keusahawanan tersebut mempunyai peranan dan sasaran bantuan yang berlainan di setiap peringkat perniagaan. Agensi-agensi keusahawanan ini mempunyai fokus dalam beberapa kategori antaranya permasalahan usahawan dalam aspek pembiayaan, prasarana, pemasaran, ICT dan pensijilan serta kemahiran (up skilling).

Antara usaha yang telah digerakkan oleh kerajaan Johor adalah seperti Jelajah Usahawan Belia : Ekspresi Komuniti (EK) ke seluruh daerah negeri Johor. Program ini berkonsepkan sesi "townhall". Ia bukan sahaja untuk bertemu dengan usahawan belia tetapi juga untuk berkomunikasi secara langsung mengenai permasalahan, maklum balas, kritikan dan idea atau cadangan dari kumpulan usahawan, belia dan pemain-pemain dalam industri.

Tujuan bagi usaha ini adalah untuk menggalakkan lagi budaya keusahawanan dikalangan usahawan muda. Ia adalah konsep kerajaan sebagai perunding atau 'consultative government' dengan pendekatan 'bottom up approach'. Kerana kita percaya, trend keusahawanan ini sangat cair dan senantiasa berubah-ubah mengikut masa. Masalah-masalah dikalangan usahawan ini juga tidak lagi sama dengan permasalahan beberapa tahun yang lepas. Maka, kerajaan harus turun padang untuk bertemu dan mendapatkan input terkini daripada golongan tersebut.

Dalam setiap sesi townhall ini, pihak penganjur telah mempelbagaikan panel-panel jemputan untuk mendapatkan pandangan profesional tentang topic-topik yang dilontarkan oleh komuniti anak muda dan usahawan. Panel-panel ini merangkumi ketua GLC negeri Johor seperti KPRJ dan Yayasan Warisan Johor. Selain daripada itu, kita turut menjemput pakar-pakar dalam industri keusahawanan sosial termasuk Timbalan Menteri Belia dan Sukan serta Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan.

Alhamdulillah, sehingga kini, sebanyak 8 daerah telah diadakan Jelajah Ekspresi Komuniti dengan pelbagai idea dan cadangan dari komuniti setempat. Antara "wish list" paling popular oleh usahawan muda ini adalah mewujudkan hab belia. Saya ingin mengambil contoh dan kesempatan ini untuk merakam ribuan tahniah dan terima kasih kepada YAB Dato' Menteri Besar Johor dan kerajaan negeri kerana

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

telah meluluskan peruntukan sebanyak RM 300,000.00 bagi pembangunan “Mersing Youth Hub”. Youth Hub. Inilah antara cadangan dan harapan yang telah dinyatakan oleh usahawan belia diperingkat daerah dalam siri Jelajah EK ini.

Insyaa-Allah, segala input-input yang diperolehi dari siri townhall ini akan diangkat dalam belanjawan negeri dan laporan program ini akan disediakan untuk rujukan kepada semua pihak.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

**YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)
SOALAN 21 (A112)**

Jadual Kadar Harga yang dikeluarkan oleh JKR dan menjadi tujukan dalam penyediaan Bill of Quantity (BQ) untuk projek kerajaan selalunya jauh lebih tinggi dengan harga pasaran semasa, apakah sebab?

JAWAPAN YB TUAN HAJI SOLIHAN BIN BADRI

Jadual Kadar harga yang dikeluarkan oleh JKR dikemas kini dan disemak setiap dua tahun sekali oleh Bahagian Perolehan dan Khidmat Kos, Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan berdasarkan ketetapan Kementerian Kewangan sebelum ianya diterbitkan agar panduan harga yang dinyatakan mengikut kadar harga semasa.

Anggaran Jabatan yang disediakan oleh JKR berpandukan kepada JKH dan juga harga pasaran semasa bergantung kepada projek sama Ada besar atau kecil mengikut skala ekonomi. Jika projek kecil harga semasa akan digunakan. Jika projek berskala besar dan melibatkan kuantiti yang banyak maka kadar harga adalah lebih rendah.

Penggunaan JKH yang dikeluarkan hanya diguna pakai untuk kerja-kerja yang mempunyai kuantiti berskala kecil.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

YB KAPT. (B) HAJI NAJIB BIN LEP (BUKIT PASIR)
SOALAN 22 (A37)

Isu polemik keagamaan mencetuskan ketegangan antara kaum. Antara isu yang terkini adalah berkenaan status pendakwah antarabangsa iaitu Dr. Zakir Naik. Apakah tindakan yang diambil oleh kerajaan negeri menstabilkan keadaan ketegangan kaum khususnya dari sudut keagamaan?

YB TUAN MUHAMAD SAID BIN JONIT (MAHKOTA)
SOALAN 23 (A55)

Akhir-akhir ini terdapat ramai individu menggunakan isu perkauman untuk mencapai kepentingan peribadi. Apakah perancangan yang akan dibuat oleh kerajaan negeri untuk menjelaskan isu ini secara meluas kepada rakyat?

YB TUAN HAJI IR. KHAIRUDDIN BIN A. RAHIM (SENGGARANG)
SOALAN 24 (A93)

Semangat perkauman patut dibendung supaya tidak mengancam perpaduan. Apakah usaha kerajaan negeri dalam membentaras gejala perkauman? Perlukah kerajaan merancang untuk mengujudkan kumpulan pakar yang menerangkan sejarah dan perkembangan negara supaya prinsip dan falsafah pembentukan negara Malaysia dapat difahami oleh rakyat?

JAWAPAN YB TUAN DR. RAMAKRISHNAN A/L SUPIAH
(Jawapan bersekali untuk soalan A37, A55 & A93)

Malaysia mempunyai masyarakat berbilang agama dan budaya yang pada asasnya hidup secara aman dan damai. Kepelbagaian ini merupakan satu keunikan dan kekuatan yang sepatutnya diraikan dan dibanggakan oleh seluruh rakyat di Negara ini. Keharmonian dan kepelbagaian ini juga menjadikan Malaysia sebagai model kepada Negara-negara lain dalam aspek pengurusan perpaduan. Justeru itu juga, sebagai rakyat Malaysia, kita mestilah sentiasa bersyukur dengan nikmat keamanan dan kemakmuran yang di kecapi sejak Negara mencapai kemerdekaan selama 62 tahun.

Toleransi beragama yang diamalkan di Malaysia selama ini adalah dengan bersandarkan kepada Artikel 11(1) Perlembagaan Persekutuan Malaysia yang mana "tiap-tiap orang adalah berhak untuk menganuti dan mengamalkan agamanya tertakluk kepada Fasal (4),16 mengembangkan agamanya". Daripada peruntukan ini, sudah jelas bahawa umat Islam dan penganut-penganut agama lain bebas untuk mengikut dan mengamalkan ajaran agamanya masing-masing dengan tertakluk kepada syarat bahawa tidak boleh melakukan sebarang bentuk tindakan penyebaran mana-mana ajaran agama terhadap umat Islam.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

Walau bagaimanapun, sejak akhir-akhir, dalam suasana kita merayakan ulang tahun kemerdekaan negara, pelbagai isu yang menyentuh sensitiviti agama dan kaum dibangkitkan terutamanya di media sosial. Situasi ini amatlah membimbangkan kerana isu-isu agama amat mudah dimanipulasikan oleh pelbagai pihak untuk kepentingan tertentu. Ini menyebabkan hubungan antara agama di Malaysia sering berdepan dengan pasang surutnya.

Dari semasa ke semasa, Kerajaan melalui pelbagai jabatan dan agensi telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk memastikan keharmonian antara penganut agama terus diperkukuhkan. Di Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional misalnya, telah dan akan terus melaksanakan **Program Keharmonian Antara Penganut Agama** yang melibatkan penganut pelbagai agama ke arah memastikan wujudnya persefahaman di kalangan mereka. Pelbagai mekanisme akan terus digerakkan bagi meningkatkan interaksi positif dalam masyarakat pelbagai kaum serta membincangkan kefahaman mengenai nilai agama untuk membantu menangani isu sejagat yang mengganggu-gugat manusia secara keseluruhannya.

Selain itu, pihak media terutamanya media elektronik juga disarankan agar berperanan aktif dalam mempromosikan nilai-nilai persefahaman dan hubungan baik antara agama melalui rancangan-rancangan televisyen seperti drama, filem, iklan dan lain-lain. Penyebaran maklumat yang tepat, sahih dan bertanggungjawab oleh pihak media dan pihak-pihak lain yang berkepentingan akan memastikan keharmonian kaum di negara kita. Manakala pihak NGO dan pemimpin masyarakat, diminta supaya sentiasa bergabung tenaga untuk mempromosikan pemupukan hubungan muhibah dalam kalangan penganut pelbagai agama.

Sememangnya konflik agama boleh di atasi dengan pelbagai kaedah, namun yang akan menentukan sama ada ia berjaya atau tidak ialah individu dan masyarakat yang beragama itu sendiri.

Oleh itu, saya ingin menyeru kepada semua pihak supaya janganlah ada di antara kita yang suka **mengangguk di air yang keruh**, yang menggunakan isu-isu agama untuk kepentingan diri atau pihak-pihak tertentu sahaja.

Ingatlah bahawa tanggungjawab untuk mengekalkan keharmonian di negara kita adalah tanggungjawab kita bersama. agama di negara adalah tanggungjawab semua. Berfikir, bertindak dan bersuaralah dengan rasional dan matang demi kepentingan semua pihak serta demi untuk memastikan negara kita terus aman dan makmur.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

**YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)
SOALAN 25 (A115)**

Penjaja pasar malam selalu menghadapi masalah permohonan lesen atau memperbaharui lesen. Apakah langkah untuk mempermudah permohonan lesen atau memberi tempoh yang lebih panjang kepada lesen mereka?

JAWAPAN YB TUAN TAN CHEN CHOON

Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Johor telah melaksana dan mempermudah pengeluaran lesen perniagaan secara serta merta bagi aktiviti perniagaan tidak berisiko kepada pemohon selaras Garis Panduan Penambahbaikan Pengeluaran Lesen Perniagaan Dan Lesen Komposit Hotel (Pindaan 2011).

Pemohon perlu melengkapkan dokumen-dokumen asas dan sokongan yang diperlukan semasa permohonan dibuat dan mematuhi syarat-syarat lesen yang ditetapkan oleh PBT.

Permohonan boleh dibuat melalui portal rasmi PBT di mana pemohon boleh membuat semakan kekosongan petak pasar malam mengikut kawasan sedia ada di dalam kawasan pentadbiran PBT. Borang Permohonan boleh didapati dengan cara memuat turun dari laman web tersebut atau hadir ke kaunter Bahagian Pelesenan, PBT dengan menggunakan borang permohonan Lesen Pasar Malam serta mengemukakan dokumen yang berkaitan seperti:

- i. Salinan Kad Pengenalan.
- ii. Salinan Pendaftaran Perniagaan / Perniagaan Tunggal Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
- iii. Salinan Suntikan Thypoid (Jika mengendali makanan dan minuman).
- iv. Salinan Sijil Pengendali Makanan (Jika mengendali makanan dan minuman).

Permohonan baru lesen pasar malam akan diluluskan jika ada kekosongan tapak di setiap lokasi yang dipohon.

Bagi tujuan pembaharuan lesen penjaja pasar malam, pemohon perlu mengemukakan lesen asal kepada pihak PBT yang berkenaan dan lesen baru akan dikeluarkan. Tempoh sah lesen yang diberikan adalah bulan hingga setahun. Lesen penjaja Pasar Malam juga boleh diperbaharui melebihi daripada tempoh sah laku lesen yang telah ditetapkan dengan kaedah memperbaharui lesen pasar malam dalam tempoh sah laku daripada satu (1) tahun hingga ke tiga (3) tahun.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

**YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)
SOALAN 26 (A77)**

Minta nyatakan program dan inisiatif termasuk perbelanjaan kewangan daripada Kerajaan Negeri untuk mengukuhkan keupayaan ekonomi anak muda Johor bagi tempoh Januari 2019 hingga kini.

JAWAPAN YB TUAN SHEIKH 'UMAR BAGHARIB BIN ALI

Setiap tahun kerajaan menyediakan peruntukan bagi memperkasa sektor keusahawanan. Antara program dan inisiatif yang telah dilaksanakan :

NO	PROGRAM	KOS	PESERTA	MANFAAT
1	Festival Islam Dan Halal Antarabangsa Johor (FIJO) 2019	500,000.00	300 usahawan 70 ribu pengunjung	Jualan mencecah RM 2 juta
2	The Malaysia International Halal Showcase (MIHAS)	53,268.28	8 orang usahawan Johor dalam bidang makanan.	
3	Bengkel Asas Penjenamaan dan Pemasaran	89,032.00	100 orang usahawan	Zon Johor Selatan di Johor Bahru dan Zon Johor Tengah
4	Satu Daerah Satu Industri	24,280.00	42 pempamer	Hasil jualan berjumlah RM 95,392.00.
5	Festival Roda & Gincu 2019	212,301.04	114 usahawan	Menarik 20,000 pengunjung

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

**YB TUAN MOHD. IZHAR BIN AHMAD (LARKIN)
SOALAN 27 (A1)**

Apakah pelan perancangan kerajaan dalam memperkasa khidmat dan peruntukkan bantuan kepada rakyat menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat?

JAWAPAN YB CIK LIOW CAI TUNG

Untuk makluman, kerajaan negeri Johor sentiasa mengutamakan keperluan dan kebajikan rakyat dari semasa ke semasa. Bagi memastikan perkhidmatan-perkhidmatan ini sampai ke kumpulan sasar, pelbagai program telah dirancang dan digerakkan melalui penubuhan Unit Khidmat Penyayang (KAWAN), Hari Bertemu Pelanggan, pameran di semua peringkat daerah dan pembukaan kaunter di 2 buah UTC iaitu di Galeria, Johor Bahru dan Pasir Gudang.

Selain proses penyampaian maklumat kepada rakyat dengan lebih cekap dan berkesan, pihak JKM juga telah menambah baik Sistem Pengurusan Bantuan Kebajikan yang boleh dilayari melalui link <http://ebantuanjkm.jkm.gov.my> mulai 1 Ogos 2019.

Selain itu juga JKM juga berusaha untuk mempertingkatkan sosio ekonomi penerima bantuan melalui program *2 Years Exit Program (2YEP)* persekutuan dan *2 Years Exit Program Muafakat Johor* di mana penerima bantuan yang produktif serta berpotensi dalam program peningkatan pendapatan akan diberi geran perniagaan sebanyak RM2,700.00 sekaligus bagi peserta 2YEP persekutuan manakala bagi peserta 2YEP Muafakat Johor (peruntukan negeri) adalah sebanyak RM3,000.00 sekali gus.

Bagi memudahkan proses permohonan Bantuan Alat Tiruan/Alat Sokongan pula, JKM telah mengeluarkan Garis Panduan Pengurusan Bantuan Alat Tiruan/Alat Sokongan baru mulai tahun 2019 di mana proses kelulusan kini telah diturunkan kepada PKMD di daerah berbanding proses sebelum ini yang memberi kuasa hanya kepada PKMN untuk meluluskan permohonan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

YB TUAN MOHD. IZHAR BIN AHMAD (LARKIN)
SOALAN 28 (A2)

Apakah pelan perancangan kerajaan dalam memastikan sumber-sumber hasil pendapatan kerajaan terus seimbang dan menepati sasaran kerajaan menjelang 2020 bagi mengelakkan nilai defisit belanjawan yang berlebihan?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman dewan yang mulia ini, belanjawan merupakan atau anggaran pendapatan dan perbelanjaan yang akan dibuat untuk suatu tempoh masa tertentu pada masa akan datang.

Belanjawan juga bertujuan mendapatkan keseimbangan antara pendapatan dan perbelanjaan seterusnya dijadikan sebagai alat perancangan sumber ekonomi bagi memenuhi keperluan negara, negeri dan rakyat.

Sekiranya, anggaran hasil yang dikumpulkan melebihi daripada anggaran perbelanjaan, maka belanjawan yang dibentangkan adalah belanjawan *surplus* atau mempunyai lebihan dan sebaliknya.

Penyata Kewangan pula adalah sebuah pernyataan hasil dan perbelanjaan berdasarkan terimaan, kutipan hasil sebenar dan juga perbelanjaan sebenar bagi tahun kewangan tersebut. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri juga dikehendaki untuk diaudit oleh Jabatan Audit Negara bagi mengesahkan kedudukan kewangan yang diuruskan berada dalam keadaan *surplus* atau defisit.

Kerajaan Negeri telah menetapkan beberapa objektif utama di dalam perancangan tahunan penyediaan belanjawan supaya belanjawan yang disediakan adalah sentiasa dalam kedudukan *surplus* atau lebihan.

Pertama, mengambil langkah proaktif di dalam memastikan kemampuan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri untuk jangka masa panjang dengan melaksanakan strategi **Belanjawan Berimbang Secara Berstruktur**.

Dengan pelaksanaan strategi ini, Kerajaan Negeri dapat mengenal pasti perbelanjaan yang benar-benar akan dibelanjakan oleh semua jabatan pada tahun kewangan berkenaan ini seterusnya dapat mengelakkan elemen pembaziran di dalam perbelanjaan kerajaan.

Kedua, menitikberatkan kepada pemeriksaan dan mengoptimumkan kutipan hasil sedia ada. Ini membawa maksud bahawa kestabilan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Johor hari ini adalah hasil daripada cukai-cukai yang dikutip seperti pertanian, perhutanan, tanah, perkhidmatan, kerajaan tempatan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

Ketiga, di dalam memberikan pemberatan yang lebih kepada kutipan hasil sedia ada, Kerajaan Negeri turut menjadikan kutipan tunggakan hasil sebagai elemen yang sangat penting khususnya di dalam memastikan ia dapat dikurangkan saban tahun. Dalam memastikan perancangan untuk mengurangkan tunggakan hasil ini mencapai objektifnya, perubahan kepada corak pelaksanaan strategi turut dilakukan bersama dengan jabatan-jabatan pemungut hasil agar kutipan tunggakan hasil dapat ditingkatkan.

Kecekapan Kerajaan Negeri di dalam mengutip tunggakan hasil mencerminkan bahawa kedudukan kewangan Kerajaan Negeri diuruskan secara efisien dan telus agar kestabilan kedudukan kewangan terus mampan untuk jangka masa panjang.

Keempat, umum mengetahui bahawa perbelanjaan berulang tidak dapat dielakkan oleh Kerajaan Negeri untuk dibelanjakan terutamanya yang melibatkan aspek pembangunan, pertumbuhan negeri dan kesejahteraan rakyat.

Perbelanjaan berulang Kerajaan Negeri hanya dapat ditampung oleh Hasil Berulang sebanyak 65% sahaja. Manakala, bakinya adalah ditampung oleh Hasil Bukan Cukai seperti Premium Tanah yang tidak berulang dan bergantung kepada kekukuhan dan kestabilan ekonomi semasa.

Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri mengambil pendekatan mengolah sumber hasil sedia ada dengan mengguna pakai punca kuasa yang sedang berkuatkuasa bagi cukai tanah untuk dibuat semakan semula kadarnya.

Ini kerana Seksyen 101 (5) Kanun Tanah Negara, memberikan kuasa kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk menyemak kadar cukai tanah pada bila-bila masa, dan boleh dikuatkuasakan selepas kadar cukai yang sedang digunapakai melebihi tempoh sepuluh (10) tahun dari tarikh ianya berkuatkuasa.

Untuk makluman, kadar cukai tanah tidak dibuat semakan melebihi sepuluh tahun yang mana kali terakhir adalah pada tahun 2005. Semakan semula kadar cukai tanah oleh Pihak Berkuasa Negeri adalah bersesuaian dengan keadaan ekonomi semasa dan selari dengan pertumbuhan struktur pembangunan semasa negeri ini.

Prinsip-prinsip utama yang diambil kira dan dijadikan fokus utama di dalam membuat semakan semula kadar cukai tanah oleh Kerajaan Negeri adalah:

1. Mengenakan kadar cukai tanah yang lebih sesuai, relevan dan munasabah mengikut keadaan, kegunaan dan keluasan tanah
2. Memastikan pembangunan hartanah diselarikan dengan pertumbuhan ekonomi
3. Meningkatkan terimaan hasil Kerajaan Negeri
4. Menentukan kadar kenaikan yang munasabah dan tidak membebankan golongan yang berpendapatan rendah, dan

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

5. Menggalakkan kemasukan pelaburan asing dan merencanakan pertumbuhan pelaburan tempatan.

Selain itu, yang **kelima**, Kerajaan Negeri mengorak langkah proaktif di dalam memastikan sumber hasil sedia ada terus kukuh dan stabil dengan melakukan penstrukturan semula Pejabat Perbendaharaan Negeri dengan menubuhkan Bahagian Pengurusan Strategik dan Pelaburan.

Bahagian ini ditubuhkan dengan tugas menganalisis dan memantau pelaburan termasuk pelaburan Kerajaan Negeri melalui syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLC).

Dengan penubuhan bahagian baharu ini, ia akan membantu menambah hasil Kerajaan Negeri melalui pulangan dividen daripada syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLC). Selain itu ia memastikan cadangan pelaburan, pembangunan dan perniagaan baharu oleh GLC dibuat dengan lebih menguntungkan Kerajaan Negeri dan dijamin kemapanannya untuk jangka masa panjang bagi membantu mengimbangi kedudukan kewangan Kerajaan Negeri.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

YB TUAN MOHD. IZHAR BIN AHMAD (LARKIN)
SOALAN 29 (A3)

Apakah pendirian kerajaan negeri berhubung pelaksanaan had umur kelayakan mengundi sepertimana yang telah di umum dan ditetapkan oleh kerajaan pusat?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, sebagai sebuah kerajaan yang mengamalkan dasar keterbukaan, kita memberi peluang kepada setiap individu untuk memilih wakil rakyat yang akan mewakili kepentingan mereka.

Setiap kali pilihan raya, ia merupakan sebuah medan bagi rakyat memilih individu untuk memerintah negara. Malah, pilihan raya juga membuka peluang bagi pihak kerajaan mengenalpasti tingkah laku pengundi dan dijadikan panduan dalam merangka strategi pilihan raya seterusnya.

Negara kita telah melalui sebanyak 14 pilihan raya umum, dan selama ini negara belum dan tidak pernah ada kajian pelaksanaan untuk menurunkan had umur kelayakan mengundi kepada 18 tahun.

Justeru, kerajaan Malaysia kini telah mencipta sejarah baharu apabila pindaan bagi menurunkan had umur kelayakan mengundi kepada 18 tahun telah diluluskan di Dewan Rakyat.

Melalui kelulusan ini, kerajaan menjangkakan seramai **7.8 juta** pengundi baharu dimasukkan ke dalam daftar pemilih setiap tahun sehingga tahun 2023 nanti.

Bagi Kerajaan Negeri Johor, kita amat bersetuju bahawa belia berumur 18 tahun dianggap golongan bermaklumat dan berupaya untuk membuat keputusan mengenai kepentingan masa depan negara.

Menurut Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 2019, di Johor, seramai 188,684 belia berumur 18 hingga 20 tahun akan terkesan dengan penurunan had umur mengundi ini pada tahun ini.

Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri Johor berpendirian bahawa pelaksanaan pindaan had umur mengundi daripada 21 tahun kepada 18 tahun adalah wajar dan akan mendatangkan banyak kebaikan dan manfaat kepada negeri serta negara.

Ia pastinya akan membuka banyak peluang dan ruang untuk anak muda bergiat aktif dalam politik sekali gus dapat mengetengahkan suara golongan ini dalam membuat dasar dan mahupun agenda.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

Secara umum, kesedaran politik di kalangan belia juga telah lama meningkat. Pemikiran dan kematangan golongan belia terlihat lebih ke terkehadapan selaras dengan kemajuan yang dinikmati negara sekarang.

Mereka merupakan kumpulan masyarakat yang terdedah kepada pengaruh media massa dan kemajuan teknologi maklumat sehingga menjadikan mereka golongan yang pintar, matang berfikir dan lebih berdikari.

Justeru, Kerajaan Negeri Johor tidak mempunyai sebarang bantahan terhadap penurunan had umur kelayakan mengundi dan kita percaya mereka mampu mengimbangi keperluan menuntut ilmu dan kemahiran dengan kesedaran politik keranamereka mempunyai tanggungjawab mencorakkan masa hadapan negara yang lebih cerah.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

YB TUAN MOHD. IZHAR BIN AHMAD (LARKIN)
SOALAN 30 (A4)

Apakah status terkini berkaitan cadangan penambahan peruntukan wakil rakyat dalam memastikan khidmat bantuan kepada rakyat dapat dilaksanakan tanpa kekangan?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Sebagai wakil rakyat, salah satu peranan utama yang perlu di galas adalah mewakili suara rakyat di kawasan pilihan raya masing-masing yang dimenangnya.

Perkhidmatan sebagai wakil rakyat, ibukanlah suatu perkara mudah. Apatah lagi sudah semestinya akan menjadi seseorang yang dikenali, disukai dan gerak-geri juga sering membuat orang lain mengikutinya. Kerana menjadi wakil rakyat, sekecil mana pun tindakan yang dilakukan akan selalu dilihat dan dicontohi.

Antara cabaran terbesar bagi seseorang wakil rakyat adalah berkongsi maklumat kepada orang lain dan menyelesaikan masalah rakyat di kawasan yang mereka wakili.

Lebih-lebih lagi, setiap keringat yang diusahakan menuntut pengorbanan masa dan tenaga, wang dan ringgit, selain kerap meninggalkan keluarga tercinta hanya untuk memenuhi kehendak dan keperluan masalah rakyat di kawasan mereka.

Justeru, cadangan kenaikan peruntukan bagi kerja-kerja kecil dan bekalan untuk YB wakil rakyat adalah dicadangkan untuk dimasukkan dalam bajet pembangunan tahun 2020. Cadangan kenaikan tersebut juga akan berasaskan kepada prestasi perbelanjaan tahun 2019.

Oleh yang demikian, sekiranya cadangan ini diluluskan kelak, saya amat berharap agar peranan dan tanggungjawab wakil rakyat dapat terus diperkasa dan dilaksanakan dengan lebih berkesan ke arah mewujudkan nilai-nilai positif di kalangan rakyat.

Harapan saya juga kepada wakil rakyat sekalian, laksanakanlah tanggungjawab dengan penuh hemah dan berintegriti. Teruskan gerak kerja mendekati masyarakat di kawasan yang diwakili dan jadilah 'jambatan' antara rakyat dan kerajaan agar setiap dasar dan agenda sampai ke segenap lapisan masyarakat.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

YB TUAN MOHD. IZHAR BIN AHMAD (LARKIN)
SOALAN 31 (A6)

Adakah kerajaan akan mempertimbangkan pemberian kuota melaksanakan ibadah Haji kepada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan pasangan sepertimana yang telah diberikan kepada wakil rakyat (YAB MB dan EXCO) yang lain?

JAWAPAN YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI

Buat masa ini tiada kuota khusus bagi YB ADUN. Walau bagaimanapun, YB ADUN boleh mengemukakan permohonan kepada YAB Menteri Besar Johor untuk pertimbangan seterusnya melalui kuota sedia ada. Untuk makluman kuota YAB MBJ adalah seramai 157 orang.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

YB DATUK IR. HAJI HASNI BIN HAJI MOHAMMAD (BENUT)
SOALAN 32 (A7)

Minta dinyatakan status infrastruktur sukan yang telah, sedang dan akan disiapkan oleh agensi Kerajaan Negeri sempena SUKMA 2020 di Johor tahun hadapan.

YB TUAN TAN HONG PIN (SKUDAI)
SOALAN 33 (A60)

Nyatakan persiapan Kerajaan untuk menganjurkan temasya sukan SUKMA XX dengan menyatakan juga persiapan dari segi infrastruktur, perisian dan tenaga kerja yang dijangkakan akan terlibat dalam penganjuran program ini.

YB DATO' SHARIFAH AZIZAH BINTI DATO' SYED ZAIN (PENAWAR)
SOALAN 34 (A64)

Sebagaimana yang kita tahu, Johor akan menjadi tuan rumah bagi program SUKMA 2020 tahun hadapan. Nyatakan peratusan siap kerja bagi setiap venue yang dilakukan dan sekiranya terdapat kelewatan apakah sebabnya?

JAWAPAN YB TUAN SHEIKH 'UMAR BAGHARIB BIN ALI
(Jawapan bersekali untuk soalan A7, A60 & A64)

Status pembangunan kemudahan sukan adalah sebagaimana jadual di bawah:

BIL	VENUE	SUKAN	PERATUS SIAP (%)		SEBAB KELEWATAN
			JADUAL	SEBENAR	
1.	Arena Emas	Memanah Lawn Bowl Petanque Skuasy	22.46	24.08	-
2.	Pusat Menembak	Menembak	28.19	29.59	-
3.	Velodrom	Basikal	28.10	30.09	-
4.	Trek BMX	Basikal	0.00	0.00	Peringkat perolehan
5.	Stadium Olahraga	Olahraga	100	95.50	Penyambungan elektrik oleh TNB
6.	Stadium Ragbi	Ragbi	35.57	39.41	-
7.	Pusat Pelayaran	Pelayaran	0.00	0.00	Peringkat kajian hidrolik dan rekabentuk akhir
8.	Stadium Tertutup	Badminton	94.00	93.00	Penyambungan elektrik oleh TNB
9.	Dataran Bola	Bola sepak	24.14	24.76	-

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

	Sepak				
10.	Pusat Sukan Air	Kanu	0.00	0.00	Peringkat perolehan
11.	Pusat Akuatik	Renang & Terjun	81.00	77.00	Perubahan rekabentuk
12.	Dewan Bola Keranjang	Bola Keranjang	36.00	36.00	-
13.	Stadium Hoki	Hoki	0.00	0.00	Peringkat perolehan

2. Infrastruktur

1. Secara dasarnya, kerajaan negeri telah bersedia untuk menganjurkan temasya SUKMA Ke-20 Johor 2020 sama ada dari segi penyediaan 'venues' dan kewangan. Penyediaan 'venues' pertandingan sedang giat dijalankan yang mana semua kerja-kerja pembinaan 'venue' pertandingan bina baharu dijangka siap selewat-lewatnya pada bulan April 2020. Rujuk jadual di Jawapan A7.

3. Perisian

1. Bagi perisian, Sekretariat SUKMA Johor 2020 telah memilih perisian iGames yang disediakan oleh pihak Majlis Sukan Negara Malaysia (MSNM). Perisian ini dibangunkan sendiri oleh MSNM dan telah diguna pakai semasa penganjuran SUKMA 2018 di Perak. Perisian ini merangkumi aspek pendaftaran atlet, sistem pemarkahan dan lain-lain.
2. Selain daripada itu, bagi sistem pendaftaran sukarelawan SUKMA Ke-20 Johor 2020, sistem yang diguna pakai adalah 'Volunteer Management Integrated System' (V-MIS) yang diselia oleh Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor. Sistem pendaftaran sukarelawan tersebut telah ditutup secara rasmi pada 6 September 2019 dengan menerima permohonan sebanyak 7,233 untuk SUKMA ke-20 Johor 2020 dan 3,297 permohonan bagi PARA SUKMA Johor 2020.

4. Tenaga Kerja

1. Pecahan bilangan tenaga kerja termasuk jumlah atlet, pegawai dan teknikal yang akan terlibat di dalam penganjuran temasya tersebut adalah sebagaimana berikut:
 - Atlet, Pegawai & Teknikal : 13,326 orang
 - Sukarelawan : 3,000 orang (SUKMA)
: 500 orang (Para SUKMA)

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

- Petugas : 12,000 orang
- Sekretariat SUKMA / Sports Johor : 66 orang

JUMLAH : 28,892 orang

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

**YB DATUK IR. HAJI HASNI BIN HAJI MOHAMMAD (BENUT)
SOALAN 35 (A8)**

Minta dinyatakan rancangan yang sedang diusahakan oleh Kerajaan Negeri dalam memastikan kelestarian jangka masa panjang 'venue-venue' sukan yang dibina untuk SUKMA 2020 pasca penganjuran sukan tersebut.

JAWAPAN YB TUAN SHEIKH 'UMAR BAGHARIB BIN ALI

1. Kerajaan negeri melalui Sports Johor Sdn. Bhd. sedang dalam proses melantik perunding profesional bagi membuat kajian menyeluruh Pelan Pembangunan Sukan Negeri Johor 2030 dalam mengenal pasti landskap sukan Johor.
2. 'Venue' sukan SUKMA 2020 akan digunakan sebagai 'focal point' untuk mempromosikan industri sukan negeri Johor dengan mengadakan acara-acara dan program-program sukan yang berterusan bagi mewujudkan satu budaya sukan di kalangan masyarakat di negeri Johor secara holistik yang mana di dalamnya terdapat elemen-elemen perhubungan sosial, muafakat, pembelajaran dan ekonomi.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

**YB DATUK IR. HAJI HASNI BIN HAJI MOHAMMAD (BENUT)
SOALAN 36 (A9)**

Minta dinyatakan implikasi atau kos kewangan keseluruhan bagi penganjuran SUKMA 2020 mengikut pecahan dan kategori.

**YB DATUK IR. HAJI HASNI BIN HAJI MOHAMMAD (BENUT)
SOALAN 37 (A10)**

Minta dinyatakan kos kewangan keseluruhan bagi penganjuran SUKMA 2020 yang perlu ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan dan oleh Kerajaan Negeri yang akan menggunakan sumber mana bagi menampung kos tersebut.

**JAWAPAN YB TUAN SHEIKH 'UMAR BAGHARIB BIN ALI
(Jawapan bersekali untuk soalan A9 & A10)**

Keseluruhan kos penganjuran SUKMA Ke-20 Johor 2020 adalah dianggarkan berjumlah RM575,727,651.00 dan terbahagi kepada dua (2) jenis kos seperti berikut:

1. **Kos pembangunan infrastruktur dan kemudahan sukan** dengan anggaran berjumlah **RM424,738,263.00** melibatkan kerja-kerja pembinaan baharu kemudahan sukan dan kerja-kerja menaiktaraf kemudahan sedia ada, di mana sebanyak RM142,000,000.00 dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan, manakala sebanyak RM282,738,263.00 ditanggung oleh kerajaan negeri dalam bentuk tunai dan 'in-kind'.

Bil	Perkara	Bil Venue	Bil Sukan	Sumber (RM)		Jumlah (RM)
				Persekutuan	Negeri	
1.	Bina Baharu	10	12	136,000,000	246,638,263	382,638,263
2.	Naiktaraf	3	3	6,000,000	36,100,000	42,100,000
Jumlah		13	15	142,000,000	282,738,263	424,738,263

2. **Kos pengelolaan** adalah dianggarkan sebanyak **RM150,989,388.00**. Kos tersebut melibatkan keseluruhan 27 Jawatankuasa Kerja SUKMA XX Johor 2020 yang dipengerusikan oleh ketua-ketua jabatan kerajaan negeri dan Persekutuan yang merangkumi sektor pengelolaan seperti pengangkutan, makan minum dan penginapan sepanjang temasya. Sehingga kini, kerajaan Persekutuan belum menyatakan komitmen peruntukan bagi kos pengelolaan tersebut.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

YB DATUK IR. HAJI HASNI BIN HAJI MOHAMMAD (BENUT)
SOALAN 38 (A11)

Minta dinyatakan apakah peranan KPRJ dan syarikat atau agensi Kerajaan Negeri dalam usaha menjayakan SUKMA 2020 di Negeri Johor.

JAWAPAN YB TUAN SHEIKH 'UMAR BAGHARIB BIN ALI

Bagi penganjuran temasya SUKMA Ke-20 Johor 2020 yang akan berlangsung pada bulan Julai 2020, pihak KPRJ memainkan peranan sebagai penyedia utama untuk pembangunan kemudahan sukan yang melibatkan lapan (8) 'venues' sukan. Selain daripada KPRJ, Pihak Berkuasa Tempatan turut memainkan peranan besar sebagai pemilik 'venues' seperti Majlis Bandaraya Johor Bahru bagi Dataran Mas dan 'Clock Tower', Majlis Bandaraya Iskandar Puteri bagi Stadium Hoki dan Pihak Berkuasa Tempatan Pasir Gudang bagi sukan perahu layar di Desaru.

Selain daripada itu, penganjuran SUKMA Ke-20 Johor 2020 turut melibatkan jabatan dan agensi kerajaan negeri dan kerajaan Persekutuan yang dilantik bagi membantu dan memainkan peranan dalam memastikan penganjuran temasya SUKMA Ke-20 Johor 2020 berjalan dengan lancar. Sebanyak 27 jawatankuasa telah diwujudkan dan dipengerusikan oleh agensi-agensi yang mempunyai "forte" dalam bidang masing-masing. Contohnya Jawatankuasa Keselamatan yang dipengerusikan oleh Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Jawatankuasa Pengangkutan yang dipengerusikan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

Pada 4 April 2019 kerajaan negeri telah bersetuju melantik Sports Johor iaitu anak syarikat KPRJ sebagai penganjur utama temasya SUKMA Ke-20 Johor 2020. Di antara peranan dan skop kerja Sports Johor dalam mendaya upayakan penganjuran temasya SUKMA 2020 adalah sebagaimana berikut:

- Merancang, mengurus dan mengelolakan penganjuran SUKMA 2020 dan Sukan PARA SUKMA melalui penyediaan perkhidmatan perolehan (bekalan dan perkhidmatan).;
- Menyediakan tatacara kewangan dan perolehan yang bersesuaian serta perkhidmatan perakaunan berkaitan pengelolaan SUKMA 2020.;
- Membantu Sekretariat dalam pengurusan penerimaan aset, penyimpanan, insuran aset sehingga kerja pelupusan aset yang dibuat perolehan atau sewaan bagi maksud kegunaan temasya SUKMA 2020 (tidak termasuk aset kerajaan berbentuk hartanah atau bangunan).;
- Membantu Sekretariat untuk kerja-kerja akhir untuk menyediakan laporan lengkap penganjuran SUKMA 2020.; dan
- Membantu Sekretariat menyelesaikan audit akaun penganjuran SUKMA 2020 sebelum penutupan Sekretariat secara rasmi.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

Selain daripada itu, Sports Johor juga berperanan dalam melicinkan proses kelulusan tender / sebut harga khusus memandangkan operasi temasya SUKMA 2020 memerlukan tindakan segera dan cepat.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

YB DATUK IR. HAJI HASNI BIN HAJI MOHAMMAD (BENUT)
SOALAN 39 (A12)

Minta dinyatakan kos kewangan yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri dalam usaha menjayakan Tahun Melawat Johor 2020 dan pecahan-pecahannya.

JAWAPAN YB CIK LIOW CAI TUNG

Kerajaan Negeri melalui Tourism Johor membelanjakan sebanyak RM4,197,000.00 dalam usaha menjayakan Tahun Melawat Johor 2020 bagi tahun 2019.

Daripada jumlah tersebut, RM1,427,239.20 digunakan bagi penganjurkan acara-acara pelancongan seperti Festival Tahun Baru Cina, Festival Layang-layang Sedunia Pasir Gudang, Karnival Jambatan Sultan Ismail dan Festival Chingay. Manakala sebanyak RM1,682,120.80 pula diperuntukkan bagi promosi pelancongan dalam dan luar negara. Antaranya menyertai Asia Tourism Forum Vietnam, International Tourismous Borse Berlin, MATTA International Travel Fair di Kuala Lumpur pada bulan Mac dan September 2019 serta MATTA Johor pada bulan April dan Ogos 2019. Peruntukkan ini juga melibatkan pengiklanan melalui media cetak dan media elektronik.

Selain daripada itu, Kerajaan negeri memperuntukkan sebanyak RM688,740.00 bagi pembangunan produk dan sumber manusia untuk mempersiapkan negeri Johor kearah Tahun Melawat Johor 2020.

Sebagaimana saranan Tun Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia pada World Tourism Conference 2019 pada 26hb Ogos yang lepas, sejajar dengan Revolusi Perindustrian Keempat (IR4.0) penekanan terhadap teknologi digital dalam pembangunan pelancongan perlu diberikan keutamaan oleh semua pihak, oleh yang demikian Tourism Johor telah merancang untuk membangunkan prasarana pengiklanan digital dengan kos sebanyak RM398,900.00.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

**YB DATO' HAJI OSMAN BIN HAJI SAPIAN (KEMPAS)
SOALAN 40 (A13)**

Sila nyatakan sejauh manakah kemajuan prestasi sukan dan latihan kerajaan negeri Johor bagi menghadapi Sukan Malaysia SUKMA 2020, Johor sebagai tuan rumah.

JAWAPAN YB TUAN SHEIKH 'UMAR BAGHARIB BIN ALI

Majlis Sukan Negeri Johor sedang dalam persiapan bagi menghadapi Sukan Malaysia ke 20, Johor 2020 yang mana ia merupakan salah satu daripada tanggungjawab utama dibawah Majlis Sukan Negeri Johor (MSN-J). Oleh yang demikian MSN-J telah menjalankan satu program yang mana ia memberi penumpuan serta misi dalam mencapai kejayaan di Sukan Malaysia ke 20, Johor 2020.

Program ini diberi nama Program Titanium 2020, merupakan sebuah program khas untuk memantau prestasi dan perkembangan para atlet dan jurulatih yang layak secara merit bagi mengalas tugas kontinjen pada SUKMA Johor 2020. Program ini telah dilaksanakan secara berfasa bermula sejak tahun 2017 lagi yang mana ia terbahagi kepada 3 fasa yang bermula pada Temasya Sukan Malaysia ke 19, Perak 2018 sebaai fasa pertama bagi perlaksanaan program tersebut. Secara keseluruhan perlaksanaan bagi fasa 1 program ini menampakkan pencapaian dan peningkatan dengan kontinjen SUKMA Johor telah mencapai sasaran yang ditetapkan semasa Temasya SUKMA Perak 2018. Sasaran pingat emas yang ditetapkan adalah sebanyak 23 pingat emas dan kontinjen Johor telah berjaya memperolehi sebanyak 29 pingat emas 34 pingat perak dan 37 pingat gangsa yang mana ia merupakan pencapaian terbaik berbanding dengan temasya sebelumnya.

Bagi persediaan temasya kali ini, pihak Majlis Sukan Negeri Johor sedang giat menjalankan latihan dan memberikan pendedahan pertandingan kepada para atlet dalam memastikan persediaan rapi dapat dijalankan oleh setiap pasukan yang akan mengalas cabaran kontinjen SUKMA Johor 2020. Kebanyakan atlet yang telah mewakili Johor pada Temasya SUKMA Perak 2018 yang boleh mewakili negeri Johor di Temasya SUKMA Johor 2020 akan terus dipantau prestasi mereka terutama para atlet yang memenangi pingat di temasya tersebut. Sehingga kini seramai 232 orang atlet yang telah dipilih dan berada dibawah Program Titanium 2020 yang mana mereka yang dipilih telah melepasi had kelayakan yang ditetapkan oleh pihak MSN-J. Tumpuan pemantauan sepenuhnya termasuklah penjagaan daripada segi kebajikan dan prestasi para atlet. Perkhidmatan Sains Sukan yang diberikan secara menyeluruh kepada para atlet seperti Sports & Conditioning, Sport Psychology, Sport Nutrition, Sport Physiology serta Sport Rehabilitation. Semua elemen penting ini diperlukan dalam memantau prestasi para atlet dengan lebih rapi demi mencapai sasaran yang ditetapkan SUKMA Johor 2020.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

**YB DATO' HAJI OSMAN BIN HAJI SAPIAN (KEMPAS)
SOALAN 41 (A15)**

Adakah kerajaan bercadang untuk tidak meneruskan program 8 teras pembangunan Mampan Johor 2019 - 2030. Jika kerajaan meneruskannya, apakah pembangunan dalam tempoh terdekat sudah ada dalam pelaksanaan?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, Johor merupakan sebuah negeri yang sentiasa berpotensi untuk diangkat sebagai sebuah negeri maju dan berprestasi tinggi. Setiap daerah telah dan akan melalui fasa pembangunan seimbang mengikut kewajaran demografi dan sumber aslinya.

Penyediaan Pelan Pembangunan Mampan Negeri Johor (PPMNJ) 2019-2030 merupakan salah satu panduan baharu kepada pentadbiran Kerajaan Johor bagi merancang dan melaksana pembangunan negeri secara menyeluruh.

Bagi memastikan kesinambungan pertumbuhan ekonomi negeri Johor, penyediaan Pelan Pembangunan Mampan 2019-2030 masih mengekalkan lapan (8) teras sebagai bidang tumpuan utama.

Namun begitu bersesuaian dengan keadaan semasa dan maklumbalas yang diterima dari rakyat, dua (2) teras telah digabungkan menjadi satu (1) iaitu teras Pesona Srikandi dan Aspirasi Idealis Anak Muda, manakala satu sektor yang amat signifikan kepada negeri Johor iaitu Penyediaan Sistem dan Infrastruktur Mega dimasukkan sebagai teras baru.

Ia tidak lain dan tidak bukan adalah bagi merancakkan lagi kemajuan negeri dan membangunkan bangsa Johor ke arah pemikiran kelas pertama secara progresif dan inklusif.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)
SOALAN 42 (A16)

Adakah pemberian elaun bulanan bagi Ketua Masyarakat telah digandakan sebanyak RM200 selaras dengan elaun bagi Ketua Kampung iaitu sebanyak RM900?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Ketua-ketua kampung atau masyarakat yang dilantik kerajaan perlu menjalankan tugas dengan baik dan amanah sebagai pemimpin di peringkat akar umbi seterusnya mengambil berat kebajikan selain memastikan kelangsungan pembangunan di kawasan mereka.

Mereka yang menyandang jawatan tersebut perlu menjalankan tugas dengan baik selaras dengan kehendak kerajaan. Kerjasama setiap Ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (MPKK) juga perlu diperkukuhkan dari masa ke semasa.

Keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor (MMK) bil. Perkara-Perkara Lain pada tarikh Ogos 2019 telah BERSETUJU supaya elaun bulanan Ketua Masyarakat dinaikkan sebanyak RM200.00.

Ia berkuatkuasa pada tarikh yang sama dengan kenaikan elaun ketua kampung. Urusan pembayaran akan dilaksanakan oleh Pejabat SUK Bahagian Pengurusan menggunakan peruntukan sedia ada.

Keputusan kerajaan negeri menaikkan elaun Ketua Masyarakat adalah bertepatan dengan tugas dan peranan yang dimainkan. Justeru, Kerajaan Negeri Johor berharap agar semua Ketua Masyarakat di negeri ini dapat menjalankan tugas dengan baik dan sentiasa peka dengan masalah rakyat.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

**YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)
SOALAN 43 (A17)**

Senaraikan jumlah lot-lot rumah yang berstatus bumiputera di seluruh daerah Muar yang masih lagi belum dijual dan apakah tindakan mahupun solusi yang akan diambil untuk menyelesaikan perkara tersebut?

JAWAPAN YB TUAN SR. DZULKEFLY BIN AHMAD

Untuk makluman Dewan yang mulia, jumlah lot rumah yang masih belum terjual atau berbaki di seluruh daerah Muar adalah berjumlah 198 unit yang melibatkan 46 projek bagi kategori Lot Bumiputera.

Antara kaedah penyelesaian yang sedang dan akan dilaksanakan oleh kerajaan adalah projek-projek yang masih berbaki atau belum habis ditawarkan akan dibuka untuk jualan secara langsung oleh SUKJ Bahagian Perumahan, sama ada Lot Bumiputera mahupun Rumah Mampu Biaya Johor bagi kemudahan penawaran secara terus kepada pemohon yang berminat untuk projek berkenaan serta memenuhi syarat kelayakan sebagaimana yang ditetapkan.

Selain itu, kerajaan juga telah menubuhkan jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Komunikasi dan Multimedia Negeri Johor bagi mempertimbangkan kaedah pelepasan Lot Bumiputera kepada Lot Bukan Bumiputera khusus bagi hartanah tidak terjual.

BIL	PEMAJU	PROJEK	JUMLAH UNIT
1	BANTONG SDN BHD	TAMAN PARIT BAKAR INDAH 1	3
2	CHANG SHENG GLOBAL DEVELOPMENT SDN BHD	LOT PTD14807 - PTD14829 (LOT ASAL 4952 & 4953) GERAN NO HS(M)4900 - HS(M)4922. LOT PTD14807 - PTD14829 (LOT ASAL 4952 & 4953) GERAN NO HS(M)4900 - HS(M)4922.	3
3	CHANG SHENG GLOBAL DEVELOPMENT SDN BHD	LOT PTD 13690-PTD 13701 (LOT ASAL 512) PTD 13690-PTD13701 (LOT ASAL 512) GERAN NO HS(M)7816- HS(M)7827	5
4	CHUA NAM TONG DEVELOPMENT SDN BHD	TAMAN LOT 1332 FASA I	7
5	DATUK CHUA TECK HWEE	LOT 188 GM 3396 FASA 1	6

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

6	GENIUS EDGE SDN BHD	PTD 18834 (FASA 1)	2
7	GOLD LI DEVELOPMENT SDN. BHD.	TAMAN NAIB KADIR BISTARI 1	2
8	GOLD LI DEVELOPMENT SDN. BHD.	TAMAN PARIT TENGAH INDAH	8
9	GOLD LI DEVELOPMENT SDN. BHD.	TAMAN DESA II (LOT 21428)	1
10	GRAND UNITED DEVELOPMENT SDN BHD	TAMAN SUTERA	1
11	HOE HENG OIL MILL (MUAR) SDN BHD	TAMAN BESTARI FASA 1	4
12	IDEAHOME PROPERTY SDN. BHD	LOT PTD 21489 & PTD 21490 FASA 1	2
13	KERAPJAYA DEVELOPMENT SDN BHD	TAMAN SUTERA	3
14	KERAPJAYA DEVELOPMENT SDN BHD	TAMAN JAYA 2	6
15	KIM TEE DEVELOPMENT SDN BHD	TAMAN PARIT BAKAR INDAH FASA 1	3
16	LANDVIEW DEVELOPER SDN BHD	TAMAN GEMBIRA	2
17	LANDVIEW DEVELOPER SDN BHD	TAMAN SRI TAKDIR TAMAN SRI TAKDIR	2
18	LIEN HUAT DEVELOPMENT SDN. BHD.	LOT 3700 GM 1988 (LOT BARU 4792)	12
19	LIEN HUAT DEVELOPMENT SDN. BHD.	LOT 30694 LOT 30694	6
20	LIM YOK LANG DLL	LOT PTD 16879 (FASA 1)	2
21	LINGJAYA CORPORATION SDN. BHD.	LOT PTD 16877 (FASA 1)	3
22	M.Y. COMFORT HOME SDN. BHD.	LOT 10022 & LOT 10023 FASA 1	3
23	M.Y. COMFORT HOME SDN. BHD.	LOT 3905 GM 1338 (FASA 1)	3
24	MEKAR JAYA SDN.BHD	LOT 105 FASA 2	4
25	MOH SENG DEVELOPMENT SDN BHD	PTD 18933	1
26	NG AH LEK	LOT 4429 & LOT 4431 (FASA 1)	3
27	PAGOH JAYA (2000) SDN BHD	TAMAN PAGOH JAYA (FASA 19DST)	5
28	PAGOH JAYA (2000) SDN	TAMAN PAGOH JAYA FASA	8

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

	BHD	21DST	
29	PAGOH JAYA (2000) SDN BHD	TAMAN PAGOH JAYA FASA 21DST (A)	12
30	PAGOH JAYA (2000) SDN BHD	TAMAN PAGOH JAYA FASA 22DST	10
31	PAGOH JAYA (2000) SDN BHD	TAMAN PAGOH JAYA FASA 23DST	10
32	PAGOH JAYA (2000) SDN BHD	TAMAN PAGOH JAYA BL	3
33	PEMBINAAN DRAGON POINT SDN BHD	TAMAN SUTERA LOT PTD4971	6
34	PEMBINAAN DRAGON POINT SDN BHD	TAMAN JAYA LOT 3125	4
35	PRIME PLACE (M) SDN. BHD.	LOT 22018 (FASA 1)	2
36	SAWIT WARISAN SDN BHD	LOT 3886	2
37	SAWIT WARISAN SDN BHD	LOT PTD 3443 (FASA 1)	8
38	SEKITAR DUNIA SDN. BHD.	TAMAN SEROJA (FASA 1)	5
39	SHENG SIONG REALTY SDN BHD	PTD 12199 PTD12199	1
40	SHENG SIONG REALTY SDN BHD	LOT PTD 12413 TAMAN PERTAMA INDAH	5
41	SRI BAKRI PROPERTY SDN BHD	TAMAN TEMIANG JAYA	1
42	SRI SETIA SDN BHD	TAMAN SUNGAI ABONG PERMAI 2	2
43	SUNBAY REALTY SDN BHD	SUNBAY BILLAGE FASA 1	7
44	TKH RESOURCES SDN. BHD.	LOT 1086 TAMAN CITRA SUNGAI ABONG LOT1086 TAMAN CITRA SUNGAI ABONG	2
45	VIVA PROPERTY MANAGEMENT SDN BHD	TAMAN DESA TEMIANG (FASA 2)	4
46	YUWI DEVELOPMENT SDN. BHD.	TAMAN SRI TEMIANG	4
JUMLAH KESELURUHAN UNIT			198

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)

SOALAN 44 (A18)

Pembeli-pembeli tanah Muar Furniture Park (MFP) telah menghadapi permasalahan berkaitan status geran tanah yang masih belum dipecah bahagikan lagi kepada geran pegangan individu. Apakah tindakan yang boleh diambil oleh kerajaan negeri bagi mempercepatkan proses pecahan geran tersebut?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Tanah di Muar Furniture Park (MFP) adalah tanah yang terhasil daripada proses pengambilan balik tanah di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 di mana State Secretary Incorporated (SSI) merupakan agensi pengambil. Tanah-tanah ini seterusnya dimajukan oleh pihak Johor Corporation (JCorp) yang berperanan untuk mempromosikan serta mencari pelabur bagi merealisasikan hasrat kerajaan membangunkan hub industri perabot di daerah Muar. Proses pengambilan balik tanah yang melibatkan MFP telah pun diselesaikan oleh JCorp sepenuhnya dengan pendaftaran Borang K oleh Pejabat Tanah Muar pada 18 Disember 2016.

JCorp telah memajukan permohonan Kebenaran Merancang kepada Majlis Perbandaran Muar (MPM) untuk menentukan pecahan lot-lot tanah serta kegunaan tanah tersebut dan ianya telah pun diluluskan oleh MPM pada 13 November 2018. Sehingga kini, JCorp sedang giat melaksanakan kerja-kerja di tapak untuk 70 ekar pertama dan dijangka siap pada Oktober 2019. Mengikut perjanjian jual beli tanah di antara JCorp dengan pembeli tanah, iaitu Klausula 10, JCorp akan hanya memohon hak milik individu kepada lot-lot tanah setelah pembeli menjelaskan sepenuhnya harga tanah termasuk denda lewat bayar (jika ada). Ianya adalah proses biasa dalam urusan jual beli tanah. Sehingga kini, JCorp telah menuntut bayaran sehingga 55% daripada harga tanah iaitu mengikut kemajuan kerja di tapak.

Bagi pembeli yang membuat pinjaman bank pula, JCorp telah pun memberi Akujanji kepada pihak bank untuk menyerahkan hak milik individu kepada bank apabila ianya didaftarkan kelak. Ini menunjukkan kepercayaan pihak bank ke atas transaksi serta status tanah di MFP. Mengikut Klausula 15.1 surat perjanjian jual beli juga, penyerahan pemilikan kosong tapak (*vacant possession*) adalah dalam tempoh 36 bulan daripada tarikh perjanjian jual beli tapak dan plot-plot pertama yang boleh mendapat pemilikan kosong adalah pada 29 Jun 2021.

Proses ini tidak menghalang para pembeli untuk membuat perancangan atau permohonan pelan bangunan kilang mereka. Perkara ini telah pun dibincangkan melalui beberapa siri pertemuan dengan wakil pembeli melalui Persatuan Perabot Muar (*Muar Furniture Association*) sejak awal penyediaan perjanjian jual beli dan sepatutnya isu ini tidak timbul sama sekali.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

**YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)
SOALAN 45 (A19)**

MPM telah mengumpul sejumlah RM11.255 juta bagi kutipan caj pemajuan, diantara 1 Januari 2018 sehingga 15 Jun 2019. apakah perancangan pembangunan yang akan dilaksanakan dengan menggunakan hasil kutipan caj pemajuan yang telah terkumpul tersebut?

JAWAPAN YB TUAN TAN CHEN CHOON

Sebagaimana Kaedah Caj Pemajuan yang telah diwartakan, Wang Kutipan Caj Pemajuan boleh digunakan bagi tujuan berikut:

- i. Disalurkan semula dalam bentuk aktiviti pembangunan awam termasuk penyediaan dan penyelenggaraan kemudahan awam yang memberi faedah kepada masyarakat dalam kawasan PBT;
- ii. Pelaksanaan kajian-kajian berkaitan perancangan pembangunan dan garis panduan kegunaan PBT; dan
- iii. Sebagai tabung persediaan PBT untuk membiayai kos notis pembelian sebagaimana diperuntukkan mengikut seksyen 37 Akta 172.

Pelaksanaan Caj Pemajuan di Majlis Perbandaran Muar telah diluluskan dalam Mesyuarat Penuh Bil 1/2018 dan pelaksanaannya berkuatkuasa 1 Februari 2018. Sebagaimana ketetapan dan Kertas Kerja yang diluluskan tersebut, semua wang yang diterima sebagai Caj Pemajuan hendaklah dimasukkan ke dalam Kumpulanwang Caj Pemajuan PBT di bawah subseksyen 34(4) Akta 172 dan hendaklah dikendalikan mengikut peruntukan di bawah seksyen 40 Akta Kerajaan Tempatan, 1976 (Akta 171).

Perincian penggunaan Wang Kutipan Caj Pemajuan adalah sebagaimana berikut:

- i. Pelaksanaan kajian-kajian berkaitan perancangan pembangunan dan garis panduan kegunaan PBT
 - a. Kajian kemungkinan / 'feasibility study' projek berkepentingan awam
 - b. Kajian rancangan pemajuan; Rancangan Tempatan Daerah (RTD), Rancangan Kawasan Khas (RKK) dll
 - c. Kajian projek-projek Majlis Perbandaran Muar; EIA, SIA, 'soil test' dll kajian berkaitan
 - d. Kajian berkaitan program/projek Bandar Rendah Karbon, Bandar Selamat dll
 - e. Kajian sistem perparitan / tebatan banjir
 - f. Kajian tambahbaik lalulintas jalan (TIA/RSA dll) dalam kawasan pentadbiran Majlis

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

- ii. Disalurkan semula dalam bentuk aktiviti pembangunan awam termasuk penyediaan dan penyelenggaraan kemudahan awam yang memberi faedah kepada masyarakat dalam kawasan PBT.
 - a. Pelaksanaan projek-projek pembangunan dan program hasil dapatan daripada kajian yang telah dijalankan di Perkara 1 (a-f) di atas
 - b. Pembinaan dan penyelenggaraan bangunan di bawah seliaan Majlis
 - c. Pembangunan dan penyelenggaraan apa-apa kemudahan awam yang berkaitan ; tempat letak kenderaan awam berpusat/bertingkat, pasar awam, dewan, balairaya dll
 - d. Pembinaan laluan berbasikal, pejalan kaki dll
 - e. Pembinaan dan penyelenggaraan terminal dan hab pengangkutan awam dan kos operasi pengangkutan awam; Bas Muafakat Johor, hentian bas, terminal bas dll
 - f. Pembinaan dan penyelenggaraan kemudahan sokongan bagi tujuan kegunaan awam seperti tandas awam, wakaf dll
 - g. Pelaksanaan projek berkaitan inisiatif Program Bandar Selamat, Bandar Rendah Karbon, Kejiranan Hijau dll program berkaitan
- iii. Sebagai tabung untuk membiayai kos notis pembelian sebagaimana diperuntukkan mengikut Seksyen 37 Akta 172.
 - a. Notis beli tanah yang telah dizonkan bagi tujuan kemudahan awam dalam RTD dan RKK; dewan, balai raya, pasar awam, terminal bas dll.

Untuk makluman sepanjang tahun 2018, wang kutipan Caj Pemajuan ini telah dibelanjakan bagi sebahagian kos Pengambilan Balik Tanah Pasar Awam Parit Jawa berjumlah RM 40,606 di mana bayaran selesai pada awal tahun 2019.

Berdasarkan Bajet 2019 yang telah diluluskan, sebanyak RM 500,000 kutipan wang Caj Pemajuan telah diperuntukkan bagi melaksanakan beberapa projek / program yang telah dirancang menggunakan iaitu:

- i. Kos pelaksanaan kajian RTD Muar 2030 (Penggantian) meliputi program FGD, sesi engagement dan kos pengurusan
- ii. Kos pelaksanaan transformasi lorong belakang

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)
SOALAN 46 (A20)

Daerah Muar telah menerima nilai pelaburan projek bagi sektor pembuatan sebanyak RM7.6 bilion pada tahun 2018. Senaraikan secara terperinci projek-projek yang telah dilaksanakan berdasarkan sektor tersebut.

JAWAPAN YB TUAN JIMMY PUAH WEE TSE

Adun Bentayan telah menyatakan bahawa nilai pelaburan projek bagi sektor pembuatan pada tahun 2018 bagi daerah Muar adalah sebanyak RM7.6 bilion. Namun ada kesilapan fakta disebabkan beliau telah memasukkan nilai pelaburan di Tanjung Agas yang berjumlah RM7.54 bilion. Untuk makluman, Tanjung Agas terletak di daerah Tangkak, bukan di daerah Muar.

Jumlah nilai pelaburan projek bagi sektor pembuatan pada tahun 2018 bagi daerah Muar adalah sebanyak RM 74,647 juta yang melibatkan 5 buah syarikat. Sektor perabot danengkapan telah mendominasi projek pembuatan di daerah Muar pada tahun 2018 di mana sebanyak RM 51,564 juta nilai pelaburan telah diterima dan sebanyak 4 syarikat tempatan telah menyumbang nilai pelaburan tersebut dan menawarkan sebanyak 255 peluang pekerjaan.

Manakala sektor kayu dan perkayuan telah menyumbang sebanyak RM18,322 juta yang melibatkan 2 syarikat tempatan dan telah menawarkan peluang pekerjaan sebanyak 60 pekerja. Bagi sektor elektrik dan produk elektronik, sebuah syarikat tempatan telah melabur sebanyak RM4,761 juta dan telah menawarkan sebanyak 179 peluang pekerjaan di daerah Muar pada tahun 2018.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

**YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)
SOALAN 47 (A21)**

Sebanyak 21 unit rumah kos rendah dan 45 unit rumah flat kos rendah telah siap dibina di antara tahun 2016 hingga 2018 di sekitar daerah Muar. Nyatakan mengapa hanya sejumlah kecil sahaja unit rumah yang telah siap dibina di dalam tempoh tersebut?

JAWAPAN YB TUAN SR. DZULKEFLY BIN AHMAD

Jadual di bawah menunjukkan bilangan unit Rumah Mampu Biaya Johor yang telah siap pada tahun 2014 hingga tahun 2018 berjumlah 138 unit dan bilangan unit dijangka siap pada tahun 2019 hingga tahun 2023 berjumlah 933 unit.

DAERAH	TAHUN JANGKA SIAP PEMBINAAN								JUMLAH
	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021-2023	
MUAR	3	0	0	135	0	73	58	802	1,071

Manakala jadual di bawah pula menunjukkan pembahagian mengikut projek:

BIL	PEMAJU	PROJEK	PARLIMEN	DUN	KATEGORI	TAHUN JANGKA SIAP	JUMLAH UNIT
1	GOLD LI DEVELOPMENT SDN BHD	TAMAN PUTERA INDAH	MUAR	MAHARANI	RMBJ C	2014	3
2	LEONG HUP INDUSTRIES SDN BHD	TAMAN SETIA UTAMA	BAKRI	BENTAYAN	RMBJ A	2017	90
3	SELOKA TERBIT DEV SDN BHD	PANGSAPURI TAMAN DAMAI	MUAR	MAHARANI	RMBJ A	2017	31
4	SELOKA TERBIT DEV SDN BHD	PANGSAPURI TAMAN DAMAI	MUAR	MAHARANI	RMBJ B	2017	14
5	THIANO LINO DEVELOPMENT	TAMAN UNAS PERMAI	MUAR	MAHARANI	RMBJ A	2019	20

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

BIL	PEMAJU	PROJEK	PARLIMEN	DUN	KATEGORI	TAHUN JANGKA SIAP	JUMLAH UNIT
6	THIANO LINO DEVELOPMENT	TAMAN UNAS PERMAI	MUAR	MAHARANI	RMBJ B	2019	15
7	THIANO LINO DEVELOPMENT	TAMAN UNAS PERMAI	MUAR	MAHARANI	RMBJ B	2021-2023	14
8	THIANO LINO DEVELOPMENT	TAMAN UNAS PERMAI	MUAR	MAHARANI	RMBJ C	2021-2023	26
9	PECK SEONG REALTY SDN BHD	TAMAN MAHARANI AYU, JALAN ISMAIL	BAKRI	BENTAYAN	RMBJ A	2019	38
10	PECK SEONG REALTY SDN BHD	TAMAN MAHARANI AYU, JALAN ISMAIL	BAKRI	BENTAYAN	RMBJ B	2020	58
11	PAGOH JAYA (2000) SDN BHD	PTD 13805 DAN LOT 7412, MUKIM JORAK	PAGOH	BUKIT PASIR	RMBJ B	2021-2023	92
12	PAGOH JAYA (2000) SDN BHD	PTD 13805 DAN LOT 7412, MUKIM JORAK	PAGOH	BUKIT PASIR	RMBJ A	2021-2023	420
13	PAGOH JAYA (2000) SDN BHD	PTD 13805 DAN LOT 7412, MUKIM JORAK	PAGOH	BUKIT PASIR	RMBJ B	2021-2023	52
14	SIME DARBY PAGOH SDN BHD	LOT PTD 14414 - 16 & 14428	PAGOH	BUKIT PASIR	RMBJ C	2021-2023	198
JUMLAH UNIT							1,071

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

YB DATO' IR. SYED SIS BIN SYED A. RAHMAN (TG. SURAT)
SOALAN 48 (A22)

Berapa peratuskah kemajuan pembinaan rumah Program Perumahan Rakyat (PPR), Pengerang di Kampung Punggai setakat ini?

YB DATO' IR. SYED SIS BIN SYED A. RAHMAN (TG. SURAT)
SOALAN 49 (A23)

Adakah pembinaan Projek Perumahan Rakyat (PPR), Pengerang di Kampung Punggai mengikut jadual?

JAWAPAN YB TUAN SR. DZULKEFLY BIN AHMAD
(Jawapan bersekali untuk soalan A22 & A23)

Untuk makluman Yang Berhormat, pembinaan bagi kesemua projek PPR adalah di bawah tanggungjawab pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Berdasarkan maklumat yang diterima daripada pihak KPKT, pembinaan projek PPR Pengerang di Kampung Punggai adalah mengikut jadual yang ditetapkan dan peratusan kemajuan projek sehingga Ogos 2019 adalah sebagaimana berikut:

Kemajuan Jadual Asal (%)	Kemajuan Jadual Sebenar (%)
5.43	5.50

Berikut disertakan juga maklumat berkaitan PPR Pengerang:

Jenis rumah : **Rumah Pangsa 11 Tingkat (2 blok)**
 Jumlah unit : **300 unit**
 Luas : **7.068 ekar**
 Tarikh milik tapak : **25.03.2019**
 Tarikh siap (asal) : **24.09.2021**

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

YB TUAN DR. CHONG FAT FULL (PEMANIS)
SOALAN 50 (A26)

Adakah kerajaan negeri berhasrat mewujudkan MPKK untuk mengambil alih tugas JKKR dalam rancangan FELDA di Johor?

JAWAPAN YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI

Sejak penubuhan FELDA, JKKR adalah badan peneroka yang menguruskan rancangan FELDA. Penubuhan JKKR ini adalah selaras dengan Akta GSA 1960. Apabila sebuah rancangan itu mendapat hak milik, peneroka-peneroka rancangan terlibat akan memilih untuk meneruskan pentadbiran JKKR ataupun memilih MPPK. Penubuhan JKKR ini mendapat sokongan dari peneroka melalui pemilihan di rancangan FELDA secara demokrasi dan dicadangkan sendiri oleh ahli blok dan dibuat secara undian.

Pemilihan ini dilakukan mengikut majoriti sokongan kawasan ahli blok peneroka. Pertukaran JKKR kepada MPKK masih di peringkat kajian dan memerlukan pandangan daripada pelbagai pihak kerana ia melibatkan tambahan peruntukan kewangan. Buat masa sekarang, pihak tadbiran di rancangan dikekalkan dan peranan MPKK dan JKKR akan diperkasakan supaya badan yang mewakili peneroka dapat berfungsi dengan baik supaya kepentingan peneroka yang mentadbir rancangan boleh membangun dan memajukan rancangan FELDA.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

**YB TUAN HAJI ABD. TAIB BIN ABU BAKAR (MACHAP)
SOALAN 51 (A27)**

Apakah tindakan yang dilakukan oleh Jabatan Agama Islam bagi memastikan pelaksanaan produk halal terus terjamin di Negeri Johor.

JAWAPAN YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI

Pihak Bahagian Pengurusan Halal Jabatan Agama Islam Negeri Johor akan memastikan setiap syarikat/premis yang telah mendapat Persijilan Halal Malaysia sentiasa dipantau dari semasa ke semasa oleh Unit Pemantauan dan Penguatkuasaan Bahagian Pengurusan Halal Jabatan Agama Islam Negeri Johor.

Semasa proses pemantauan dijalankan, jika didapati Syarikat/Premis melakukan kesalahan atau Pelanggaran Manual Prosedur Persijilan Halal Malaysia (MPPHM) maka notis ketidakakuran akan dikeluarkan mengikut kesalahan:

1. Kesalahan kecil (notis dikeluarkan dan perlu dijawab dalam tempoh 7 hari hingga 14 hari).
2. Kesalahan besar (Sijil Halal Syarikat akan digantung dan diberi tempoh 14 untuk penambahbaikan).

Kesalahan serius (Sijil Halal Syarikat akan ditarik balik serta merta dan logo Halal yang digunakan hendaklah ditutup

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

YB TUAN HAJI ABD. TAIB BIN ABU BAKAR (MACHAP)
SOALAN 52 (A28)

Apakah yang dilakukan oleh Pihak Berkuasa Tempatan bagi memastikan kemudahan-kemudahan awam di bawah penguasaannya terus berfungsi dengan baik.

JAWAPAN YB TUAN TAN CHEN CHOON

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebagai penyedia infrastruktur dan kemudahan awam di kawasan pentadbirannya, adalah menjadi tanggungjawab setiap PBT untuk menyelia, menguruskan penyelenggaraan dan pembaikan infrastruktur dan kemudahan awam secara telus dan sistematik bagi menjamin keselamatan dan mewujudkan keselesaan serta kemudahan yang baik kepada warga penduduk di kawasan PBT berkenaan.

Kerja-kerja penyeliaan, penyelenggaraan dan pemantauan secara berkala yang dilaksanakan berdasarkan skop kerja seperti berikut :

1. Penyelenggaraan dan pembaikan adalah meliputi semua kerosakan pada infrastruktur dan kemudahan awam samada struktur bangunan, kemudahan infrastruktur, kerosakan lampu-lampu jalan, jalan-jalan berlubang, pokok-pokok terbiar, tandas awam dan sebagainya.
2. Membuat perancangan kerja dan tindakan yang berkesan untuk memastikan kemudahan-kemudahan tersebut sentiasa dalam keadaan baik dan selamat digunakan.
3. Membuat pemantauan berkala untuk memastikan setiap kemudahan berada dalam keadaan yang baik.

Kerja-kerja penyelenggaraan yang dilaksanakan oleh PBT adalah berdasarkan aduan pengguna melalui pelbagai saluran aduan di PBT dan pemeriksaan berjadual yang dilaksanakan. Bagi memastikan kemudahan-kemudahan awam di bawah pentadbirannya berfungsi dengan baik, PBT mengambil tindakan seperti berikut :

1. Memastikan setiap aduan berkaitan dengan kemudahan awam yang rosak dibaikpulih dengan kadar segera agar fungsi kemudahan tersebut tidak terjejas dan seterusnya boleh mengancam keselamatan pengguna.
2. Menyediakan perancangan penyelenggaraan tahunan menggunakan peruntukan-peruntukan yang disediakan bagi tujuan tersebut dan seterusnya memastikan kerja-kerja penyelenggaraan tersebut dipatuhi dan dilaksanakan sebaiknya.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

3. Memastikan setiap pembangunan kemudahan awam dilaksanakan dengan spesifikasi kerja yang berkualiti dan penggunaan bahan yang bermutu tinggi.

Menjaga kemudahan awam adalah tanggungjawab semua pihak khususnya anggota masyarakat yang bertindak sebagai pengguna kemudahan. Oleh itu, sebagai anggota masyarakat yang bertanggungjawab, sepatutnya memainkan peranan membantu pihak kerajaan menjaga kemudahan awam yang disediakan demi kepentingan bersama.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

YB TUAN HAJI ABD. TAIB BIN ABU BAKAR (MACHAP)
SOALAN 53 (A29)

Mohon pencerahan tentang cadangan pelaksanaan sarapan percuma kepada semua pelajar sekolah rendah di seluruh negara bermula Januari 2020.

JAWAPAN YB TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HAJI HASSAN

Program ini dilaksanakan bertujuan memberikan makanan berkhasiat yang mengikut nilai kalori dan amalan pemakanan seimbang bagi memastikan murid mengamalkan pengambilan sarapan, gaya hidup sihat serta merangsang proses tumbesaran mereka. Kumpulan sasar bagi program ini adalah semua murid warganegara sekolah rendah kerajaan dan bantuan kerajaan dengan anggaran seramai 2.7 juta orang seluruh negara.

Murid prasekolah dan sekolah menengah tidak terlibat untuk program ini dan makanan untuk murid prasekolah melibatkan tatacara perolehan yang berlainan. Program Sarapan Percuma akan mula dilaksanakan pada sesi persekolahan tahun 2020. Program ini akan menggunakan kaedah pengurusan Rancangan Makanan Tambahan (RMT) sedia ada dan sarapan ini nanti akan disediakan oleh pengendali kantin di setiap sekolah terlibat.

Pelaksanaannya mengambil masa 30 minit di antara jam 7.00 pagi hingga 8.30 pagi bagi sekolah sesi pagi dan di antara jam 12.00 tengah hari hingga 4.00 petang bagi sekolah sesi petang. Kementerian Pendidikan Malaysia sedang meneliti kos yang bersesuaian bagi memastikan semua murid dapat menikmati hidangan yang baik dan berkualiti. Proses penentuan menu Program Sarapan Percuma adalah melalui perbincangan berterusan dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan pakar-pakar pemakanan di beberapa universiti tempatan. KPM bekerjasama dengan KKM, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani serta pakar-pakar pemakanan di universiti tempatan bagi menjamin kualiti sarapan yang disediakan.

Program Sarapan Percuma rintis telah bermula sejak awal Ogos 2019 dan dijangka berakhir pada Oktober 2019. KPM akan mengambil pendekatan bersesuaian untuk melaksanakan program ini secara lebih baik dan menyeluruh.

Satu Jawatankuasa Khas akan ditubuhkan bagi membincangkan secara terperinci peruntukan yang bakal digunakan untuk Program Sarapan Percuma ini.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

YB TUAN HAJI ABD. TAIB BIN ABU BAKAR (MACHAP)
SOALAN 54 (A30)

Apakah usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Johor bagi memastikan tarif air di Johor tidak dinaikkan pada masa akan datang.

JAWAPAN YB TUAN JIMMY PUAH WEE TSE

Yang Berhormat, mekanisme penetapan struktur tarif air adalah bergantung atas beberapa faktor seperti amaun subsidi kerajaan, perbelanjaan modal bagi pembangunan infrastruktur bekalan air, perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggan, liputan perkhidmatan, kepadatan penduduk, muka bumi, kualiti air mentah dan sebagainya.

Sebahagian besar pendapatan yang diperolehi melalui tarif air Negeri Johor digunakan oleh Ranhill SAJ untuk menampung kos operasi bekalan air yang semakin meningkat dari tahun ke tahun serta menjelaskan bayaran pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan melalui skim sewa-pajakan oleh Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) bagi pembangunan infrastruktur bekalan air Negeri Johor. Pembiayaan-pembiayaan baru diperlukan oleh Ranhill SAJ untuk membangunkan infrastruktur bekalan air baru bagi menampung keperluan permintaan air yang sentiasa meningkat dari tahun ke tahun. Di samping itu juga, pihak Operator Bekalan air perlu melengkapkan industri perkhidmatan bekalan air dengan teknologi baharu termasuklah menambah baik loji rawatan air, tangki air, rumah pam mahupun menukar paip yang uzur bagi memastikan pengguna memperoleh bekalan air yang berkualiti dan berterusan. Oleh itu, Kerajaan negeri berpendapat ia bukanlah bersifat meraih keuntungan operator. Pihak Ranhill SAJ juga di kawal selia oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) melalui KPI-KPI yang membawa kepada perkhidmatan bekalan air di negeri ini dengan lebih efisien.

Walau bagaimanapun, dalam usaha mengurangkan impak kenaikan tarif air, beberapa inisiatif telah diusahakan oleh Kerajaan Negeri dan Ranhill SAJ:

- a. Menghapus kira Pinjaman Kerajaan Persekutuan kepada PAAB berjumlah RM247 juta bagi projek-projek pembangunan bekalan air luar bandar untuk tahun 2001 dan keatas. Bekalan Air Luar Bandar adalah projek sosio-ekonomi dilaksanakan kerajaan bertujuan membekalkan air bersih kepada penduduk luar bandar. Di dalam sidang media bertarikh 27 Mei 2019, Kerajaan Persekutuan Pimpinan Tun Dr Mahathir pada dasarnya telah bersetuju untuk melaksanakan inisiatif ini. Pelaksanaan hapus kira ini diharapkan dapat mempercepatkan penstrukturan semula industri perkhidmatan bekalan air, mengurangkan beban kewangan tahunan negeri serta memastikan faedah berterusan dapat dinikmati oleh rakyat pada jangka masa panjang.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

- b. Kerajaan Negeri Johor sedang meneruskan rundingan untuk melobi kerajaan Persekutuan bagi menghapuskan baki pinjaman Bank Pembangunan Asian (ADB) berjumlah RM145 juta bagi pembangunan infrastruktur bekalan air Negeri Johor. Pada ketika ini, Kerajaan Negeri di peringkat akhir rundingan dan masih menunggu keputusan Kerajaan Pusat.
- c. Ranhill SAJ telah mencadangkan kepada pihak Kerajaan Persekutuan dan PAAB supaya kadar sewa pajak sedia ada yang dikenakan ke atasnya diturunkan daripada 5.86% kepada 3% bagi pinjaman-pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan, Bank Pembangunan dan lain-lain hutang yang ke semuanya berjumlah RM1.813 billion dan telah diambil alih oleh PAAB. Cadangan penurunan kadar sewa pajak bagi pinjaman Kerajaan Persekutuan dan pinjaman-pinjaman lain yang berkaitan seperti di atas adalah supaya kadar yang dicaj oleh PAAB di Negeri Johor sama dengan kadar yang dibayar oleh negeri-negeri lain.

Oleh itu sukacita diingatkan bahawa dalam konteks ini kerajaan negeri mengambil kira juga soal pengimbangan antara keperluan rakyat dan juga pembangunan infrastruktur bekalan air yang harus diteruskan bagi memastikan keperluan bekalan air terjamin untuk jangka masa yang panjang. Dalam proses penentuan tarif Kerajaan Negeri telah meminta agar beberapa elemen dalam struktur tarif tersebut dikurangkan supaya tidak membebankan orang ramai serta memastikan industri bekalan air di negeri ini membangun secara positif. Pendekatan kita harus memastikan generasi akan datang juga tidak dibebani masalah bekalan air kerana air adalah sumber penghidupan.

Dalam penetapan tarif, Kerajaan juga melihat daripada sudut golongan-golongan yang kurang mampu yang perlu dilibatkan dalam membawa keharmonian dan kelestarian industri bekalan air ini. Dengan sebab itu kerajaan negeri memberi air percuma sebanyak 10 meter padu kepada golongan B40 yang layak dikenal pasti melalui sistem pengebilan pihak Ranhill SAJ sebagai agen pelaksana. Manakala bagi golongan miskin dan miskin tegar sebagai melaksanakan tanggungjawab korporatnya, pihak operator bekalan air negeri ini masih meneruskan pemberian rebat-rebat air percuma sebanyak 25 meter padu kepada golongan yang layak dikenal pasti melalui senarai e-Kasih dan sumber-sumber yang lain. Inisiatif yang dilaksanakan ini juga diharap dapat mengimbangi kos sara hidup golongan-golongan tersebut.

Tidak setakat itu, Kerajaan Negeri juga begitu bimbang dengan keadaan air mentah yang telah dibiarkan terancam sebelum ini sehingga menyebabkan pemberhentian operasi loji-loji air yang mana air mentahnya tercemar dengan aktiviti-aktiviti yang dulunya dibiarkan berleluasa. Kerajaan Negeri akan memantau perkara yang membimbangkan ini dan tidak akan teragak-agak membawa pencemar air mentah ini ke muka pengadilan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

Kerajaan Negeri memberi jaminan bahawa secara berterusan memastikan rakyat Johor mendapat bekalan air yang berkualiti dan mencukupi di samping menangani gejala yang berpotensi mencemarkan air mentah sedia ada.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

**YB TUAN HAJI ABD. TAIB BIN ABU BAKAR (MACHAP)
SOALAN 55 (A31)**

Apakah yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Johor bagi membantu golongan miskin atau kategori E-Kasih membina rumah untuk mereka.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

1. Untuk makluman YB Machap, meringankan kos sara hidup rakyat merupakan agenda utama Kerajaan Negeri Johor bagi menjamin kesejahteraan hidup rakyat.
2. Kerajaan negeri telah melaksanakan pelbagai inisiatif yang memberi manfaat secara keseluruhannya kepada golongan B40 terutamanya di dalam kategori E-Kasih.
3. Program bantuan rumah kepada golongan ini menjadi keutamaan kerajaan yang sentiasa prihatin dalam menjaga kesejahteraan dan berpaksikan kepada kepentingan golongan miskin dan miskin tegar untuk memiliki kediaman yang selesa merupakan impian dan idaman setiap individu.
4. Ianya juga merupakan satu program yang memastikan kumpulan sasar iaitu miskin dan miskin tegar dapat meneruskan kelangsungan hidup dengan lebih baik.
5. Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) dan Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor (BPENJ) telah menyediakan bantuan Bina Baharu dan Baik Pulih kepada golongan miskin dan miskin tegar mengikut garis panduan yang ditetapkan.
6. Bagi peruntukan tahun 2019 di bawah KPLB, bantuan PPRT bagi Bina Baharu adalah sebanyak RM3,200,000 dan Baik Pulih RM4,500,000. Butiran bantuan tersebut adalah:

(a) Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT)

Agensi : Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB)

Kadar Bantuan :

- (i) Bina Baharu : RM50,000 (konvensional); dan
RM42,000(menggunakan Industrialised Building
Systems (IBS)
- (ii) Baik Pulih : RM13,000

(b) Program Bantuan Rumah (PBR)

Agensi : Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor (BPENJ)

Kadar Bantuan :

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

- (i) Bina Baharu : RM65,000
- (ii) Baik Pulih : RM13,000

7. Kerajaan Negeri Johor sentiasa memandang serius kepada usaha meningkatkan kualiti hidup keluarga miskin dan miskin tegar dan ini termasuklah membina atau membaik pulih rumah mereka bagi menyediakan kediaman yang lebih selamat dan selesa sebagai asas kesejahteraan institusi kekeluargaan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

YB TUAN HAJI ABD. TAIB BIN ABU BAKAR (MACHAP)
SOALAN 56 (A32)

Mohon pencerahan tentang cadangan pelaksanaan pengawal keselamatan di sekolah diuruskan oleh pihak sekolah dan bukan lagi di bawah pengurusan syarikat swasta seperti yang diamalkan pada ketika ini.

JAWAPAN YB TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HAJI HASSAN

Sehingga kini, tiada arahan daripada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berkaitan pelaksanaan pengawal keselamatan di sekolah diuruskan oleh pihak sekolah.

Bagi Perkhidmatan Kawalan Keselamatan semasa, semua sekolah/institusi di bawah JPN Johor menerima perkhidmatan daripada syarikat swasta, manakala bagi perkhidmatan bermula 1 Januari 2020 hingga 31 Disember 2022 juga masih menggunakan perkhidmatan syarikat swasta di mana iklan tender di sistem e-Perolehan telah dikeluarkan oleh pihak KPM pada 3 September 2019 dan akan ditutup pada 24 September 2019.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

**YB KAPT. (B) HAJI NAJIB BIN LEP (BUKIT PASIR)
SOALAN 57 (A34)**

Berkenaan isu pencemaran lalat dan bau di persekitaran EDU HUB, cadangan daripada agensi yang terbabit adalah untuk dipindahkan lokasi penternakan ayam. Apakah terdapat tanah yang digazetkan bagi tujuan penternakan yang boleh membantu dalam pemindahan ladang ternakan ayam?

JAWAPAN YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI

Projek penternakan ladang unggas merupakan projek persendirian yang diusahakan secara semi-komersial atau komersial di tanah sendiri dengan kawalan dan pemantauan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor di bawah Enakmen Kawalan Pelesenan & Penternakan Unggas Tahun 1997.

Penternak ladang unggas telah membangunkan ladang dengan menggunakan modal sendiri sejak lama lagi sebelum pembangunan kemajuan kawasan EDU HUB di kawasan Parlimen Pagoh. Masalah yang timbul sekarang adalah apabila pembangunan baru yang dibina menghampiri kawasan ladang menyebabkan ladang tersebut terpaksa diarahkan untuk berpindah ke kawasan lain.

Walau bagaimanapun, pada masa kini tiada sebarang tanah yang digazet dalam TKPM khas bagi penternakan unggas. Oleh yang demikian, jabatan tidak mampu untuk mendapatkan kawasan baru dalam TKPM untuk memindahkan ternakan unggas terutamanya di daerah Muar.

Pihak jabatan berharap dapat bekerjasama dengan Pejabat Tanah Daerah Muar dan Tangkak bagi mengenal pasti kawasan yang sesuai untuk penternakan ladang unggas. Pihak jabatan sentiasa membantu dari segi teknikal, pelaksanaan MYGAP, SOP Akta Pelesenan Ladang Unggas supaya wujud ladang mesra alam yang tidak menimbulkan pencemaran bau dan masalah lalat.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

YB KAPT. (B) HAJI NAJIB BIN LEP (BUKIT PASIR)
SOALAN 58 (A35)

Perindustrian unggas menyumbang dan memberi sumber pendapatan kepada kerajaan negeri Johor. Apakah langkah kerajaan untuk menjaga kepentingan perindustrian unggas kini semakin terhimpit dengan pembangunan seperti penempatan dan perumahan?

JAWAPAN YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI

Industri ladang unggas di negeri Johor merupakan pengeluar utama dalam Malaysia. Bagi mengekalkan statistik pengeluaran ini jabatan sentiasa membuat pemantauan dan penambahbaikan ke atas 787 buah ladang unggas di negeri Johor.

Industri unggas di negeri Johor semakin mencabar dengan pembangunan industri lain yang semakin pesat. Bagi membantu industri unggas terus kekal pihak jabatan telah mengenal pasti rizab padang ragut, TKPM lot PTD 8217 seluas 104 hektar di Mukim Kahang, Kluang untuk dijadikan sebagai Taman Kekal Pengeluaran Unggas yang baru di negeri Johor.

Kawasan ini sesuai kerana jauh daripada kawasan perumahan yang melebihi 25km dari jalan masuk. Jabatan juga mencadangkan agar kos pembangunan infrastruktur ditampung oleh pihak swasta kerana ianya melibatkan kos yang tinggi bagi pelaksanaan projek.

Selain itu, bagi menjaga kepentingan perindustrian unggas di negeri Johor jabatan telah membuat pengukuhan biosekuriti ladang bagi menjaga dan mengawal kemasukan penyakit ke dalam ladang serta mengawal penyakit daripada merebak kepada manusia.

Pihak jabatan juga telah mewajibkan semua ladang unggas untuk bertukar kepada reban tertutup bagi menjamin kualiti industri unggas terus berkembang dan mengurangkan isu pencemaran bau dan lalat.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

**YB KAPT. (B) HAJI NAJIB BIN LEP (BUKIT PASIR)
SOALAN 59 (A36)**

Isu penguatkuasaan daripada agensi kerajaan agak kurang berkesan dari segi pelaksanaan. Antara faktor kurang keberkesanannya adalah disebabkan kekurangan anggota dan pertindihan kerja yang membebankan. Apakah pendekatan kerajaan untuk mengani isu ini dari sudut jangka masa pendek dan panjang?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Adalah dimaklumkan bahawa dalam melaksanakan tugas penguatkuasaan, semua agensi perlu mematuhi peraturan dan undang-undang agar tindakan yang diambil mematuhi garis panduan dan perundangan yang sedia ada. Ada kalanya juga, pandangan daripada pemimpin-pemimpin setempat diambil kira bagi mewujudkan suasana yang harmoni dalam melaksanakan tugas penguatkuasaan.

Dalam memastikan tahap profesional penguatkuasaan, Jabatan Perkhidmatan Awam telah menambah baik Skim Perkhidmatan Pegawai Penguat kuasa daripada Skim N (Pentadbiran dan Sokongan) kepada Skim KP (Keselamatan dan Pertahanan).

Sementara itu, beberapa peraturan tetap pelaksanaan tugas Penguatkuasaan terutamanya di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah diwujudkan dan ditambah baik dari semasa ke semasa agar ianya selaras dengan keadaan semasa. Masalah kekurangan anggota juga menjadi faktor dalam melaksanakan penguatkuasaan berikutan kawasan perkhidmatan yang semakin besar dan aduan yang semakin meningkat. Bagi mengatasi masalah ini, cara kerja baharu akan dilaksanakan seperti mewujudkan jadual kerja yang fleksibel dan penggiliran syif mengikut kesesuaian masalah setempat.

Pewujudan jawatan kontrak juga antara kaedah jangka pendek bagi mengatasi masalah kekurangan anggota yang sedia ada. Disamping itu juga, bagi meningkatkan tahap pelaksanaan tugas yang lebih efisien, beberapa Penguatkuasa telah dan akan dihantar menyertai kursus Polis Bantuan dengan kerjasama pihak Polis Diraja Malaysia. Ini bagi memastikan anggota Penguatkuasa dapat lebih memahami berkaitan prosedur dan perundangan. Bagi pihak Pejabat Tanah dan Galian Johor (PTG) pula, aktiviti penguatkuasaan turut diperketatkan dengan meletakkan sasaran pembukaan kertas siasatan sebagai KPI kepada pihak Pentadbiran Tanah Johor.

Sehingga kini 55 kertas siasatan telah dibuka dan 35 daripadanya telah pun dihantar kepada Perundangan PTG manakala 20 daripadanya pula telah dihantar ke Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Johor untuk dikenakan tindakan pendakwaan di bawah akta Seksyen 426 KTN.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

Pihak PTG juga telah menubuhkan Jawatankuasa Pemantauan Kuari secara bersepadu yang turut terdiri daripada agensi dan jabatan lain seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Mineral dan Geosains (JMG), Jabatan Kerja Raya (JKR), dan Polis Marin Diraja Malaysia.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

**YB PUAN CHEW PECK CHOO (YONG PENG)
SOALAN 60 (A39)**

Apakah tindakan yang akan diambil kepada pengusaha Projek Pertanian Moden yang tidak menunjukkan prestasi yang baik dalam aktiviti pertanian.

JAWAPAN YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI

Projek Pertanian Moden (PPM), Kluang, Johor merupakan projek yang bertujuan untuk meningkatkan pengeluaran dan bekalan bahan makanan bagi memenuhi keperluan domestik dan eksport sekali gus mengurangkan import bahan makanan negara melalui pengaplikasian teknologi moden. Program ini melibatkan kerjasama dengan syarikat swasta yang dilantik bagi menjalankan aktiviti pertanian di tanah PPM. Setakat ini seramai 34 peserta telah menyertai projek di PPM dengan hasil pengeluaran pada tahun 2018 sebanyak RM 74,042,327.50.

Semua peserta yang menyertai projek PPM perlu menandatangani kontrak perjanjian pelaksanaan projek bagi memastikan projek yang dijalankan adalah menepati plan perniagaan yang telah dipersetujui antara Kerajaan dan syarikat selaras dengan polisi yang telah ditetapkan oleh Kementerian.

Terdapat 2 peringkat Jawatankuasa ditubuhkan untuk mentadbir, menyelaras dan memantau pelaksanaan Projek Pertanian Moden, Kluang, Johor iaitu Jawatankuasa Teknikal Projek Pertanian Moden dan Jawatankuasa Pemandu Projek Pertanian Moden bagi memastikan projek ini berdaya maju dan mencapai tahap pemodenan sepertimana yang disasarkan. Selain itu juga, satu pasukan penilaian penanda aras yang diketuai oleh Ketua Penanda Aras bagi setiap sub-sektor diwujudkan iaitu Tanaman (Jabatan Pertanian), Ternakan (Jabatan Perkhidmatan Veterinar) dan Perikanan (Jabatan Perikanan) untuk menilai dan memastikan tahap prestasi dan kemajuan projek-projek yang diusahakan serta mengesyorkan langkah-langkah yang boleh diambil untuk penambahbaikan. Selaras dengan SOP PPM, peserta yang masih menunjukkan prestasi yang tidak memuaskan atau melanggar syarat perjanjian penamatan perjanjian akan dilaksanakan seperti berikut:

1. Peserta yang dikenal pasti berprestasi rendah dikemukakan surat amaran dengan tempoh percubaan tiga (3) bulan bagi memperbaiki prestasi pelaksanaan projek;
2. Jika gagal perbaiki prestasi dalam tempoh berkenaan, satu laporan akan dikemukakan kepada kementerian bagi mendapatkan ulasan Jabatan Teknikal yang berkaitan;
3. Ulasan dan laporan akan dibentang di Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal PPM dan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu PPM untuk tindakan penamatan;

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

4. Kementerian dan JKPTG akan mengeluarkan notis kemungkiran perjanjian pelaksanaan dan perjanjian pajakan dengan tempoh selama 30 hari untuk meremedikan notis berkenaan berdasarkan Klausa 18(1)(b);
5. Peserta yang gagal meremedikan notis kemungkiran, Kementerian dan JKPTG akan mengeluarkan notis penamatan perjanjian pelaksanaan dan perjanjian pajakan/sewaan;
6. Surat makluman kepada peserta untuk mengosongkan tapak akan dikeluarkan dalam tempoh sebulan sebelum kemasukan peserta baru;
7. Jika peserta masih enggan keluar dari tapak, Surat makluman kepada JKPTG untuk tindakan penguatkuasaan akan dikeluarkan; dan
8. Proses pengusiran/ tindakan penguatkuasaan terhadap peserta yang ingkar.

Sebelum sesuatu proses penamatan dilakukan, pihak PPM perlu mendapatkan pandangan dan nasihat daripada Penasihat Undang-Undang Kementerian bagi memastikan proses penamatan adalah selaras dengan undang-undang dan peraturan semasa kerajaan yang sedang berkuat kuasa.

Sehingga 31/8/2019, rekod menunjukkan bahawa penamatan perjanjian di antara pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dengan peserta-peserta terlibat adalah sebanyak enam (6) syarikat yang menjalankan pelbagai aktiviti pertanian. Sebanyak 17 Plot tanah dengan keluasan 1847 ekar terlibat dengan penamatan perjanjian ini.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

**YB PUAN CHEW PECK CHOO (YONG PENG)
SOALAN 61 (A40)**

Senaraikan nama pengusaha, luas kawasan dan kadar sewaan peserta Projek Pertanian Moden.

JAWAPAN YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI

Seramai 34 peserta telah menyertai Projek Pertanian Moden dengan anggaran kawasan di antara 30 hingga 500 ekar bagi setiap peserta mengikut jenis projek pertanian yang dijalankan. Senarai nama peserta yang menyertai Projek Pertanian Moden adalah seperti berikut:

Kawasan Ayer Hitam:

1. All Cosmos Sdn. Bhd
2. Semai Komponen Sdn. Bhd
3. Kawan Pertanian Sdn. Bhd
4. Spices Marketing Sdn. Bhd
5. Koperasi Usahawan Graduan Johor Berhad
6. Malmewah Reality Sdn. Bhd
7. Country Heights Farm Living Sdn. Bhd
8. Athema Agronomi Sdn. Bhd
9. Melbourne Wealth Sdn. Bhd
10. Lembah Matanaga Sdn. Bhd
11. Azhar Manufacturing Sdn. Bhd
12. Agensi Pekerjaan Saidon Sdn. Bhd
13. Herba Bagus Sdn. Bhd
14. Nallian Enterprise Sdn. Bhd
15. Persahabatan Jujur (Hydro-Organik Sdn. Bhd)
16. Zenxin Agriculture Sdn. Bhd
17. Pineapple Cannery of Malaysia Sdn. Bhd
18. UK Farm Sdn. Bhd
19. Xian Leng Sdn. Bhd
20. Agrofutur Sdn. Bhd
21. Integrasi Teguh Sdn. Bhd
22. Kustaman Enterprise
23. Gadong Sari Sdn. Bhd
24. Potential Fortune Sdn. Bhd
25. Intergrasi Agro Sdn. Bhd
26. Majestic Dairy Sdn. Bhd
27. SR Golden Agro Farm Sdn. Bhd
28. Koperasi Perniagaan Masyarakat India Johor Bhd
29. SK Tangakaliswaran Sdn. Bhd
30. Balanisamy Sdn. Bhd

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

Kawasan Padang Hijau:

1. Lazuli Sdn. Bhd
2. Hybrid Allied Sdn. Bhd
3. D.K. Ternak Sdn. Bhd
4. Kris Agritech Sdn. Bhd

Kadar pajakan bagi peserta di PPM adalah antara RM80.00/ekar/tahun, manakala kadar sewaan pula adalah diantara RM68.00 hingga RM72.00/ekar/bulan. Kadar pajakan dan sewaan di PPM adalah berdasarkan kepada penilaian yang telah ditetapkan oleh Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) dan Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH).

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

**YB PUAN CHEW PECK CHOO (YONG PENG)
SOALAN 62 (A42)**

Bilakah cctv akan dipasang di pekan Yong Peng bagi mengelakkan peningkatan kes pecah rumah di pekan Yong Peng yang semakin meningkat?

JAWAPAN YB TUAN TAN CHEN CHOON

Pemasangan sistem kamera litar tertutup (CCTV) di kawasan pentadbiran Majlis Daerah Yong Peng (MDYP) akan dilaksanakan dari semasa ke semasa berdasarkan peruntukan yang diperolehi.

Bagi memastikan pemasangan CCTV memberi kesan kepada umum, pihak MDYP telah merujuk kepada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi mengenal pasti lokasi-lokasi tumpuan (*hotspot*) yang memerlukan pemasangan sistem berkenaan.

Sebagai permulaan, program pemasangan CCTV ini akan dilaksanakan di bandar Yong Peng menerusi peruntukan yang disediakan oleh pihak MDYP. Untuk makluman, proses perlaksanaan program tersebut kini di peringkat sebut harga bagi tujuan lantikan kontraktor dan kerja-kerja pemasangan dijangka akan dilaksanakan pada bulan November 2019 dan dijangka berfungsi pada Disember 2019 kelak.

Perlu diperjelas juga bahawa langkah pemasangan sistem berkenaan adalah sebagai sokongan kepada usaha membanteras jenayah oleh pihak PDRM dengan kerjasama pasukan Skim Rondaan Sukarela (SRS).

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

**YB PUAN CHEW PECK CHOO (YONG PENG)
SOALAN 63 (A43)**

Bagaimanakah kerajaan negeri Johor memantau aktiviti kilang haram atau berpotensi membawa pencemaran di sekitar kawasan Yong Peng?

JAWAPAN YB TUAN TAN CHEN CHOON

Kerajaan Negeri Johor menerusi Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor komited menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 ke atas premis-premis yang berpotensi menjadi punca pencemaran di seluruh negeri Johor. Komitmen tersebut di terjemah melalui pemeriksaan berjadual dan penyiasatan ke atas aduan orang awam.

Khususnya di kawasan Yong Peng, perincian tindakan terhadap aduan awam sehingga 31 Ogos 2019 adalah seperti berikut:

1. Pemeriksaan : **Sebanyak 24 premis telah diperiksa**
2. Kompaun : **Sebanyak 9 kompaun telah dikeluarkan**
3. Notis Arahan : **Sebanyak 3 notis arahan telah dikeluarkan**
4. Tahanan Operasi : **Sebanyak 4 kes diperintah tahanan operasi**
5. Kertas Siasatan : **Sebanyak 1 kertas siasatan telah disediakan**

Sebagaimana yang dinyatakan di bawah Seksyen 49A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, pihak JAS telah mengarahkan pemilik premis untuk mempunyai / mewujudkan Orang Yang Berwibawa (*Competent Person*) bagi tujuan pengurusan kawalan dan pemantauan pencemaran yang baik.

Langkah bersifat pematuhan sendiri (*Self Guided Regulation*) sebegini yang diwajibkan kepada setiap pemain industri berkaitan dapat memastikan premis yang berpotensi mencemarkan dapat dikawal dan dikurangkan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

**YB PUAN CHEW PECK CHOO (YONG PENG)
SOALAN 64 (A44)**

Bagaimana kerajaan negeri menyelesaikan masalah pencahayaan yang tidak cukup, permukaan jalan yang tidak rata dan takungan air yang masih menunggu peruntukan kerajaan.

1. Dari Ayer Hitam ke Chaah.
2. Yong Peng ke Kangkar Bahru.

JAWAPAN YB TUAN HAJI SOLIHAN BIN BADRI

1. Laluan Air Hitam ke Chaah

Terdapat beberapa lokasi telah disenaraikan untuk program pemasangan lampu jalan bagi tahun 2019 berjumlah 4.5 juta bagi mengatasi masalah pencahayaan. Program tersebut telah dipohon peruntukan dan sehingga kini masih menunggu kelulusan peruntukan untuk dilaksanakan.

Pada masa kini pihak JKR telah menjalankan pembaikan bahu jalan bagi melancarkan pengaliran air longkang tepi jalan dan akan terus melaksanakan kerja penyenggaraan sepanjang tahun

2. Yong Peng ke Kangkar Bahru.

Terdapat kerja-kerja pemasangan lampu jalan telah siap dilaksanakan pada Jun 2019. Namun demikian, kerja-kerja pemasangan lampu jalan yang dilaksanakan tidak merangkumi keseluruhan jalan tersebut diatas kekangan peruntukan.

Bagi mengatasi masalah takungan air, kerja-kerja meyelenggara pembentung dan longkang telah disenaraikan didalam program penyelenggaraan melalui Syarikat Konsesi yang akan dilaksana pada oktober 2019.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

**YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)
SOALAN 65 (A46)**

Senaraikan pelabur-pelabur baru yang bertekad untuk melabur di negeri Johor.

JAWAPAN YB TUAN JIMMY PUAH WEE TSE

Berikut adalah pelabur-pelabur baru yang mempunyai perancangan untuk melabur di Negeri Johor dan jangkaan memulakan pelaburan adalah pada akhir tahun 2019 dan tahun 2020.

BIL	NAMA SYARIKAT/ PELABUR	JENIS PELABURAN / PRODUK	NEGARA
1.	Manuka Co. Ltd	Fatty acid solution for animal nutrition	New Zealand
2.	Robbox Tools	Digital Robotic Tools	Vancouver, Canada
3.	Toppan Forms Co. Ltd	BPO Centre	Jepun
4.	Hankyu Hanshin Holdings	Sektor ICT	Jepun
5.	Kaneka Corp	Medical Device, R&D, Business Services	Jepun
6.	KCC Corporation	Float glass, Engineering, Auto Glass Ultra-Thin Electronic Glass	Korea
7.	Deli-I Co. , Ltd	Infra-development, Newtown Development & Medical Tourism Complex Development	China
8.	Samyang Foods Co. Ltd	Halal Instant Noodle	Korea
9.	MAHA Chemical (Asia) Pte Ltd	Green process manufacturing plant & amino acid-based, cosmetics, health care	Singapura
10.	NingBo New Land Bearing Co.Ltd	Ball bearing product, mechanical & power tool	China
11.	EON Reality	Digital Centre, R&D Centre in Virtual /augmented	Amerika Syarikat.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

**YB PUAN HAJAH NORHAYATI BINTI BACHOK (MAHARANI)
SOALAN 66 (A47)**

Apakah status pindaan undang-undang berkaitan had umur minimum perkahwinan bawah umur semenjak pengumuman Kerajaan Negeri pada 2018 bahawa had umur minimum akan dinaikkan kepada 18 tahun, serta jumlah terkini perkahwinan bawah umur dibenarkan dan tidak dibenarkan mengikut pecahan setiap daerah?

JAWAPAN YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI

1. Statistik kes bagi tahun 2018 dan 2019 setakat September 2019 di bawah seksyen 8 Enakmen Keluarga Islam Negeri Johor 2003 adalah sebagaimana lampiran.
2. Alasan Permohonan
 - Pemohon tidak bersekolah lagi dan sudah bekerja.
 - Pemohon telah mengenali di antara satu sama lain dan berhubung rapat dengan pasangannya.
 - Telah mendapat restu ibu bapanya.
3. Alasan Hakim
 - Pemohon telah matang dan bersedia untuk mendirikan rumah tangga.
 - Ibu bapa tiada halangan dan merestui serta bersedia untuk membantu pemohon dan pasangan dalam membina rumah tangga mereka.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

**YB PUAN HAJAH NORHAYATI BINTI BACHOK (MAHARANI)
SOALAN 67 (A48)**

Apakah status terkini kemudahan Wifi hotspot berkelajuan tinggi secara percuma ke setiap daerah yang dilancarkan kerajaan terdahulu dengan kos RM10 juta setahun bagi tempoh 5 tahun operasi serta perancangan Kerajaan Negeri untuk memperluaskan kemudahan ini ke seluruh negeri?

JAWAPAN YB TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HAJI HASSAN

Projek Johor WiFi telah diperkenalkan berdasarkan kehendak rakyat dalam kajian Pelan Suara Hati Johor. Johor WiFi Fasa 1 telah beroperasi sepenuhnya bermula 1 Januari 2016 dengan 135 *hotspot* merangkumi kawasan tumpuan orang ramai di bawah seliaan 16 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), kaunter-kaunter PBT dan 13 Projek Perumahan Rakyat (PPR) di seluruh Negeri Johor. Kos pelaksanaan Projek Johor WiFi Fasa 1 adalah sebanyak RM12.477 juta untuk tempoh 3 tahun bermula 1 Januari 2016 sehingga 31 Disember 2018. Oleh kerana sambutan yang amat menggalakkan daripada rakyat Negeri Johor (purata log masuk 520,000 sesi setiap bulan berdasarkan laporan prestasi bulanan Johor WiFi yang dipantau oleh Bahagian Sains Teknologi dan ICT Negeri Johor), Kerajaan Negeri masih meneruskan perkhidmatan Johor WiFi ini sehingga 31 Disember 2019 dengan kos operasi sebanyak RM1.698 juta.

Berikutan sambutan yang memberangsangkan juga, Kerajaan Negeri telah mengambil langkah penambahbaikan melalui pelaksanaan Projek Johor WiFi Fasa 2 dengan memperluaskan perkhidmatan Johor WiFi ke kawasan luar bandar. Sebanyak 49 *hotspot* telah dipasang di 49 kawasan tumpuan orang ramai yang telah dikenal pasti setelah mengambil kira cadangan-cadangan yang diketengahkan oleh pemimpin masyarakat dan semua Pejabat Daerah untuk pemasangan perkhidmatan Johor WiFi luar bandar ini. Selain kawasan luar bandar, Johor WiFi Fasa 2 juga melibatkan penambahan 17 *hotspot* baru di kawasan PBT dan kerja-kerja menaik taraf kapasiti kelajuan akses internet daripada 4 Mbps kepada 8 Mbps di 40 *hotspot* sedia ada bagi menampung keperluan penggunaan harian yang tinggi. Projek Johor WiFi Fasa 2 ini menelan belanja sebanyak RM8.965 juta untuk tempoh 3 tahun bermula 1 Januari 2018 sehingga 31 Disember 2020.

Secara keseluruhannya Johor WiFi telah mempunyai 201 *hotspot* di seluruh Negeri Johor dan sehingga Ogos 2019, jumlah pengguna berdaftar bagi perkhidmatan ini adalah seramai 442,574 orang. Fasa perluasan Projek Johor WiFi seterusnya masih lagi di peringkat kajian. Kerajaan Negeri Johor sentiasa menerima cadangan penambahan lokasi Johor WiFi dari orang ramai dari semasa ke semasa namun kajian dan lawatan tapak perlu dilaksanakan terlebih dahulu bagi memastikan kesesuaian penambahan lokasi baharu *hotspot* agar pelaburan Kerajaan untuk Johor WiFi ini dapat dimanfaatkan sebaiknya.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

**YB PUAN HAJAH NORHAYATI BINTI BACHOK (MAHARANI)
SOALAN 68 (A49)**

Sila nyatakan jumlah peratusan Wanita dalam ahli lembaga pengarah, pengurusan tertinggi dan kumpulan pengurusan GLC/GLIC negeri Johor dan perancangan Kerajaan Negeri untuk mencapai sasaran 30% kuota wanita dalam pengurusan tertinggi GLC/GLIC.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, sememangnya peranan wanita dalam pembangunan negara mahupun negeri semakin diakui. Pada masa kini, semakin ramai golongan wanita yang bekerjaya dan ada diantara mereka yang menjadi ketua unit, jabatan mahupun organisasi.

Di Johor, dalam menuju ke arah negeri yang berprestasi tinggi, keterlibatan golongan wanita terutamanya wanita muda tidak dapat dinafikan signifikannya.

Kini, kita telah **mencapai lebih separuh sasaran 30 peratus kuota wanita di Johor** terlibat dalam pengurusan tertinggi GLC/GLIC.

Malah, Johor mampu muncul sebagai negeri pertama yang mencapai sasaran 30 peratus wanita dalam posisi pembuat dasar di seluruh peringkat pentadbiran kerajaan negeri malah dijangka turut dapat dilaksanakan di sektor swasta.

Sebagai sebuah kerajaan yang inklusif, pentadbiran saya sentiasa mempunyai iltizam yang tinggi untuk meningkatkan pelantikan wanita dalam jawatan-jawatan kanan di dalam sektor perkhidmatan awam negeri.

Ini termasuk badan-badan berkanun, syarikat-syarikat pelaburan berkaitan kerajaan negeri, GLC serta GLIC seiring dengan peningkatan daya kepimpinan wanita negeri Johor.

Ini kerana sudah tiba masanya, para wanita yang berkemampuan, berkeelayakan dan berkemahiran tinggi dilantik memegang jawatan tinggi dalam Lembaga Pengarah, Pengurus Besar dan Perancangan Strategik badan-badan berkanun dan GLC.

Ia dapat dibuktikan lagi apabila di peringkat nasional, pelantikan Timbalan Perdana Menteri Wanita pertama negara yang telah direalisasikan oleh Kerajaan Pakatan Harapan malah perkara ini langsung tidak pernah difikirkan atau disasarkan oleh kerajaan yang terdahulu.

Di peringkat negeri pula, kita mengalu-alukan pelantikan Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker dari kalangan wanita. Perkembangan ini merupakan langkah

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

permulaan atau *milestone* yang baik dan amat penting untuk menggiatkan lagi signifikan peranan wanita dalam pentadbiran negeri.

Selain itu, perkara ini sekiranya dapat dilaksanakan secara lebih meluas lagi, pastinya dapat memartabatkan dan memperkasakan kaum wanita di negeri ini selain menggalakkan partisipasi wanita dalam kepimpinan dan sebagai pembuat keputusan dalam segala bidang.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

**YB PUAN HAJAH NORHAYATI BINTI BACHOK (MAHARANI)
SOALAN 69 (A50)**

Susulan operasi penguatkuasaan sejak 2018, berapakah jumlah terkini kilang pemprosesan sisa plastik masih beroperasi tanpa lesen mengikut pecahan kawasan DUN, tindakan Kerajaan Negeri bagi membanteras operasi haram ini serta langkah-langkah untuk melupuskan sisa yang sudah dan belum diproses?

JAWAPAN YB TUAN TAN CHEN CHOON

Kerajaan Negeri Johor memandang serius terhadap industri perusahaan sisa plastik di negeri Johor khususnya membabitkan pematuhan perundangan sejajar dengan Dasar Kelestarian Negeir Johor yang dilancarkan sebelum ini.

Komitmen Kerajaan Negeri Johor tersebut di terjemah melalui penguatkuasaan bersepadu oleh agensi berkaitan seperti Jabatan Alam Sekitar bersama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) SWCorp Negeri Johor ke atas premis-premis sisa plastik bagi menangani kewujudan premis yang beroperasi tanpa lesen. Malah, pihak JAS juga kini giat mengenal pasti dan memperincikan pengusaha sisa plastik yang beroperasi secara haram di setiap kawasan Dewan Negeri Johor.

Dalam pada itu, pihak JAS juga turut menjalinkan kerjasama proaktif bersama Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), JPSPN dan SWCorp bagi menangani kemasukan sisa plastik dari negara luar secara haram. Operasi bersepadu telah dilaksanakan di pelabuhan utama negeri Johor menerusi langkah pemeriksaan dan penahanan kontena yang membawa sisa plastik tanpa lesen ke Malaysia.

Tindakan tegas turut diambil terhadap pengimport sisa plastik secara haram dengan menghantar semula kontena tersebut ke negara asal dan menyerbu serta membuat sitaan di premis-premis yang terbabit dengan kegiatan pengimportan haram berkenaan.

Sebarang pelanggaran kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Jabatan Alam Sekitar akan mengesyorkan supaya lesen mereka dibatalkan atau digantung. Tindakan kompaun dan mahkamah juga diambil bagi memastikan pengusaha sisa plastik sentiasa patuh pada perundangan sedia ada.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

**YB PUAN HAJAH NORHAYATI BINTI BACHOK (MAHARANI)
SOALAN 70 (A51)**

Apakah insentif yang boleh dipohon oleh rakyat terutama golongan belia yang berminat menceburi bidang pelancongan khususnya eko-pelancongan, serta sebarang insentif meningkatkan penyertaan usahawan tempatan dalam usaha Kerajaan Negeri mempromosikan Tahun Melawat Johor 2020?

JAWAPAN YB CIK LIOW CAI TUNG

Kejayaan industri pelancongan tidak semata-mata bergantung kepada kempen dan promosi di dalam dan luar negara, tetapi ia juga bergantung kepada penglibatan pemain industri yang berkaitan. Sempena Tahun Melawat Johor 2020, Kerajaan Negeri melalui Tourism Johor telah merancang 20 aktiviti utama yang dianggarkan akan membuka lebih peluang pekerjaan kepada masyarakat tempatan dan seterusnya menambah pendapatan setempat.

20 acara yang disenaraikan melibatkan semua daerah di Negeri Johor yang merangkumi pelbagai jenis aktiviti termasuk yang berteraskan eko-pelancongan. Sebagai langkah permulaan, Tourism Johor akan mempergiatkan aktiviti promosi

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

**YB PUAN HAJAH NORHAYATI BINTI BACHOK (MAHARANI)
SOALAN 71 (A52)**

Adakah masih terdapat sekolah berstatus 'daif' di negeri Johor, jika ada sila nyatakan mengikut pecahan kawasan DUN berserta perancangan Kerajaan Negeri bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan untuk membina baharu atau menaik taraf sekolah-sekolah terbabit?

JAWAPAN YB TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HAJI HASSAN

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini, terdapat dua (2) buah sekolah daif di Negeri Johor sedang di naik taraf dan dibangunkan semula dengan kos projek berjumlah RM4 juta. Sekolah terlibat ialah SK Parit Markom, Pontian (Dun Benut) dan SK Seri Paya, Batu Pahat (Dun Semarang). Kesemua projek ini sedang berjalan dan dijangka siap sepenuhnya pada akhir tahun ini.

Dalam konteks perancangan pembangunan semula sekolah daif, pelaksanaan bagi tahun 2019 ditambah baik daripada aspek penggunaan skala impak, kaedah pelaksanaan dan skop pembinaan. Keutamaan projek diberikan kepada sekolah yang berskala 7. Sekolah berskala 7 adalah sekolah yang tidak selamat lagi untuk digunakan dan telah mendapat pengesyoran daripada Jabatan Kerja Raya (JKR).

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

**YB TUAN MUHAMAD SAID BIN JONIT (MAHKOTA)
SOALAN 72 (A53)**

Penggunaan wang derma di masjid perlu diperluaskan kepada membantu rakyat seperti pendidikan, bayaran hutang dan barangan keperluan bagi golongan yang memerlukan, apakah MAIJ boleh mengeluarkan arahan kepada Pengurusan Masjid untuk hal ini?

JAWAPAN YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI

Minit mesyuarat Majlis Agama Islam Negeri Johor Bil.6/6/2019 bertarikh 8/7/2019:

- 1) Meluluskan garis panduan program masjid menyantuni asnaf fakir dan miskin.
- 2) Mesyuarat bersetuju Bahagian Pengurusan Masjid perlu mengadakan taklimat garis panduan supaya tidak melanggar hukum syarak, enakmen pentadbiran Agama Islam Johor, peraturan kewangan majlis, undang-undang serta peraturan semasa.
- 3) Mesyuarat juga bersetuju Bahagian Pengurusan Masjid memberi pencerahan dan penjelasan kepada golongan yang layak menerima bantuan keperluan tersebut dan golongan yang layak menderma bantuan.
- 4) Program masjid menyantuni asnaf (fakir miskin) dengan objektif:
 - A) Meningkatkan kesedaran kepada masyarakat tentang peranan masjid sebagai sebuah institusi pembangunan masyarakat.
 - B) Menjadikan masjid sebagai tempat rujukan maklumat dan kebajikan ahli kariah. Beserta sumber dari tabung masjid dan pelaksanaan semua masjid negeri Johor.
- 5) Sumber kewangan adalah dari badan korporat, individu, fidyah oleh Majlis Agama Islam Johor serta tabung kebajikan masjid.
- 6) Pelaksanaan di semua masjid dalam negeri Johor

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

**YB TUAN MUHAMAD SAID BIN JONIT (MAHKOTA)
SOALAN 73 (A54)**

Bolehkah pihak MPKK menggunakan kaedah kerjasama dengan syarikat pelupusan sampah untuk menyelesaikan isu sampah secara proaktif?

JAWAPAN YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI

Untuk makluman, sehingga hari ini kplb tidak mempunyai sebarang peruntukan untuk bagi tujuan pengurusan sampah di kawasan MPKK. Pihak MPKK dan kerajaan negeri adalah dialu-alukan jika boleh bekerjasama dengan syarikat pelupusan sampah bagi tujuan penyelesaian isu terbabit.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

**YB TUAN MUHAMAD SAID BIN JONIT (MAHKOTA)
SOALAN 74 (A56)**

Mengapakah PBT masih membenarkan kedai-kedai milik warga asing dan tidak membatalkan lesen yang hanya menggunakan warganegara Malaysia hanya untuk mengaburi pihak PBT?

JAWAPAN YB TUAN TAN CHEN CHOON

Sebagaimana Ahli-Ahli Yang Berhormat sedia maklum, adalah menjadi dasar bagi setiap PBT tidak membenarkan peniaga-peniaga yang bukan rakyat Malaysia atau warga asing berniaga secara berleluasa di dalam kawasan pentadbirannya.

Namun begitu, dalam prosedur permohonan lesen di PBT, larangan bagi pemohon atau pekerja terdiri daripada warga asing hanya bagi aktiviti yang dilesenkan di bawah lesen / aktiviti penjaja sahaja. Sekiranya pemohon ingin menggajikan pekerja warga asing, pelesen perlu mempunyai kebenaran serta permit yang sah. Lesen perniagaan yang dimiliki juga tidak boleh dipindah milik kepada pihak ketiga.

Manakala, bagi aktiviti perniagaan / perusahaan yang dilesenkan dengan premis perniagaan, perindustrian, hiburan dan lain-lain, pihak PBT hanya akan mempertimbangkan untuk kelulusan sekiranya seseorang pemohon yang terdiri daripada warganegara asing tersebut telah berdaftar dengan pihak SSM serta dapat menunjukkan bukti perkongsian atau pemegang saham dalam syarikat Sdn. Bhd. yang diluluskan oleh pihak SSM. Warganegara asing yang memohon lesen perlu mengemukakan Memorandum and Articles of Association (M&A), Borang 9, Borang 24 dan Borang 49 yang dikeluarkan serta diluluskan oleh pihak SSM. Urusan dan tanggungjawab mempertimbangkan kelayakan seseorang bukan warganegara untuk menjalankan perniagaan di Malaysia bukan terletak di bawah bidang kuasa pihak PBT.

Justeru itu, sekiranya pemilik lesen didapati telah melanggar syarat pelesenan ini, tindakan penggantungan lesen atau pembatalan lesen boleh dibuat oleh pihak PBT. Pihak PBT juga boleh mengambil tindakan terhadap lesen peniaga melalui laporan yang dikemukakan oleh pihak Imigresen setelah operasi dijalankan. Tindakan ini dibuat dengan cara mengemukakan laporan penguatkuasaan pihak Imigresen bagi pertimbangan pembatalan lesen dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan dan Pelesenan PBT.

Dalam usaha untuk memastikan peniaga tempatan tidak terancam dengan kehadiran mereka, PBT sentiasa menjalankan pemantauan dan melaksanakan tindakan penguatkuasaan terhadap peniaga-peniaga termasuklah premis perniagaan yang dimiliki oleh peniaga tempatan manakala pekerja-pekerjanya terdiri daripada pekerja asing dan memastikan tiada penyalahgunaan lesen premis berlaku.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

Terdapat dua peruntukan undang-undang yang digunapakai bagi mengambil tindakan terhadap peniaga warga asing ini seperti berikut:

Pertama:

Bagi tindakan penjaja warga asing peruntukan undang-undang yang digunakan ialah Undang-Undang Kecil Penjaja, iaitu barang perniagaan peniaga tersebut terus disita dan tidak dikembalikan lagi sekiranya pemilik ingin membuat tuntutan.

Kedua:

Bagi tindakan di premis, ia menggunakan Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian, iaitu sitaan terus dalam premis tanpa sebarang notis diberikan kepada pemilik dan pekerja warga asing. Kertas siasatan juga akan dibuka untuk tujuan pendakwaan dimahkamah.

Bagi mengawal perniagaan tanpa lesen milik warga asing ini, pihak PBT telah mengambil beberapa langkah pencegahan di antaranya:

- i. Tindakan berkala secara menyeluruh terhadap warga asing berniaga;
- ii. Operasi bersepadu bersama pihak Imigresen dan SPRM; dan
- iii. Rondaan secara berterusan dalam memastikan tiada aktiviti perniagaan daripada warga asing.

Aduan daripada orang awam yang merupakan mata-mata kepada pihak PBT, untuk memaklumkan lokasi-lokasi perniagaan warga asing ini.

Sementara itu, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) Negeri Johor memperincikan perangkaan operasi dan tangkapan warga asing di restoran dan kedai makan bagi tahun 2018 dan 2019 (sehingga Ogos) seperti berikut:

#	PERKARA	TAHUN	
		2018	2019 (setakat Ogos)
1	Jumlah operasi	228	135
2	Jumlah orang diperiksa	2,072	1,172
3	Jumlah tangkapan PATI	478	348
4	Jumlah tangkapan majikan	41	26
5	Jumlah tangkapan warganagara	0	0

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

**YB TUAN TAN HONG PIN (SKUDAI)
SOALAN 75 (A57)**

Nyatakan bilangan rumah mampu biaya yang dilepaskan mengikut mukim bagi tahun 2016, 2017, 2018 dan 2019 dengan menyatakan kategori rumah, jantina, umur, keturunan dan pendapatan penerima dan jumlah subsidi kepada setiap unit rumah yang dilepaskan itu.

JAWAPAN YB TUAN SR. DZULKEFLY BIN AHMAD

Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang mulia, perincian bilangan Rumah Mampu Biaya Johor yang telah ditawarkan atau dilepaskan bagi tahun 2016, 2017, 2018 dan 2019 adalah sebagaimana berikut:

DAERAH	KATEGORI					KAUM				
	RMB A	RMB B	RMB C	KKS	JUMLAH	MELAY U	CINA	INDIA	LAIN-LAIN	JUMLAH
JOHOR BAHRU	76	160	1,220	341	1,797	1,116	535	139	7	1,797
KULAI	5	59	244	48	356	221	95	40	0	356
MUAR	47	44	0	0	91	76	13	2	0	91
BATU PAHAT	174	104	17	4	299	192	89	17	1	299
KLUANG	64	115	241	1	421	259	119	41	2	421
SEGAMAT	64	140	13	0	217	128	64	25	0	217
TANGKAK	28	63	59	7	157	124	21	12	0	157
KOTA TINGGI	193	0	11	8	212	160	31	20	1	212
MERSING	24	10	0	0	34	31	3	0	0	34
PONTIAN	34	11	0	0	45	31	7	7	0	45
JUMLAH	709	706	1,805	409	3,629	2,338	977	303	11	3,629

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

**YB TUAN TAN HONG PIN (SKUDAI)
SOALAN 76 (A58)**

Nyatakan bilangan akaun SAJ Ranhill mengikut kawasan perumahan di sekitar Johor Bahru dengan menyatakan juga LRA yang membekalkan air terawat ke kawasan tersebut dan kapasiti LRA berkenaan.

JAWAPAN YB TUAN JIMMY PUAH WEE TSE

Bagi makluman Yang Berhormat, bilangan akaun pengguna di daerah Johor Bahru terbahagi kepada empat Pejabat Agensi daerah iaitu Agensi Johor Bahru, Agensi Iskandar Puteri, Agensi Pasir Gudang, dan Agensi Kulai. Berikut adalah senarai jumlah bilangan akaun Ranhill SAJ pada Ogos 2019.

- i. Agensi Johor Bahru - 220,853 akaun
- ii. Agensi Iskandar Puteri - 133,915 akaun
- iii. Agensi Pasir Gudang - 138,539 akaun
- iv. Agensi Kulai - 117,189 akaun

Jumlah akaun di daerah Johor Bahru adalah 610,496 akaun bersamaan dengan 52 % daripada jumlah keseluruhan akaun Negeri Johor iaitu 1,182,200 akaun.

Jadual berikut adalah senarai Loji-loji Rawatan Air (LRA) yang membekalkan air terawat ke kawasan-kawasan di daerah Johor Bahru berserta kapasiti setiap Loji Rawatan Air bagi makluman Yang Berhormat.

No	Loji Rawatan Air (LRA)	Kapasiti - Juta Liter Sehari (JLH)
1	Sg Johor, Kota Tinggi	318
2	Sg Semanggar, Kota Tinggi	318
3	Sg Sayong, Kota Tinggi	45
4	Sg Skudai, Johor Bahru	68
5	Gunung Pulai, Johor Bahru	82
6	Sg Layang, Johor Bahru	358

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

**YB TUAN TAN HONG PIN (SKUDAI)
SOALAN 77 (A59)**

Nyatakan bilangan hartanah yang dirancang, diluluskan, sedang dibina dan siap dibina di setiap mukim seluruh Johor bagi tahun 2014 hingga 2023 dengan menyatakan jenis hartanah, harga jualan, bilangan unit dan prestasi jualan setiap satunya.

JAWAPAN YB TUAN SR. DZULKEFLY BIN AHMAD

Jumlah Rumah Mampu Biaya Johor yang telah siap dibina pada tahun 2014 sehingga 2018 adalah 18,045 unit manakala bilangan unit RMBJ yang dijangka siap pada tahun 2019 hingga tahun 2023 adalah berjumlah 23,177 unit.

Berikut adalah perincian mengikut daerah, tahun siap dan dijangka siap:

DAERAH	TAHUN JANGKA SIAP PEMBINAAN								JUMLAH
	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021-2023	
JOHOR BAHRU	692	1,233	5,821	3,464	893	3,752	2,476	4,777	23,108
KULAI	0	6	0	215	110	306	833	1326	2,796
MUAR	3	0	0	135	0	73	58	802	1,071
BATU PAHAT	122	295	696	43	444	625	60	344	2,629
KLUANG	237	264	497	165	125	322	231	468	2,309
SEGAMAT	100	238	237	89	74	0	36	1,538	2,312
TANGKAK	0	53	228	38	0	49	536	351	1,255
KOTA TINGGI	156	31	0	466	233	461	0	2,537	3,884
MERSING	0	0	0	61	156	0	9	424	650
PONTIAN	227	0	198	0	0	0	0	783	1,208
JUMLAH	1,537	2,120	7,677	4,676	2,035	5,588	4,239	13,350	41,222

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

**YB TUAN TAN HONG PIN (SKUDAI)
SOALAN 78 (A61)**

Nyatakan perbelanjaan Kerajaan yang dibelanjakan setiap bulan untuk program Kad Sihat Johor sejak program ini dilancarkan sehingga bulan Ogos 2019.

JAWAPAN YB TUAN MOHD KHUZZAN BIN ABU BAKAR

Pada tahun 2019, penerima Kad Sihat Johor bagi fasa Kedua ini disasarkan seramai 14,000 penerima dengan peruntukan sebanyak RM6.5 juta. Perbelanjaan Kerajaan yang telah dituntut untuk program Kad Sihat Johor sejak program dilancarkan sehingga bulan Ogos 2019 adalah sebanyak RM466,265.60 termasuk bayaran kepada Syarikat Maju Sihat bagi setiap penerima Kad Sihat Johor sebanyak RM390,900.00.

Pecahan kos setiap bulan untuk program Kad Sihat Johor ini adalah seperti di bawah.

DAERAH	2018				2019							
	OKT	NOV	DIS	JUMLAH (RM)	JAN	FEB	MAC	APRIL	MEI	JUN	JULAI	JUMLAH (RM)
KOTA TINGGI			2890.50	2,890.50	725.50							725.50
SEGAMAT		829.00	1042.00	1,871.00	389.00							389.00
JOHOR BAHRU	88.00	1976.00		2,064.00	3,718.00					2,088.60		5,806.60
TANGKAK	2168.00	2769.50	2452.00	7,389.50	850.00			90.00	1626.00	3642.00	5662.00	11,870.00
MUAR	300.00			300.00	506.60				409.60	6852.80	11806.00	19,575.00
PONTIAN		2863.50		2,863.50	2431.70						547.00	2,978.70
KLUANG	150.00	326.00	200.00	676.00	340.00					1094.00		1,434.00
			140.00	140.00								
MERSING					6718.80							6,718.80
BATU PAHAT		3043.50		3,043.50	586.00	2701.00		1349.00	4180.80	4927.30	9354.9	23,099.00
KULAI		1856.70	1574.20	3,430.90	915.00				134.00	1720.00		2,769.00
JUMLAH KESELURUHAN				24,668.90								75,365.60

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

**YB TUAN TAN HONG PIN (SKUDAI)
SOALAN 79 (A62)**

Terangkan dengan jelas pelaksanaan program Takaful Warga Emas Johor dengan menyatakan perbelanjaan Kerajaan untuk membiayai program ini dan bilangan waris yang menerima bayaran bagi tahun 2018 dan tahun 2019.

JAWAPAN YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI

Pelaksanaan program Takaful Warga Emas Negeri Johor (TWENJ) telah dilaksanakan pada 15 Ogos 2018 dengan perlindungan takaful selama 1 tahun dan tamat tempoh pada 15 Ogos 2019 dengan sasaran seramai 11,200 peserta. Peruntukan bagi membiayai program tersebut adalah sebanyak RM 560,000.00 manakala pembaharuan perlindungan TWENJ bagi tahun 2019 masih di dalam proses kelulusan kerajaan negeri. Sehingga 15 Ogos 2019, jumlah tuntutan kematian adalah seramai 80 peserta dan bayaran khairat / kos pengebumian telah diserahkan kepada pewaris masing-masing sebanyak RM 1,000.00 setiap keluarga..

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

**YB DATO' SHARIFAH AZIZAH BINTI DATO' SYED ZAIN (PENAWAR)
SOALAN 80 (A63)**

Apakah perancangan dan promosi yang telah dibuat oleh Tourism Johor Johor sempena tahun melawat Johor pada tahun 2020 khususnya di DUN Penawar.

JAWAPAN YB CIK LIOW CAI TUNG

Kerajaan Negeri Johor melalui Tourism Johor amat komited dalam mempromosikan dan memperhebatkan kempen Tahun Melawat Johor 2020 yang bakal menjelmakan negeri Johor sebagai negeri pelancongan yang dinamik. Seperti yang sedia maklum, sektor industri pelancongan mempunyai potensi yang sangat besar, sedang dipacu untuk menjadi salah satu penjana utama ekonomi dan rakyat negeri Johor selain menjadi penampan kepada tempias ekonomi dunia yang tidak menentu.

Selaras dengan kempen Tahun Melawat Johor 2020 yang sedang giat dijalankan dengan kerjasama Pejabat Kementerian Pelancongan & Kebudayaan Malaysia Negeri Johor, Tourism Malaysia Johor serta pemain-pemain industri sektor pelancongan.

Berikut merupakan perancangan dan program promosi yang telah dilaksanakan :-

1. Penganjuran acara yang bertaraf nasional dan antarabangsa di DUN Penawar seperti Desaru International Triathlon, Desaru International Bike Week, Majestic Heritage Treasure Hunt, Ombak Festival, Laksamana Trophy Charity Golf Tournament 2019 dan sebagainya.
2. Mengatur siri Lawatan Fam-trip yang merangkumi media-media (antarabangsa/nasional), *blogger-blogger* (Air-Asia) dan agensi-agensi pelancongan (antarabangsa/nasional) dari negara-negara sepertimana berikut :
 - 2.1 Turki
 - 2.2 Singapura (Singapore Airlines)
 - 2.3 Thailand (Air-Asia)
 - 2.4 Vietnam (Air-Asia)
 - 2.5 India
 - 2.6 Bangladesh (Regent Airways)

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

**YB DATO' SHARIFAH AZIZAH BINTI DATO' SYED ZAIN (PENAWAR)
SOALAN 81 (A65)**

Mohon nyatakan bilangan pegawai wanita yang terlibat secara langsung dalam membuat keputusan di dalam pentadbiran kerajaan negeri Johor.

JAWAPAN YB TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HAJI HASSAN

Adalah dimaklumkan bahawa seramai 273 jawatan pegawai wanita yang terlibat secara langsung dalam membuat keputusan di dalam Pentadbiran Negeri Johor. Ini di mana 273 jawatan daripada keseluruhan 856 jawatan iaitu sebanyak 31.89% pembuat dasar dalam Kumpulan Pengurusan & Profesional telah pun dilantik di kalangan wanita dalam Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun Negeri.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

**YB TUAN YEO TUNG SIONG (PEKAN NANAS)
SOALAN 82 (A66)**

Berapakah kes kebakaran rumah dan kebakaran terbuka yang berlaku di Johor pada bulan Jun, Julai dan Ogos 2019 dan antaranya berapa orang telah didakwa di bawah Akta Alam Sekitar 1974, seksyen 29A?

JAWAPAN YB TUAN TAN CHEN CHOON

Berdasarkan sumber Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), pecahan statistik **kebakaran rumah dan kebakaran terbuka** sepanjang bulan Jun, Julai dan Ogos 2019 adalah seperti berikut

Bil	Bulan	Kes Kebakaran Terbuka	Kes Kebakaran Rumah
1	Jun	78	26
2	Julai	296	28
3	Ogos	1073	30

Manakala, sumber Jabatan Alam Sekitar (JAS) pula merekodkan kejadian kebakaran disebabkan oleh faktor cuaca yang panas dan kurangnya taburan hujan. Rekod aduan pembakaran terbuka pula mencatatkan aktiviti pembakaran dilakukan oleh komuniti kejiranan dan di tapak-tapak pelupusan sampah haram membabitkan tanah berpemilik dan tanah rizab Kerajaan.

Di peringkat JAS selaku agensi penguatkuasaan, sebanyak empat (4) kertas siasatan di bawah Seksyen 29A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 telah dibuka sepanjang tempoh tiga (3) bulan tersebut yang melibatkan aktiviti pembakaran terbuka berskala besar di tapak pelupusan sampah haram.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

**YB TUAN YEO TUNG SIONG (PEKAN NANAS)
SOALAN 83 (A68)**

Berapakah jumlah rumah akan dibina melalui projek penswastaan Faspadu Sdn. Bhd di Pekan Nanas dan di antaranya berapakah jumlah rumah mampu milik akan dibina melalui projek penswastaan tersebut?

JAWAPAN YB TUAN SR. DZULKEFLY BIN AHMAD

Perjanjian Penswastaan projek telah ditandatangani pada 11 Mei 2015 di antara Kerajaan Negeri Johor, Perbadanan Setiausaha Kerajaan Johor (SSI) dan Faspadu Sdn. Bhd. (Faspadu). Tapak projek melibatkan tanah-tanah kerajaan yang terbiar di sekitar Pekan Nenas, Pontian dianggarkan seluas 64.78 ekar, Mukim Jeram Batu, Daerah Pontian.

Komponen perumahan yang dibangunkan oleh pihak Faspadu terdiri daripada Rumah Sesebuah dan Rumah Teres dengan jumlah keseluruhan sebanyak 419 unit. Perincian komponen-komponen perumahan serta harga jualan adalah sebagaimana berikut:

BIL	KOMPONEN	UNIT	HARGA (RM)
1	Rumah Sesebuah (Standard lot of 5,000 ft2)	137	750,000.00 – 800,000.00
2	Rumah Sesebuah Rizab Melayu	13	680,000.00
3	Rumah Teres (22'x70')	160	400,000.00
4	Rumah Teres (22'x70') Rizab Melayu	20	340,000.00
5	Rumah Teres (20'x70')	89	350,000.00
JUMLAH		419	-

Berdasarkan komponen-komponen perumahan projek yang dinyatakan, tiada jenis rumah mampu milik akan dibangunkan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

Keseluruhan pulangan kepada Kerajaan Negeri adalah seperti berikut:

BIL	PERKARA	NILAI (RM)	STATUS
PULANGAN TUNAI			
1	Perjanjian Ditandatangani	500,000.00	Telah dibayar
2	Ulangtahun pertama perjanjian	3,500,000.00	Tertunggak
3	Ulangtahun ke-2 perjanjian	3,500,000.00	Tertunggak
4	Ulangtahun ke-3 perjanjian	3,500,000.00	Terima Bayaran RM 2 juta
5	Ulangtahun ke-4 perjanjian	3,500,000.00	Terima Bayaran RM 750 ribu
6	Ulangtahun ke-5 perjanjian	1,400,000.00	-
JUMLAH PULANGAN TUNAI		RM 15,900,000.00 Jumlah Terimaan : RM 3,250,000.00	
PULANGAN "IN-KIND"			
1	Kerja pembaikan dan tambahan kepada Pejabat Daerah Pontian	4,000,000.00	Proses pengesahan reka bentuk
2	Kerja menaiktaraf Kediaman Rasmi Pegawai Daerah Pontian	200,000.00	Proses pengesahan reka bentuk
3	Menaiktaraf Pusat Informasi Harapan Rakyat Mukim Sg. Karang	800,000.00	Belum dilaksanakan
4	Pembinaan semula Gelanggang Bola Keranjang	100,000.00	Belum dilaksanakan
JUMLAH PULANGAN "IN-KIND"		RM 5,100,000.00	
JUMLAH KESELURUHAN		RM 21,000,000.00	

Selain itu, Faspadu perlu memperuntukkan bayaran sebanyak RM 1,000,000.00 bagi pampasan untuk menggantikan kuarters Jabatan Kerja Raya Daerah Pontian yang terletak di atas tapak pembangunannya. Pihak Faspadu telah membuat bayaran pampasan tersebut kepada BPENJ dan wang tersebut telah diletakkan di dalam satu akaun amanah.

Faspadu Sdn Bhd turut mengemukakan cadangan untuk menstrukturkan semula nilai dan tempoh bayaran tunai kepada Kerajaan Negeri dan BPENJ mengesyorkan agar cadangan tersebut dibawa kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan untuk pertimbangan dan kelulusan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

YB TUAN YEO TUNG SIONG (PEKAN NANAS)

SOALAN 84 (A69)

Memohon jumlah ahli pekerja dan majikan Perkeso aktif di negeri Johor dan langkah-langkah kerajaan untuk meningkatkan penyertaan pihak majikan dan pekerja untuk membayar caruman Perkeso?

JAWAPAN YB TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HAJI HASSAN

Sehingga 31 Ogos 2019 jumlah majikan aktif di Negeri Johor ialah 119,730 majikan manakala jumlah pekerja aktif ialah 1,104,218 pekerja.

Berhubung isu yang dibangkitkan oleh YB Tuan Yeo Tung Siong (Pekan Nanas), Kerajaan menerusi PERKESO sentiasa melaksanakan usaha berterusan untuk meningkatkan penyertaan pihak majikan dan pekerja untuk membayar caruman PERKESO. Usaha berterusan memberi kesedaran menerusi pendekatan "mendidik" dengan mempergiatkan aktiviti dan program kesedaran menerusi hebahan di media massa, media sosial, laman web, program bual bicara di televisyen dan radio, pemasangan banner di tempat awam, edaran poster dan risalah, program pendidikan seperti Program Seranta, Program PERKESO bersama Pemimpin Masyarakat, penyertaan pameran di karnival kerjaya anjuran agensi / jabatan kerajaan dari semasa ke semasa dan sebagainya. Selain itu, PERKESO turut mengambil pendekatan proaktif dengan menjalankan "Program Ops Kesan" iaitu aktiviti pengesanan dan penguatkuasaan melalui lawatan pintu ke pintu premis majikan secara berkala turut dijalankan.

Kaedah punitif yang merupakan pilihan terakhir turut diambil sekiranya majikan masih ingkar mendaftar serta mencarum iaitu melalui tindakan kompaun dan pendakwaan. Di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4), Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 (Akta 789) dan Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800), tindakan kompaun atau pendakwaan boleh diambil terhadap mereka dan jika sabit kesalahan, denda tidak melebihi RM10,000 atau hukuman penjara sehingga dua (2) tahun atau kedua-duanya sekali boleh dikenakan.

Sebagai langkah jangka panjang, PERKESO telah mengorak langkah ke hadapan dengan mengadakan kerjasama bersama Jabatan Tenaga Kerja dan Jabatan Tenaga Manusia melaksanakan Modul Pembelajaran berkaitan Keselamatan Sosial dan Hak Pekerja. Modul pembelajaran ini menjadi salah satu subjek wajib kepada pelajar-pelajar yang mengikuti latihan di Institut - Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) termasuk di ADTEC dan Japan Malaysia Technical Institute (JMTI) di bawah Kementerian Sumber Manusia di seluruh negara yang telah dilaksanakan mulai sesi pengajian tahun 2018.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

**YB TUAN YEO TUNG SIONG (PEKAN NANAS)
SOALAN 85 (A70)**

Berapakah keluasan hutan simpanan tadahan air yang diwartakan dan adakah kerajaan negeri akan mewartakan lebih banyak hutan simpan tadahan air untuk memastikan sumber air tidak menghadapi risiko pencemaran ataupun aktiviti-aktiviti lain?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Hutan merupakan sumber alam semula jadi yang perlu diuruskan dengan sistematik bagi menjamin kelestarian sumber air mentah negara untuk masa hadapan.

Hampir 97% sumber air mentah negara berpunca dari sungai yang kebanyakannya berasal dari kawasan hutan semula jadi yang sebahagiannya berstatus Hutan Simpan Kekal (HSK). Selain daripada peranannya dalam pembangunan sosio ekonomi dan bekalan sumber air, hutan juga berperanan dalam mengawal kestabilan alam sekitar dan kesuburan tanah.

Kerajaan Negeri Johor melalui Jabatan Perhutanan Negeri Johor telah mewartakan sejumlah 85,327.04 hektar kawasan sebagai Hutan Tadahan Air pada tahun 2008 dan 2009. Jumlah tersebut melibatkan 17 HSK atau 25.5% daripada jumlah keseluruhan keluasan HSK yang berada dalam negeri Johor.

Untuk makluman, sebanyak 356.84 hektar kawasan hutan di Hutan Simpan Jementah dicadangkan untuk diwartakan sebagai Hutan Tadahan Air. Status terkini, kertas kerja pewartaan tersebut telah disediakan dan akan diangkat ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dalam masa terdekat.

Hutan Tadahan Air merupakan salah satu kelas fungsi kegunaan hutan bagi Hutan Simpanan Kekal sebagaimana keperluan di bawah perenggan 10 (1)(e), Akta Perhutanan Negara 1984.

Dasar Perhutanan Negara 1978 (Pindaan 1992) menyatakan HSK perlu dikelaskan di bawah beberapa fungsi dan salah satunya adalah fungsi Hutan Perlindungan. Hutan Perlindungan berfungsi untuk mengawal sumber air disamping untuk memastikan kesesuaian iklim dan keadaan fizikal negara, kesuburan tanah, kualiti alam sekitar, pemuliharaan kepelbagaian biologi, mengurangkan kerosakan oleh banjir dan hakisan kepada sungai dan tanah pertanian.

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri juga telah bersetuju bahawa dengan pengelasan dan pewartaan HSK sebagai Hutan Tadahan Air, maka kerja-kerja pembalakan dan sebarang aktiviti yang menjejaskan kawasan tadahan air dan juga kualiti kawasan yang berkaitan tidak boleh dijalankan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)
SOALAN 86 (A72)

Minta perincikan perkembangan isu pencemaran di Pasir Gudang khususnya dari sudut undang-undang; serta tindakan penguatkuasaan secara kronologi yang dikenakan terhadap pemilik kilang-kilang yang terlibat.

JAWAPAN YB TUAN TAN CHEN CHOON

Insiden pencemaran kimia yang berlaku di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang pada 7 Mac lalu membabitkan pembuangan haram sisa kimia di tebing dan mengalir ke dalam sungai berdasarkan bahan kimia yang dikesan dalam sampel darah dan urin mangsa.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, kerja-kerja pembersihan telah dilaksanakan kerana bahan yang dibuang memiliki sifat separa fizikal. Lanjutan daripada itu, pesalah yang terbabit telah dikenal pasti dan dihadapkan ke mahkamah dengan tarikh perbicaraan telah ditetapkan pada 16-17 Oktober 2019 dan 3-5 Disember 2019.

Manakala, **insiden gangguan kesihatan yang membabitkan murid di Taman Mawar, Pasir Gudang pada 20 Jun 2019**. Insiden ini menyaksikan murid-murid yang terjejas mengalami simptom loya dan muntah-muntah.

Merujuk kepada insiden tersebut, tiada sebarang bahan kimia dikesan di dalam sampel darah dan urin mangsa. Kejadian tersebut membabitkan kehadiran gas pencemar di ruang udara yang sukar untuk dikesan punca pelepasannya memandangkan pergerakan gas ini dipengaruhi oleh suhu, angin dan tekanan udara.

Sehubungan dengan itu, kejadian tersebut tidak membabitkan sebarang kerja pembersihan sebaliknya tindakan bersifat kawalan dilaksanakan bagi mengelakkan orang awam daripada terdedah kepada sebarang kemungkinan pencemaran. Pihak Jabatan Alam Sekitar juga telah menjalankan aktiviti penguatkuasaan secara konsisten dan proaktif ke atas kilang-kilang yang berpotensi menyebabkan pencemaran.

Berikut adalah perincian tindakan penguatkuasaan JAS yang telah dilaksanakan:

- | | |
|------------------------------------|--|
| 1. Pemeriksaan Kilang | : 266 premis telah diperiksa |
| 2. Kompaun | : 146 kompaun telah dikeluarkan |
| 3. Notis Arahan | : 61 notis arahan telah dikeluarkan |
| 4. Perintah Tahanan Operasi | : 13 kes perintah tahanan operasi |
| 5. Syor Tindakan Mahkamah | : 5 kes telah disyorkan untuk diambil tindakan mahkamah |

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

Simptom loya dan muntah-muntah turut dikesan menjadi punca insiden gangguan kesihatan yang membabitkan murid-murid dari Sekolah Kebangsaan Taman Pasir Putih, Pasir Gudang pada 28 Ogos lalu.

Tindakan serta-merta berikut telah diambil oleh pihak JAS bagi mengawal dan mencegah insiden tersebut daripada menular:

1. Pemantauan kualiti udara di kawasan SK Taman Pasir Putih telah dilaksanakan sebanyak dua kali sehari bermula 29 Ogos;
2. Siasatan lanjut ke premis industri dan loji kumbahan di sekitar Taman Pasir Putih dilaksanakan pada 29 Ogos;
3. JAS sedang dan akan meneruskan pemantauan kualiti udara membabitkan 12 kawasan tumpuan (*hotspot*) di sekitar sekolah rendah;
4. JAS telah mempergiat pemantauan dan penguatkuasaan ke atas premis industri di Pasir Gudang khususnya sepanjang tempoh peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) yang berakhir semalam (dari 4,5,10 dan 11 September 2019).

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

**YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)
SOALAN 87 (A74)**

Melihat pentingnya subjek Kesultanan Islam Johor, minta jelaskan bagaimana subjek ini dapat diajar kepada semua pelajar Bangsa Johor yang tidak ke sekolah agama di dalam negeri Johor.

JAWAPAN YB TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HAJI HASSAN

Dalam Kurikulum Baru Sekolah Menengah, mata pelajaran Sejarah merupakan mata pelajaran teras yang wajib dipelajari oleh semua murid, termasuk di sekolah rendah. Di peringkat SPM melalui tahun 2013, murid wajib lulus untuk layak sijil. Ini selaras dengan hasrat dan matlamat Falsafah Pendidikan Negara (FPN) yang menekankan perkembangan yang seimbang dan bersepadu daripada segi intelek, rohani, emosi dan jasmani.

Merujuk subjek Kesultanan Islam Johor ini merupakan asas penting asal usul pembentukan sebuah Negara Bangsa Johor yang gemilang mulai tahun 1895 lagi. Johor mencapai status negeri yang bertamadun yang membina jati diri melalui pemerintahan Institusi Diraja yang berfungsi memberi perlindungan dan keadilan kepada rakyat Bangsa Johor ini. Murid mempelajari gaya kepimpinan tokoh terkenal Johor, mengenal tokoh-tokoh Bangsa Johor, amalan perpaduan dan permuafakatan Bangsa Johor yang boleh dicontohi bangsa lain dan penghayatan budaya serta sejarah pemerintahan Johor berasaskan Islam sebagai panduan selain menonjolkan identiti unggul Bangsa Johor dalam pelbagai bidang yang membanggakan di peringkat nasional dan antarabangsa.

Semua topik yang menyentuh perkara di atas, pelajar Bangsa Johor yang tidak ke sekolah agama di dalam negeri Johor telah didedahkan dan boleh mempelajarinya melalui sukatan mata pelajaran Sejarah berkaitan Kesultanan Melayu Johor ini di sekolah menengah kebangsaan. Contohnya Buku Sejarah Tingkatan 1 (KBSM:2002), Tajuk:Johor Menegakkan Semula Kewibawaan Kesultanan Melayu Melaka, M/S 101 – 113. Buku Sejarah Tingkatan 2 (KBSM:2007), Tajuk Pemodenan Johor m/s 63 – 70, Buku Sejarah Tingkatan 5 (KBSM:2009), Tajuk Warisan Negeri-negeri Melayu- m/s 80-82.

Selain itu disyorkan kepada pelajar-pelajar yang terlibat, dapat mempelajari ilmu pengetahuan dan kemahiran terkini yang berkaitan dengan topik mata pelajaran Sejarah ini dengan membaca buku-buku berkaitan Sejarah Bangsa Johor melalui pelbagai media untuk kemenjadian pelajar bertepatan dengan karakter Bangsa Johor yang hebat.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)
SOALAN 88 (A75)

Minta nyatakan pandangan Kerajaan Negeri terhadap tahap penguasaan bahasa Kebangsaan yang masih rendah dalam kalangan rakyat; serta pendekatan Kerajaan Negeri bagi memastikan Bangsa Johor fasih berbahasa Kebangsaan sama ada dalam pertuturan mahu pun penulisan.

JAWAPAN YB TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HAJI HASSAN

Untuk membantu peningkatan penguasaan Bahasa Kebangsaan dikalangan masyarakat Malaysia amnya dan rakyat Johor khasnya, berbagai-bagai inisiatif telah diambil samada di peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia dan juga di peringkat Jabatan Pendidikan Negeri Johor. Antara yang telah dan sedang dilaksanakan ialah;

i. Program Nilam (Galakan Membaca).

Program yang mengalakan murid untuk membaca sebanyak buku yang boleh dan dibuat rumusan / sinopsis. Rumusan / sinopsis buku akan diperiksa dan disahkan oleh guru. Bagi pelajar yang membaca sejumlah buku yang banyak akan dipertandingkan dan diberi hadiah serta sijil penghargaan samada di peringkat sekolah, daerah, negeri dan juga kebangsaan.

ii. Kelas peralihan

Kelas peralihan di wujudkan bagi membantu murid-murid tingkatan 1(Satu) yang tidak menguasai Bahasa kebangsaan pada tahap minima (C). Pelajar-pelajar ini akan di beri perhatian dan diberi bantuan dalam menguasai Bahasa Kebangsaan. Ini termasuk juga Mata Pelajaran Amalan Bahasa Melayu (ABM). Murid-murid ini diberi pendedahan terhadap Bahasa Melayu dalam menguasai kemahiran dalam Bahasa Melayu seperti bertutur dan membaca, mengeja dan menulis.

iii. Kempen Dekad Membaca

Sama seperti program Nilam tetapi kempen ini bukan dibuat mengikut bulan , hari atau musim tetapi sepanjang masa selama 1 dekad.

iv. Dekad Bahasa Kebangsaan

Program yang dilaksanakan di peringkat sekolah. Program ini perlu dilaksanakan sepanjang tahun selama 1 dekad. Program atau aktiviti yang menjurus kepada peningkatan penguasaan Bahasa Kebangsaan seperti berpantun, bersyair, bersajak, Bahasa Berirama, perbhasan, bercerita, bercerpen dan sebagainya tidak dilaksanakan mengikut musim tetapi perlu dilaksanakan secara berterusan.

Di peringkat Jabatan Pendidikan Negeri Johor anantara program yang dilaksanakan ialah :

i. Kursus Pedagogi Bahasa Melayu Untuk Guru-guru Bukan Opsyen

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

- ii. Kursus Pedagogi Bahasa Melayu Untuk Guru-Guru Bukan Opsyen SJKC dan SJKT.
- iii. Modul Penguasaan Bahasa Melayu untuk Murid-Murid SJK
- iv. Modul Penguasaan Melayu untuk Kelas Peralihan
- v. Modul Pembelajaran Bahasa Melayu menggunakan pendekatan-pendekatan Pembelajaran Abad Ke-21.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)
SOALAN 89 (A76)

Minta nyatakan peruntukan serta inisiatif daripada Kerajaan Negeri termasuk jabatan dan agensi negeri (bukan peruntukan Kerajaan Persekutuan) bagi memperkasa program-program pembangunan insaniah dan kokurikulum kepada sekolah-sekolah di seluruh Johor.

JAWAPAN YB TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HAJI HASSAN

Unit Kokurikulum JPN Johor tiada menerima sebarang peruntukan khusus dari Kerajaan Negeri untuk program-program pembangunan insaniah.

Manakala agensi-agensi tertentu ada berkolaborasi dengan unit kokurikulum untuk program-program pembangunan insaniah tetapi tidak menyatakan nilai RM. Unit kokurikulum hanya menyediakan sebilangan murid yang dipersetujui terlibat dengan komitmen agensi menjanjikan kebajikan murid seperti makan minum, sijil dan hadiah pertandingan.

Unit kokurikulum suka mencadangkan agar setiap pihak berkuasa tempatan di negeri Johor berkolaborasi dengan unit kokurikulum dengan cara menaja satu program peringkat negeri melalui peruntukan CSR nya. Unit kokurikulum sedia menyenaraikan program-program kokurikulum (untuk pilihan PBT) yang dilaksanakan setiap tahun dan sedia berbincang dengan pihak berkuasa tempatan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)
SOALAN 90 (A78)

Mohon senaraikan jumlah Permit Mendaki Gunung yang telah diluluskan pada tahun 2018 hingga 2019 berdasarkan gunung yang terdapat di negeri Johor?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Jabatan Perhutanan Negeri Johor telah merekodkan jumlah Permit Memasuki Hutan Simpanan Kekal (Seksyen 47 Akta Perhutanan Negara (APN) 1984) bagi aktiviti pendakian gunung yang terdapat di dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK) Negeri Johor adalah seperti berikut:

Tahun 2018: 861 permit

Tahun 2019: 629 permit (sehingga Ogos 2019)

Untuk makluman terdapat 18 gunung/bukit yang terdapat di dalam HSK Negeri Johor.

BIL	GUNUNG	HUTAN SIMPAN KEKAL	DAERAH
1	Gunung Besar	Labis	Johor Utara
2	Gunung Bekok	Labis	Johor Utara
3	Bukit Ma'okil	Ma'okil	Johor Utara
4	Gunung Petawai	C/ Endau Rompin	Johor Utara
5	Gunung Chabang Tiga	Labis	Johor Utara
6	Gunung Tiong	Labis	Johor Tengah
7	Gunung Berlumut	Kluang	Johor Tengah
8	Gunung Chemendung	Kluang	Johor Tengah
9	Gunung Lambak	Renggam	Johor Tengah
10	Bukit Banang	Banang	Johor Tengah
11	Gunung Janing	Labis	Johor Timur
12	Gunung Janing Barat	Labis	Johor Timur
13	Gunung Arong	Gunung Arong	Johor Timur
14	Gunung Pulai	Gunung Pulai	Johor Selatan
15	Gunung Muntahak	Panti	Johor Selatan
16	Gunung Sumalayang	Ulu Sedili	Johor Selatan
17	Gunung Panti Barat	Panti	Johor Selatan
18	Gunung Panti	Panti	Johor Selatan

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

**YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)
SOALAN 91 (A79)**

Apakah rancangan kerajaan di dalam menguruskan rumah dan tanah terbiar memandangkan tiada sebarang perubahan dan semakin banyak aduan diterima kerana ia mampu mendatangkan masalah kepada masyarakat.

JAWAPAN YB TUAN TAN CHEN CHOON

Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Johor sentiasa melaksanakan pemantauan bagi memastikan keseluruhan kawasan pentadbiran sentiasa bersih dan berkeadaan baik.

Merujuk kepada Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), "kacau ganggu" ditafsirkan sesuatu perbuatan, peninggalan atau benda yang menyebabkan atau mungkin menyebabkan bencana, kegusaran, kesalahan, kerosakan, bahaya atau kecacatan kepada deria penglihatan, bau atau pendengaran atau yang membencanakan atau berbahaya atau yang mungkin membencanakan atau berbahaya kepada kesihatan atau harta atau yang menjejaskan keselamatan atau hak penduduk umumnya.

Oleh itu, bagi menangani masalah premis atau kawasan lapang yang menjadi kacau ganggu awam terhadap penduduk sekitar, PBT boleh mengambil tindakan perundangan di bawah Akta 171 tersebut sebagaimana berikut :

- i. Seksyen 74 membolehkan mana-mana pemunya, penduduk/ penyewa mana-mana rumah, bangunan/tanah sama ada layak diduduki oleh tuan atau tidak yang membiarkan rumah, bangunan/tanah itu di dalam keadaan kotor/diliputi tumbuh-tumbuhan rimbun dan mudarat apabila disabitkan didenda tidak melebihi RM1,000/dipenjarakan tidak lebih 6 bulan atau kedua-dua dan didenda tambahan tidak melebihi RM100 bagi setiap satu hari selamat tempoh kesalahan diteruskan.
- ii. Seksyen 75 kuasa untuk memasuki dan mencuci rumah/bangunan, PBT boleh mengarahkan penduduknya membersihkan kediaman dan PBT boleh memasuki kediaman untuk membersihkan kawasan.
- iii. Mengambil Langkah Proaktif menghantar surat kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk mengguna pakai Seksyen 81 (k), dengan mengisytiharkan semak samun sebagai suatu kacau ganggu bagi memudahkan tindakan terhadap pemilik premis dan kawasan lapang yang bermasalah.
- iv. Tindakan tersebut adalah bersesuaian kerana di dalam Seksyen 82, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) turut menyatakan bahawa setiap kesalahan kacau ganggu di bawah kesalahan yang telah dimaksudkan

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

dalam Seksyen 81, Pihak Berkuasa Tempatan boleh menyampaikan suatu notis kepada orang yang telah menyebabkan kacau ganggu itu terbit sebagaimana yang telah disediakan di dalam Akta tersebut iaitu sebagaimana yang tertulis di dalam Borang B, Akta 171.

Peranan PBT sebagai agensi kerajaan yang sangat sentiasa dekat di hati rakyat sudah pastinya menjadikan PBT itu sendiri sentiasa mencari jalan penyelesaian terhadap aduan-aduan yang datangnya daripada masyarakat sekeliling. Merujuk kepada perkara yang dibangkitkan, PBT sentiasa giat mengenal pasti kawasan lapang dan premis terbiar yang menjadi kacau ganggu awam.

Pihak pentadbiran PBT akan menjalankan siasatan di lapangan bagi memastikan aduan yang diterima adalah benar. Sebagai contoh, bagi kes lot-lot tanah yang semak samun, carian maklumat pemilik tanah terlebih dahulu dilakukan secara dalaman melalui Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta atau Jabatan Perancangan Pembangunan sebelum Notis Menghapuskan Kacau ganggu dikeluarkan. Sekiranya jabatan dalaman PBT yang berkaitan tidak mempunyai data pemilikan tanah kawasan tersebut, carian maklumat akan dilakukan di Pejabat Tanah dan Galian atau Pejabat Tanah Dan Daerah sebelum notis dikeluarkan. Tempoh notis 7 hingga 14 hari bergantung kepada keadaan semasa kawasan aduan tersebut. Sekiranya pemilik tanah gagal mematuhi notis yang dikeluarkan, kertas siasatan akan dibuka dan tindakan mahkamah akan diambil.

Manakala, bagi kes premis / rumah terbiar pula, pihak PBT akan menjalankan siasatan di lapangan bagi memastikan aduan yang diterima adalah benar dan Notis Menghendaki Kacau ganggu Dihapuskan ditampal di Pagar/Pintu premis tersebut. Carian maklumat pemilik rumah dilakukan secara dalaman melalui Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta PBT bagi memastikan pemilik premis / rumah mempunyai alamat lain daripada premis / rumah yang diadu. Tempoh notis 7 hingga 14 hari bergantung kepada keadaan semasa kawasan aduan tersebut. Sekiranya tuan rumah / premis gagal menghapuskan kacau ganggu tersebut dalam tempoh masa yang diarahkan, pihak PBT akan menjalankan kerja-kerja pembersihan dan segala kos bagi kerja tersebut akan ditanggung oleh pemilik rumah.

Selain daripada inisiatif taskforce PBT secara "in-house" tersebut, PBT juga adakalanya menggunakan perkhidmatan secara "out-source" melalui Kontraktor yang dilantik sebagai "back-up" dalam membantu PBT untuk mengambil tindakan kerja-kerja penghapusan kacau ganggu mengguna pakai Seksyen 81, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) terhadap kawasan lot-lot tanah lapang dan premis terbiar berpemilik yang mempunyai masalah kacau ganggu tersebut. Segala kos yang terlibat dengan kerja-kerja penghapusan kacau ganggu tersebut akan dituntut kepada pemilik premis berkenaan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

**YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)
SOALAN 92 (A81)**

Sila senaraikan jumlah kes jenayah yang berlaku di negeri Johor pada tahun 2018 hingga 2019, berdasarkan bulan dan kategori jenayah.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Pendekatan pencegahan jenayah dilaksanakan polis Johor membuahkan hasil positif apabila indeks jenayah sebanyak 4.98 peratus sepanjang tempoh Januari hingga Ogos tahun ini.

Berdasarkan statistik daripada PDRM jumlah jenayah mencatatkan penurunan sebanyak 343 kes iaitu 6,541 kes berbanding 6,884 kes tahun lalu. Penurunan indeks jenayah ini wajar dipuji dan ia menunjukkan keberkesanan program pencegahan jenayah yang dilaksanakan Polis Kontinjen Johor.

Penurunan indeks jenayah ini telah membuktikan usaha proaktif yang berterusan perlu dilaksanakan supaya statistik terus menunjukkan angka penurunan pada tahun ini.

Walaupun indeks jenayah menunjukkan penurunan, PDRM percaya ini tidak menjadi alasan pihak polis cepat berpuas hati dengan statistik ini kerana cabaran sebenar adalah mengekalkan pencapaian positif ini demi ketenteraman awam.

Tindakan proaktif Polis di Johor dalam usaha mengekalkan keselamatan dan kestabilan negeri juga antara faktor yang menyumbang kepada proses pembangunan Johor yang berlaku pesat sebagaimana direncanakan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

**YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)
SOALAN 93 (A82)**

Sila senaraikan permohonan dan jumlah perbelanjaan Yayasan Pelajaran Johor pada tahun 2019 mengikut daerah masing-masing.

JAWAPAN YB TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HAJI HASSAN

Untuk makluman, Kerajaan Negeri Johor melalui YPJ pada tahun 2019, telah memperuntukan sebanyak RM 10.48 juta (pelajar baru) bagi tujuan bantuan Pendidikan dan program kecemerlangan di peringkat sekolah dan mahasiswa antaranya ialah pemberian pinjaman pelajaran, bantuan pendaftaran, program kecemerlangan mahasiswa dan pelajar sekolah. Berikut merupakan butiran senarai permohonan sepanjang tahun 2019 beserta jumlah perbelanjaan setakat 31 Ogos 2019 mengikut daerah :

Daerah	Pelajar	RM	% Peratus Perbelanjaan		
			Bantuan Pendidikan	Program Kecemerlangan Mahasiswa	Program Kecemerlangan Pelajar
Johor Bahru	916	RM2,315,728.76	81.3	4.3	14.4
Batu Pahat	397	RM956,340.14	74.3	6.3	19.4
Kulai	187	RM429,846.36	65.6	9.3	25.1
Pontian	154	RM375,631.14	57.8	10.1	32.1
Kluang	148	RM426,170.12	58.6	6.2	35.2
Kota Tinggi	145	RM455,958.82	71.8	4.1	24.1
Muar	134	RM395,774.84	55.8	4.4	39.8
Segamat	102	RM283,352.50	53.9	10.8	35.3
Mersing	75	RM222,416.50	50.2	13.6	36.1
Tangkak	67	RM240,322.82	40.3	10.3	49.4
Jumlah	2,325	RM6,101,542.00			

Secara keseluruhan, sehingga 31 Ogos 2019, YPJ telah membelanjakan / mempunyai komitmen bayaran sebanyak RM 6.1 juta bagi 3 jenis permohonan utama YPJ iaitu bantuan Pendidikan, program kecemerlangan mahasiswa dan kecemerlangan pelajar. Jumlah pelajar / penerima manfaat tertinggi bagi bantuan dan program YPJ adalah daerah Johor Bahru dengan jumlah pelajar seramai 916 orang dengan kos sebanyak RM 2.31 juta di ikuti Batu Pahat 39 orang RM 956 ribu, Kulai 187 orang RM 429 ribu, Pontian 154 orang RM 375 ribu, Kluang 148 orang RM 426 ribu, Kota Tinggi 145 orang RM 455 ribu, Muar 134 orang RM 395

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

ribu, Segamat 102 orang RM 283 ribu, Mersing 75 orang RM 222 ribu dan yang terakhir ialah Tangkak 67 orang RM 240 ribu

Bagi RM 4.38 juta akan dibelanjakan sepanjang bulan September hingga Disember 2019, ini adalah mengambil kira sesi kemasukan pelajar ke universiti dan terdapat program yang telah dijadualkan bermula September hingga Disember mengikut sepertimana takwim YPJ 2019.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

**YB TUAN GOPALAKRISHNAN A/L SUBRAMANIAM (TIRAM)
SOALAN 94 (A84)**

Klinik Kesihatan Tiram bila akan siap dibina?

JAWAPAN YB TUAN MOHD KHUZZAN BIN ABU BAKAR

Projek Klinik Kesihatan (Jenis 3) Dengan Kuarters Ulu Tiram, Johor Bahru memulakan pembinaan di tapak pada 23 Januari 2018 dan dijadualkan siap pada 20 Januari 2020 sebagaimana mengikut kontrak. Walau bagaimanapun, sehingga Mesyuarat Tapak No.19 yang diadakan pada 28 Ogos 2019, projek mengalami kelewatan sebanyak 85 hari atau -11.69% dari segi kemajuan fizikal. Prestasi kemajuan fizikal sebenar di tapak ialah 62.19% berbanding jadual (perancangan) sebanyak 73.88%.

Agensi Pelaksana Projek iaitu Jabatan Kerja Raya Daerah Johor Bahru menjangkakan projek akan siap dibina pada pertengahan tahun 2020 berdasarkan prestasi semasa di tapak.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

YB TUAN GOPALAKRISHNAN A/L SUBRAMANIAM (TIRAM)
SOALAN 95 (A86)

Bandar Tiram berhadapan pasaraya NSK, McD rasa perlu adakan jejantas kerana ramai orang menyeberangi jalan tersebut. Apakah cadangannya?

JAWAPAN YB TUAN HAJI SOLIHAN BIN BADRI

Cadangan membina jejantas di jalan Johor Bahru – Kota Tinggi laluan FT003 berhadapan dengan pasaraya NSK dan McD di Bandar Tiram adalah satu keperluan semasa selaras dengan pembangunan pesat dikawasan sekitar tersebut. Oleh yang demikian, satu kajian lebih terperinci akan dijalankan bagi mendapatkan butiran lengkap.

Sekiranya cadangan pembinaan jejantas tersebut memenuhi kriteria yang telah ditetapkan maka cadangan ini akan disenaraikan didalam RMK 12 untuk kelulusan pelaksanaan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

YB TUAN GOPALAKRISHNAN A/L SUBRAMANIAM (TIRAM)
SOALAN 96 (A87)

Adakah tanah terbiar boleh digunakan untuk pertanian sekiranya ada berapakah jumlah dikawasan DUN Tiram?

JAWAPAN YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI

Kewujudan tanah terbiar yang begitu banyak di negara ini merupakan suatu pembaziran sumber yang sepatutnya dielakkan kerana ia merugikan negara. Melalui Projek Pembangunan Tanah Terbiar yang telah diwujudkan di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) dan diteruskan hingga sekarang, tanah terbiar ini dibangunkan dengan aktiviti pertanian yang menguntungkan dan memberi pulangan terhadap pengusaha. Hakikatnya, Jabatan Pertanian Malaysia menggalakkan pemilik tanah terbiar membangunkan tanah mereka atau membenarkan pihak lain mengusahakannya dengan menjalankan aktiviti pertanian. Namun sambutan dalam kalangan pemilik tanah masih belum mencapai tahap yang memuaskan.

Jabatan Pertanian Malaysia telah mengenal pasti data keluasan tanah terbiar di seluruh semenanjung Malaysia dengan menggunakan kaedah spatial padanan. Data Guna Tanah dan Peta Kadaster yang dilaksanakan pada tahun ini. Hasil daripada sistem tersebut mendapati bahawa keluasan tanah terbiar di negeri Johor seluas 10,097.79 hektar manakala keluasan tanah terbiar di DUN Tiram seluas 80.84 hektar.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

**YB TUAN GOPALAKRISHNAN A/L SUBRAMANIAM (TIRAM)
SOALAN 97 (A88)**

Apakah perladangan atau tanaman yang sesuai yang mempunyai pasaran dunia ketika sekarang?

JAWAPAN YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI

Untuk makluman YB, tanaman utama yang mempunyai potensi besar untuk eksport ialah DURIAN dan dijangka kira-kira 1,000 tan metrik durian varieti premier seperti Musang King (D197) dan Black Thorn (D200) akan dieksport ke negara itu. Nilai kepada sumbangan eksport negara dijangka kira-kira RM0.5 bilion setahun.

Kepada syarikat yang berminat agar merujuk dan mendaftar dengan Jabatan Pertanian (DOA) bagi memastikan mereka akan turut mendapat peluang untuk mengeksport ke China. usaha Malaysia untuk menembusi pasaran China bagi buah durian telah dimulakan sejak tahun 2007 lagi. Hasil rundingan di antara kerajaan kedua-dua buah negara, Malaysia akhirnya telah berjaya mengeksport durian sejuk beku dalam bentuk ulas dan pes bermula pada Mei 2011. Nilai eksport pada tahun 2018 dalam bentuk ini adalah RM9.445 juta (235.62 tan metrik). Peningkatan eskport buah durian dijangka akan terus meningkat memandangkan pasaran ke Negara China telah mula dibuka pada tahun ini.

Selain itu, NANAS juga dijangka mampu meningkatkan nilai eksport nanas mencecah RM320 juta menjelang 2020, berikutan permintaan pasaran yang luas ke China terutama nanas premium MD2. Tahun 2020, pengeluaran nanas dijangka tumbuh pada kadar 22.1 peratus setahun dengan unjuran pengeluaran buah nanas sebanyak 700,000 tan metrik.

Sasaran nilai eksport nanas pada tahun 2020 adalah RM320 juta sejajar dengan pembukaan pasaran yang luas di China terutama MD2, manakala nilai pengeluaran nanas negara dijangka mencecah RM1 bilion.

Pihak LPNM komited dalam usaha meningkatkan pengeluaran nanas secara komersial terutama untuk tujuan eksport, di samping melahirkan usahawan nanas berpendapatan tinggi selaras dengan Dasar Agromakanan Negara (DAN).

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

**YB TUAN HAJI IR. KHAIRUDDIN BIN A. RAHIM (SENGGARANG)
SOALAN 98 (A90)**

98% perceraian di kalangan orang Islam Johor adalah mereka yang tidak solat langsung atau tak penuh 5 waktu. Adakah kerajaan negeri merasa wajar untuk kita melancarkan program menggalakkan solat di segenap peringkat rakyat Islam Johor untuk mengurangkan gejala rendah akhlak?

JAWAPAN YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI

Jabatan Agama Islam Negeri Johor telah melaksanakan Program-program Kesedaran Solat bagi mengurangkan gejala rendah akhlak di kalangan masyarakat bermula tahun 2000 lagi. Di antara program-program yang telah dilaksanakan :

- a) Program Pemantapan Solat di kalangan anak-anak sekolah berumur 9 tahun hingga 17 tahun dengan memberi fokus kepada bacaan dan rukun Solat yang menjadi syarat Sah Solat. Program ini berbentuk latihan dalam kumpulan dan dilaksanakan terus secara amali dan praktikal serta dinilai kefahaman melalui ujian yang dijalankan.
- b) Program pemantapan Solat ini juga dilaksanakan kepada Saudara-saudara Kita (Mualaf) dengan bertujuan untuk mengukuhkan ilmu pengetahuan berkaitan solat.
- c) Program pemantapan solat ini juga dilaksanakan di peringkat dewasa seperti program Mesra Ibadah Pesakit-pesakit hospital dengan edaran pamflet-pamflet berkaitan pelaksanaan ibadah solat ketika sakit di hospital-hospital kerajaan.

Saban tahun, program pemantapan solat di tambah baik dari tahun ke tahun dengan pengisian program membudayakan Al-Quran. Pengisian Program Membudayakan Al-Quran adalah membaca Al-Quran dan terjemahannya sekali, membaca tafsiran ayat serta semakan bacaan mengikut hukum tajwid.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

YB TUAN HAJI IR. KHAIRUDDIN BIN A. RAHIM (SENGGARANG)
SOALAN 99 (A91)

Bilakah kerajaan hendak memberi hakmilik kepada 200 lebih pemohon yang telah mendiami kawasan Kampung Air Putih Lapis 1, Seri Medan sejak merdeka?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Seksyen 48 Kanun Tanah Negara (KTN) 1965 dengan jelas menyatakan bahawa tiada hakmilik tanah Kerajaan boleh diperolehi secara pemilikan, pendudukan tidak sah (pencerobohan) atau pendudukan di bawah mana-mana lesen untuk mana-mana tempoh sekalipun.

Berdasarkan Seksyen 425 KTN juga menegaskan bahawa mana-mana orang yang tanpa kebenaran dari Pihak Berkuasa Negeri menduduki, membina apa-apa bangunan atau menanami mana-mana tanah Kerajaan adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh dijatuhkan hukuman denda tidak lebih RM500,000.00 atau penjara untuk suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun.

Walaupun undang-undang secara jelas tidak membenarkan apa-apa aktiviti dilakukan di atas tanah Kerajaan, namun Kerajaan Negeri boleh mempertimbangkan apa jua permohonan yang dikemukakan. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, permohonan ini akan diproses dan dirujuk bagi mendapatkan ulasan daripada jabatan/agensi teknikal sebelum ianya dirujuk untuk keputusan Kerajaan Negeri.

Merujuk kepada isu yang dibangkitkan oleh YB Senggarang, semakan rekod di Pejabat Tanah Daerah Batu Pahat mendapati terdapat permohonan yang diterima pada tahun 2010 dan permohonan tanah tersebut telah ditolak oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada Januari tahun 2017.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

YB TUAN HAJI IR. KHAIRUDDIN BIN A. RAHIM (SENGGARANG)
SOALAN 100 (A92)

Bilakah kerajaan akan membina semula jambatan Pekan Senggarang dan Jambatan Parit Hylam di Jalan Pontian FT005 yang merbahaya dan telah menyebabkan banyak kemalangan maut?

JAWAPAN YB TUAN HAJI SOLIHAN BIN BADRI

Kemalangan maut yang berlaku di Jambatan Pekan Senggarang dan Jambatan Parit Hylam Jalan Pontian (FT005) adalah disebabkan keadaan jambatan yang sempit dan dianggap merbahaya.

Bagi mengatasi masalah tersebut, di Jambatan Pekan Senggarang dan Jambatan Parit Hylam Jalan Pontian ini telah disenaraikan utamakan bagi program menaik taraf jambatan sempit di dalam RMK 12.

Pada masa kini pihak JKR melalui syarikat konsesi menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan secara rutin dan berkala sebagai langkah mengurangkan kadar kemalangan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

**YB TUAN HAJI IR. KHAIRUDDIN BIN A. RAHIM (SENGGARANG)
SOALAN 101 (A94)**

Adakah kerajaan sedar terdapat segelintir pegawai kerajaan yang terlibat dalam perniagaan seperti bersekongkol dengan kontraktor dan pembekal. Ini mengakibatkan rakyat menerima hasil kerja yang tidak mengikut spesifikasi dan tidak memuaskan. Apa tindakan yang telah dilakukan oleh kerajaan untuk menangani masalah ini?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman dewan yang mulia ini, pegawai-pegawai kerajaan boleh melakukan pekerjaan luar atau berniaga tetapi dengan bersyarat.

Mengikut Peraturan 5, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 menyatakan bahawa, seseorang penjawat awam tidak dibenarkan untuk melakukan sebarang pekerjaan luar tanpa terlebih dahulu mendapatkan kebenaran bertulis daripada Ketua Jabatannya.

Kebenaran bersyarat ini adalah sebagai kawalan dalaman bagi memastikan aktiviti tersebut selaras dengan kehendak Peraturan 5 [P.U.(A) 395].

SYARAT-SYARAT MELAKUKAN PEKERJAAN LUAR / KERJA SAMBILAN

Berikut ialah syarat-syarat meluluskan pekerjaan luar / kerja sambilan:-

1. Pemohon hendaklah mendapatkan kelulusan Ketua Jabatan masing-masing tertakluk kepada prestasi kerja dan keperluan perkhidmatan. Dalam menimbangkan untuk menyokong atau tidak sesuatu permohonan, Ketua Jabatan hendaklah mengambil perhatian tentang tata kelakuan yang ditetapkan dalam Peraturan 5 (3) [P.U.(A) 395] seperti berikut:
 - 1.1 Tidak dilakukan semasa waktu pejabat dan semasa pegawai itu dikehendaki menjalankan tugas rasminya;
 - 1.2 Tidak dengan apa-apa cara berkecenderungan untuk menjejaskan kegunaan pegawai itu sebagai seorang pegawai awam;
 - 1.3 Tidak akan dengan apa-apa cara berkecenderungan untuk bercanggah kepentingan jabatan atau menjadi tidak konsisten dengan kedudukan pegawai itu sebagai seorang penjawat awam.

Pemohon tidak dibenarkan menggunakan sebarang kemudahan rasmi penjawat awam (Contoh. kenderaan, telefon dan lain-lain) untuk sebarang tujuan berkaitan pekerjaan luar / kerja sambilan; Tempoh kelulusan melaksanakan pekerjaan luar /

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

kerja sambilan adalah dua (21 tahun. Sebarang pelanjutan memerlukan permohonan baharu;

1.4 Kebenaran melakukan pekerjaan luar atau kerja sambilan adalah terbatal secara automatik apabila pegawai/kakitangan berpindah tempat kerja. Pegawai/kakitangan tersebut perlu mendapatkan kebenaran dari Ketua Jabatan yang baharu sekiranya masih ingin melakukan pekerjaan luar / kerja sambilan.

PIHAK BERKUASA MELULUSKAN

Kuasa untuk meluluskan permohonan adalah tertakluk kepada pertimbangan Ketua Jabatan masing-masing. Ketua Jabatan berhak menarik balik kelulusan yang telah diberikan jika pemohon didapati melanggar mana-mana syarat yang telah ditetapkan.

PERANAN KETUA JABATAN

Peraturan 3 [P.U.(A) 395] menjelaskan definisi Ketua Jabatan adalah seseorang pegawai yang bertanggungjawab bagi sesuatu kementerian, jabatan, institusi, agensi atau unit dan termasuklah mana-mana pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang diberi kuasa dengan sewajarnya secara bertulis oleh pegawai yang bertanggungjawab.

Ketua Jabatan bertanggungjawab untuk memberi penerangan serta nasihat yang sewajarnya mengenai syarat-syarat yang telah ditetapkan kepada pegawai dan kakitangan yang terlibat.

Semasa Ketua Jabatan meluluskan sesuatu permohonan pekerjaan luar / kerja sambilan, penglibatan pemohon dengan aktiviti lain selain dari tugas rasmi serta kekerapan dan tempoh masa yang digunakan hendaklah diambil kira bagi memastikan bahawa pekerjaan luar atau kerja sambilan yang dipohon tidak akan menambah beban kerja hakiki di pejabat.

Pihak berkuasa yang meluluskan hendaklah memastikan perkara dinyatakan ini diperiksa balas seperti mana diperuntukkan di dalam setiap ruangan format borang permohonan yang disertakan.

TINDAKAN TATATERTIB OLEH KERAJAAN

Pegawai kerajaan yang bersekongkol dengan kontraktor dan pembekal boleh dikenakan tindakan tatatertib. Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk mengawasi pegawai dan kakitangan dari semasa ke semasa yang didapati melakukan pekerjaan luar / kerja sambilan tanpa kebenaran ataupun pegawai dan

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

kakitangan yang telah diberi kelulusan, tetapi tidak mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

Tindakan tatatertib hendaklah diambil terhadap pegawai yang melakukan pekerjaan luar / kerja sambilan tanpa kebenaran atau telah melanggar mana-mana syarat seperti mana di bawah [P.U.(A) 395].

Tindakan tatatertib juga boleh dikenakan kepada mana-mana Ketua Jabatan yang didapati cuai menyelia aktiviti pekerjaan luar / kerja sambilan pegawai dan kakitangannya atau tidak mematuhi garis panduan yang ditetapkan.

HASIL KERJA TIDAK MENGIKUT SPESIFIKASI DAN TIDAK MEMUASKAN

Setiap projek dan bekalan yang diuruskan oleh kerajaan mempunyai prosedur yang jelas di mana hasil kerja dan bekalan perlu disahkan oleh pegawai bertanggungjawab sebelum bayaran dilaksanakan. Pegawai Pengesah juga boleh memotong jumlah bayaran kepada kontraktor jika kerja yang diberikan tidak mencapai tahap yang dinyatakan dalam penawaran sebut harga.

Kegagalan pegawai bertanggungjawab mengesahkan kerja yang tidak dilaksanakan boleh dikenakan tindakan tatatertib selaras dengan peraturan 4 (2) j Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 di mana seseorang pegawai tidak boleh cuai dalam melaksanakan tugasnya. Kegagalan memenuhi spesifikasi kerja akan menyebabkan pembayaran terhadap kerja yang dilaksanakan ditangguhkan sehingga kerja tersebut sempurna.

LANGKAH KERAJAAN DALAM MENANGANI RASUAH

Kerajaan Negeri Johor melalui Unit Integriti, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor sentiasa peka terhadap isu salah guna kuasa dan rasuah khususnya dalam pentadbiran kerajaan negeri.

Pelbagai Inisiatif telah diambil seperti mengadakan Seminar Integriti bersama Jabatan Berisiko dengan kerjasama Unit Audit dalam Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Unit Integriti, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor dengan Kerjasama Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) juga sedang mengkaji cadangan mewujudkan Pelan Anti Rasuah Organisasi Negeri Johor untuk dijadikan panduan terhadap usaha memerangi rasuah demi menjadikan penjawat awam efisien dan responsif sekaligus memberikan perkhidmatan kelas pertama.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

**YB TUAN HAJI IR. KHAIRUDDIN BIN A. RAHIM (SENGGARANG)
SOALAN 102 (A95)**

Sejauh mana kerajaan mempertahankan pemilikan tanah sepanjang Pantai Tanjung Laboh yang terjejas kepada hakisan?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Kawasan pantai sentiasa menjadi tumpuan orang ramai sekiranya ia menarik, indah dan selamat. Namun, akibat faktor alam dan aktiviti manusia, kawasan pantai berhadapan dengan masalah hakisan.

Mengikut Seksyen 49 KTN 1965, jika pinggir laut atau dasar laut mara hingga menghakis tanah bermilik, kawasan yang terjejas dengan hakisan akan menyebabkan tanah tersebut menjadi tanah kerajaan.

Sebagaimana Seksyen 382 KTN, jika Pentadbir Tanah berpuas hati akan mana-mana tanah atau sebahagiannya menjadi tanah kerajaan kerana hakisan/maraan sungai atau dasar laut, ia akan menyebabkan satu memorial dalam dokumen hak milik tanah atau sebahagian tanah menjadi tanah kerajaan.

Pentadbir Tanah akan mengeluarkan hak milik sambungan jika sebahagian tanah yang terlibat dengan hakisan mengikut Seksyen 166(1)(f). Pentadbir Tanah akan mengemukakan permohonan ukur kepada Jabatan Ukur dan Pemetaan untuk mengukur semula baki lot dan pihak Pentadbir Tanah akan mengeluarkan hak milik sambungan.

Kerajaan negeri tidak tertakluk untuk menggantikan tanah yang terhakis oleh maraan sungai atau dasar laut kepada tapak lain selaras dengan Seksyen 49 KTN.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

**YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)
SOALAN 103 (A96)**

Minta dinyatakan langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan dalam menangani harga komoditi sawit sekarang ini.

JAWAPAN YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI

Kementerian Industri Utama (MPI) telah merangka langkah-langkah strategik bagi pemulihan harga komoditi tersebut demi meminimumkan impak kejatuhan harga terutamanya kepada pendapatan pekebun kecil.

Antara langkah serta merta yang telah dilaksanakan oleh pihak MPI adalah melancarkan Kempen 'Sayangi Sawitku' pada 24 Mac 2019 bertujuan untuk memupuk sifat sayangkan sumber pertanian komoditi sawit Malaysia dan melahirkan kesedaran tentang pentingnya kualiti dan kemapanan industri ini terhadap rakyat, ekonomi dan alam sekitar dengan memberi tumpuan kepada kepentingan sosioekonomi, kesihatan, pemakanan dan aplikasi makanan dan bukan makanan yang seterusnya menyumbang kepada peningkatan penggunaan minyak sawit di pasaran tempatan dan sekali gus kepada peningkatan harga minyak sawit.

Langkah serta merta lain yang telah dilaksanakan bagi meningkatkan lagi penggunaan minyak sawit adalah melalui peningkatan adunan bio-bahan api sawit dengan diesel petroleum dari Program B7 kepada Program B10 di sektor pengangkutan bermula Disember 2018, diikuti pelaksanaan mandatori mulai Februari 2019. Kerajaan juga akan melaksanakan Program B7 di sektor industri bermula Julai 2019 secara mandatori. Pelaksanaan Program B10 di sektor pengangkutan dan Program B7 di sektor industri dijangka melibatkan penggunaan minyak sawit untuk bio-diesel dianggarkan sebanyak 761,000 tan setahun. Ini akan menyumbang kepada pengurangan stok minyak sawit tempatan, seterusnya memperkukuhkan harga minyak sawit.

Selain langkah serta merta, langkah-langkah jangka masa panjang juga telah, sedang dan akan terus dilaksanakan bagi memperkukuhkan harga sawit termasuk:

- (i) Menjadikan Skim Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) mandatori pada Januari 2020 sebagai satu langkah ke arah mewujudkan sistem kemapanan yang diterima secara global dan menjenamakan minyak sawit milik Malaysia yang seterusnya diterima sebagai pilihan utama pelanggan global. Ini akan membuka akses pasaran yang lebih luas untuk pasaran minyak sawit mampan Malaysia di negara-negara pengimport.
- (ii) Menggalakkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi menjamin kelestarian produk sawit di samping meningkatkan nilai tambah produk sawit serta meningkatkan permintaan dengan memperkukuh pasaran sedia ada dan

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

meneroka pasaran baharu melalui aktiviti promosi dan pengembangan pasaran di dalam dan di luar negara dengan penyertaan dalam pameran, ekspo perdagangan dan misi teknikal.

- (iii) Meningkatkan akses pasaran dan seterusnya meningkatkan penggunaan minyak sawit di kalangan pengguna di negara-negara pengimport melalui perundingan perjanjian perdagangan bebas (FTA) dua hala dan perundingan pelbagai hala atau serantau.
- (iv) Bekerjasama dengan Indonesia dalam penubuhan *Council of Palm Oil Producing Countries* (CPOPC) di mana Badan ini yang akan juga disertai oleh lain-lain negara pengeluar minyak sawit akan membolehkan perancangan dan pelaksanaan aktiviti-aktiviti untuk memperkukuhkan harga.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

**YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)
SOALAN 104 (A97)**

Minta dinyatakan langkah-langkah pihak Kerajaan Negeri Johor menangani dan membendung amalan LGBT.

JAWAPAN YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI

Jabatan Agama Islam Negeri Johor sebagai sebuah institusi yang mengurus umat Islam di negeri Johor amat memandang serius isu yang berkaitan dengan LGBT. Hakikatnya Islam menolak tindakan dan amalan songsang yang menyalahi fitrah dan hukum. Jabatan Agama Islam Negeri Johor melalui Bahagian Penguatkuasaan begitu komited dalam melaksanakan tugas-tugas amar makruf dan nahi mungkar kepada seluruh umat Islam di negeri Johor termasuk golongan LGBT.

Justeru Jabatan Agama Islam Negeri Johor sentiasa berusaha untuk melaksanakan tugas-tugas dakwah bagi memberi kesedaran, nasihat dan bimbingan kepada golongan LGBT. Jabatan Agama Islam Negeri Johor telah dan sedang melaksanakan kelas-kelas bimbingan dan program kesedaran secara berterusan. Usaha-usaha mendekati golongan ini telah dilakukan oleh pihak Jabatan sejak tahun 2016 dengan kerjasama Badan Bukan Kerajaan (NGO's).

Untuk makluman YB, sejak tahun 2016 hingga kini kelas bimbingan fardhu ain dan al-Quran telah dilaksanakan secara berkala setiap minggu . Pada masa yang sama, program motivasi dan kesedaran, juga program sempena hari-hari kebesaran Islam juga dilaksanakan bagi membantu golongan ini untuk kembali kepada fitrah.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

**YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)
SOALAN 105 (A99)**

Mohon dinyatakan pendirian dan langkah-langkah pihak Kerajaan menangani pihak yang merendahkan dan menghina anggota tentera dan keselamatan?

JAWAPAN YB TUAN DR. RAMAKRISHNAN A/L SUPIAH

Anggota tentera dan keselamatan adalah pejuang atau wira-wira negara yang berkorban dan mempertaruhkan nyawa mereka untuk mempertahankan keselamatan dan kedaulatan negara. Oleh itu, sudah tentu, Kerajaan amat tidak bersetuju dan kecewa dengan kenyataan individu tertentu yang telah mengguris hati para pejuang negara ini.

Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Pakatan Harapan ingin menegaskan bahawa sebarang kenyataan atau tindakan yang boleh menjejaskan keharmonian dan kesejahteraan rakyat berbilang kaum di negara ini mestilah dielakkan. Kerajaan tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang dengan sengaja mengeluarkan kenyataan yang berbaur perkauman atau pun yang boleh menjejaskan ketenteraman awam.

Kerajaan amat menyanjung tinggi dan menghargai segala pengorbanan yang telah dicurahkan oleh anggota keselamatan negara. Begitu juga dengan seluruh rakyat yang seharusnya berbangga dan berterima kasih kepada mereka kerana dengan khidmat bakti yang dicurahkanlah kita dapat menikmati keamanan dan kestabilan negara.

Setelah negara mencapai 62 tahun kemerdekaan, rakyat seharusnya lebih berhati-hati dengan setiap tindakan dan kenyataan yang dikeluarkan lebih-lebih lagi yang menyentuh sensitiviti sesuatu pihak. Oleh itu, setiap pemimpin dan rakyat diseru untuk sama-sama mengambil tanggungjawab untuk memperkukuhkan semangat persefahaman, hormat menghormati dan bekerjasama antara satu sama lain agar keharmonian dan kesejahteraan negara akan dipelihara dan dipertingkatkan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)
SOALAN 106 (A100)

Bagaimanakah pihak Kerajaan menangani isu pengangguran di Negeri Johor?

YB TUAN CHEO YEE HOW (PERLING)
SOALAN 107 (A105)

Apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk menarik tenaga kerja mahir bekerja di Negeri Johor?

JAWAPAN YB TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HAJI HASSAN
(Jawapan bersekali untuk soalan A100 & A105)

Merujuk kepada Data Statistik Utama Tenaga Buruh Johor yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar pengangguran di Johor pada tahun 2018 bertambah baik daripada 3.4 peratus (2017) kepada 3.0 peratus (2018). Ini menunjukkan ekonomi negara masih dapat dikekalkan dalam keadaan guna tenaga penuh iaitu kadar pengangguran di bawah 4.0 peratus.

Namun begitu, langkah-langkah proaktif juga telah diambil oleh Unit Strategik Modal Insan Johor dengan mengadakan inisiatif untuk menangani isu ini iaitu:

1. Karnival Kerjaya Johor Bestari

Menerusi Unit Strategik Modal Insan Melalui Program Karnival Kerjaya Johor Bestari peringkat negeri yang telah diadakan pada 20 & 21 April 2019 di Galleria@ Kotaraya yang lalu, lebih dari 5,000 peluang pekerjaan telah ditawarkan dengan penglibatan majikan sebanyak 80. Manakala pada 3 Ogos 2019 juga telah diadakan Karnival Kerjaya Johor Bestari di Tangkak dengan menawarkan lebih daripada 1,000 kekosongan jawatan. Seterusnya pada 20 Oktober 2019 ini, Karnival Kerjaya ini akan berlangsung di Batu Pahat dengan sasaran lebih daripada 1,000 kekosongan yang terbuka kepada semua pencari kerja. Jumlah keseluruhan kekosongan jawatan menerusi karnival kerjaya ialah lebih daripada 7,000. Tambahan lagi, Jabatan Tenaga Kerja Negeri Johor menerusi Pusat JobsMalaysia Johor turut mengadakan karnival kerjaya di pelbagai lokasi yang antaranya di Pasir Gudang, Kulai dan akan datang di Kluang.

2. Inisiatif Pensijilan Tenaga Mahir Johor melalui Program Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT)

Program ini menyasarkan penglibatan dikalangan pekerja yang mempunyai pengalaman melebihi dua tahun dan tidak mempunyai kelulusan formal mendapat Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) bagi tujuan pembangunan kerjaya dan mengelakan pengangguran dalam tempoh masa yang lama sekiranya diberhentikan kerja oleh

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

majikan. Pekerja-pekerja mahir ini perlu membuktikan keterampilan yang boleh dimiliki atau diperolehi untuk dinilai dan disahkan di samping syarat-syarat lain yang telah ditetapkan. Sehubungan itu, Unit SMI menasarkankan sekurang-kurangnya 200 orang pekerja mendapat pensijilan kemahiran pada tahun 2019 melalui program ini.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

**YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL (RENGIT)
SOALAN 108 (A102)**

Minta penjelasan apakah usaha kerajaan negeri membantu petani dan pekebun kecil yang semakin parah dan perit disebabkan kejatuhan harga kelapa sawit sejak 15 bulan yang lepas. Nyatakan tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan Negeri Johor.

JAWAPAN YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI

Antara langkah–langkah yang diambil oleh Kerajaan dalam membantu petani disebabkan kejatuhan harga kelapa sawit adalah : -

1. 'Mix Farming' (pertanian pelbagai) iaitu dengan mempelbagaikan jenis tanaman pada sesuatu kawasan dan tidak hanya bergantung pada satu jenis tanaman sahaja. Petani seharusnya memanfaatkan tanah pertanian mereka dengan hasil tanaman yang pelbagai. Sekali gus dapat membantu mereka memperoleh pendapatan daripada pelbagai hasil sumber tanaman meskipun berdepan kejatuhan harga tanaman tertentu.
2. Menggalakkan petani mewujudkan Agro pelancongan yang mana mampu menjana sumber ekonomi bagi penduduk setempat dengan menyediakan peluang pekerjaan, perniagaan dan pelaburan.
3. Menggalakkan petani mengusahakan tanah terbiar dengan pelbagai jenis tanaman seperti tanaman kontan, nanas dan sebagainya.
4. Pemasaran melalui e-dagang dengan mengadakan kursus bagi membantu pemasaran hasil dan produk pertanian.
5. Menggalakkan petani ke arah industri hiliran hasil pertanian seperti kerepek, produk sejuk beku, roti dan pastri, kraf tangan serta lain-lain.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

**YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL (RENGIT)
SOALAN 109 (A103)**

Minta penjelasan apakah asas pertimbangan kerajaan negeri tentang cadangan menaikkan cukai tanah Negeri Johor pada tahun hadapan diketika suasana pekebun kecil hilang punca pendapatan akibat kejatuhan harga komoditi dan ekonomi yang suram.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan cukai tanah yang akan dilaksanakan adalah selaras dengan peruntukan Seksyen 101 Kanun Tanah Negara (KTN) yang memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk membuat semakan semula atas kadar cukai tanah pada setiap 10 tahun.

Di Johor, cukai tanah yang sedang berkuatkuasa adalah merujuk kepada JPU 95 yang telah diwartakan pada 16.12.2004.

Secara umumnya, Yang Berhormat sedia maklum bahawa semakan semula cukai tanah antara lain adalah bertujuan:

- a. Merangsang pembangunan dan pertumbuhan ekonomi negeri Johor.
- b. Menetapkan kadar cukai yang lebih bersesuaian di samping membuat penstrukturan semula kaedah penentuan kadar cukai.
- c. Meningkatkan terimaan hasil Kerajaan Negeri Johor.

Sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab, kerajaan negeri memberi komitmen bahawa prinsip-prinsip yang digunapakai bagi membuat semakan cukai tanah bagi Tahun 2020-2029 adalah seperti berikut:-

- a. Mengenakan kadar cukai tanah yang lebih sesuai dan munasabah mengikut keadaan, kegunaan dan keluasan tanah.
- b. Memastikan pembangunan hartanah diselarikan dengan pertumbuhan ekonomi.
- c. Menentukan kadar kenaikan yang munasabah dan tidak membebankan pihak yang berpendapatan rendah.

Disamping itu, beberapa aspek lain juga telah diambil kira dalam semakan semula kali ini yang melibatkan bukan sahaja kepada pertanian malah ianya juga melibatkan kategori industri dan bangunan. Namun kenaikan yang dikenakan ini masih lagi pada kadar yang munasabah seiring dengan keadaan ekonomi semasa.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

Ini kerana, kita masih menjaga kebajikan pekebun kecil yang mempunyai keluasan tanah berskala kecil di mana mereka akan dikenakan cukai tanah yang lebih rendah berbanding bagi mereka yang mempunyai keluasan tanah berpuluh mahu pun beratus hektar.

Melalui semakan semula cukai tanah ini juga, kita akan berlaku lebih adil khususnya kepada pekebun-pekebun kecil yang mengusahakan tanah kurang daripada 10 ekar. Bagi tanaman kelapa sawit misalnya, kadar cukai yang dikenakan bagi pemilik tanah yang memiliki tanah berkeluasan 10 ekar dan 90 ekar adalah sama iaitu RM40.00 sehektar.

Dalam semakan semula ini kita juga akan merangka julat yang lebih kecil bagi memastikan pindaan cukai tanah yang akan dilaksanakan nanti tidak membebankan para pekebun kecil khususnya di kalangan B40 kerana tumpuan utama diberikan kepada tanah-tanah yang bersaiz kelulusan besar.

Kita yakin rakyat akan dapat menilai bahawa semakan semula cukai tanah ini sama sekali tidak akan menjejaskan golongan B40. Apatah lagi peningkatan pendapatan negeri yang terhasil daripada kadar cukai baru kelak akan digunakan sebaiknya demi manfaat dan kesejahteraan rakyat.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

**YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL (RENGIT)
SOALAN 110 (A104)**

Minta penjelasan berapakah bajet yang telah disalurkan oleh pihak berkuasa tempatan atau Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) atau mana-mana agensi berkaitan dalam menyelenggarakan sistem saliran dalam kawasan bandar Batu Pahat.

JAWAPAN YB TUAN TAN CHEN CHOON

Untuk makluman, terdapat beberapa kategori sistem saliran di kawasan Bandar Batu Pahat yang diselenggara oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

Parit-parit utama di kawasan Bandar Batu Pahat yang diselenggara oleh pihak JPS adalah seperti berikut:

- Parit Bakau Chondong;
- Parit Seri Molek;
- Parit Lapis;
- Parit Johar;
- Parit Dhobby;
- Parit Soga;
- Parit Bintang; dan
- Parit Jalan Sultanah.

Kerja penyelenggaraan tersebut membabitkan peruntukan mengurus negeri yang diperoleh jabatan pada setiap tahun. Walau bagaimanapun, peruntukan menyelenggara ini juga akan digunakan bagi kerja-kerja penyelenggaraan infrastruktur lain yang berada di bawah seliaan JPS Batu Pahat.

Sebagai pencerahan, anggaran perbelanjaan yang digunakan untuk menyelenggara parit-parit di Bandar Batu Pahat seperti disenaraikan membabitkan kos sebanyak RM250,000.00 berdasarkan skop penyelenggaraan tertentu antaranya seperti kerja membuang mendapan tanah/kelodak, membuang halangan, menebang anak pokok, membaiki *railing*, menyelenggara perangkap sampah, menyelenggara sistem pam, menyelenggara pintu air dan kerja-kerja lain yang berkaitan berdasarkan keperluan semasa.

Manakala, pihak Majlis Perbandaran Batu Pahat (MPBP) pula telah membelanjakan lebih kurang RM800,000.00 sehingga bulan Ogos 2019 bagi kerja-kerja penyelenggaraan dan pembersihan sistem saliran di kawasan Bandar Batu Pahat.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

**YB TUAN CHEO YEE HOW (PERLING)
SOALAN 111 (A106)**

Setakat mana prestasi publisiti melalui kaedah laman sesawang untuk pelancongan sempena dengan tahun melawat Johor 2020.

JAWAPAN YB CIK LIOW CAI TUNG

Laman sesawang adalah kumpulan dari laman - laman, yang terangkum dalam sebuah domain atau subdomain, yang tempatnya berada di dalam *World Wide Web* (WWW) di dalam Internet. Sebuah laman web biasanya berupa dokumen yang ditulis dalam format HTML (Hyper Text Markup Language), yang selalu boleh diakses melalui HTTP, iaitu sebuah protokol yang menyampaikan maklumat dari server website untuk dipaparkan kepada para pengguna melalui web browser dan Website atau laman web boleh juga diertikan sebagai kumpulan laman yang memaparkan maklumat data teks, data gambar diam atau gerak, data animasi, suara, video dan atau gabungan dari semuanya, baik yang bersifat statik dan dinamik yang membentuk satu rangkaian bangunan yang saling berkaitan di mana masing-masing dihubungkan dengan rangkaian-rangkaian laman.

Untuk makluman dewan yang mulia ini, Kerajaan negeri Johor melalui Tourism Johor diberi peranan yang penting untuk mempromosikan Tahun Melawat Johor 2020 melalui laman sesawang. Tourism Johor mempunyai website www.tourismjohor.my. Di dalam website tersebut telah meletakkan maklumat yang penting kepada pelancong yang ingin melancong ke negeri Johor. Contoh maklumatnya adalah tempat makanan, pusat membeli belah, taman tema, pengangkutan yang perlu digunakan dan beberapa maklumat penting. Saya juga ingin memberitahu disini bahawa Tourism Johor dengan kebenaran dan nasihat daripada ICT negeri Johor telah berjaya untuk operasikan laman sesawang tersebut.

Selain daripada itu Tourism Johor juga mempromosikan Tahun Melawat Johor 2020 melalui Facebook dan Instagram, serta menggunakan hashtag #visitjohor2020 #majesticjohor, #tourismjohor bgai memudahkan kata carian atau *word serach*. Akhir kata, saya meminta semua ahli-ahli dewan yang berada di sini untuk like, share aplikasi Facebook dan Instagram Tourism Johor untuk mendapatkan maklumat-maklumat baru dari masa ke masa.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

**YB TUAN CHEO YEE HOW (PERLING)
SOALAN 112 (A109)**

Bagaimana dengan persediaan PARA SUKMA 2020, dari segi Prasarana, fasiliti, promosi dan juga persediaan atlet negeri?

JAWAPAN YB TUAN SHEIKH 'UMAR BAGHARIB BIN ALI

Sekretariat SUKMA Johor 2020 turut dipertanggungjawabkan untuk menganjurkan PARA SUKMA 2020 yang akan berlangsung pada 16 – 22 Ogos 2020. Segala persediaan dari segi prasarana, fasiliti dan promosi dilaksanakan bersekali dengan penganjuran SUKMA Ke-20 Johor 2020 bagi menjimatkan kos dan kelestarian pelaksanaannya.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

**YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)
SOALAN 113 (A111)**

PBT ambil tindakan penguatkuasaan terhadap kilang yang tidak dapat kelulusan permohonan lesen dan mengenakan dua kompaun berjadual sejumlah dua ribu ringgit, apakah peruntukan kuasa tersebut wujud?

JAWAPAN YB TUAN TAN CHEN CHOON

Merujuk kepada Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian yang di warta dan diguna pakai oleh PBT Negeri Johor, di bawah UUK 3(1) menyatakan “tiada seorang pun boleh menggunakan sesuatu tempat atau premis dalam kawasan pihak berkuasa tempatan bagi apa-apa aktiviti tred, perniagaan atau perindustrian tanpa lesen yang dikeluarkan oleh Datuk Bandar atau Yang Dipertua dan fi lesennya adalah seperti ditetapkan dalam Jadual”.

Kesalahan tersebut boleh dikenakan denda sebagaimana dinyatakan di bawah UUK 3(3) bahawa “seseorang yang melanggar perenggan (1) adalah melakukan sesuatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya”.

Manakala, bagi tindakan mengkompaun kesalahan tersebut diambil di bawah UUK 53(1) yang menyatakan bahawa “Majlis boleh, dengan kebenaran bertulis Pendakwa Raya, membuat suatu tawaran bertulis kepada orang yang dengan munasabah disyaki telah melakukan suatu kesalahan mengkompaun kesalahan itu setelah bayaran dibuat kepada Majlis suatu jumlah yang tidak melebihi lima puluh peratus amaun dengan maksimum bagi kesalahan tersebut dalam suatu masa yang boleh dinyatakan dalam tawaran”.

Menerusi UUK 53(1) bagi tindakan kompaun suatu kesalahan dikenakan RM1,000 bagi satu kesalahan di mana setiap kompaun yang dikenakan hendaklah dirujuk kepada Pendakwa Raya bagi mendapatkan kebenaran mengkompaun ke atas suatu kesalahan.

Oleh hal yang demikian, tiada istilah yang menyatakan bahawa dikenakan dua kompaun berjadual sejumlah dua ribu ringgit sebagaimana yang dinyatakan di dalam Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian yang diguna pakai oleh Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

**YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)
SOALAN 114 (A113)**

Lawatan tapak bersepadu oleh pelbagai agensi kerajaan pada 9 April ke Projek Pertanian Moden mendapati banyak kawasan simpanan JPS di sekeliling Empangan Sembrong telah diceroboh dengan penanaman secara haram, mengapa tidak ada tindakan penguatkuasaan dan pemulihan diambil oleh JPS di kawasan tersebut?

JAWAPAN YB TUAN JIMMY PUAH WEE TSE

Berdasarkan maklumat yang diperolehi, jemputan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) Johor untuk lawatan agensi ke Empangan Sembrong telah diadakan pada 09 April 2019 yang lalu. Tujuan lawatan adalah untuk mengenal pasti isu berbangkit berkenaan pencemaran air mentah Empangan Sembrong. Empangan Sembrong pada asalnya direkabentuk bagitujuan tebatan banjir, namun kemudiannya ditambah untuk menjadi punca bekalan air.

Untuk makluman, Empangan Sembrong belum lagi dirizabkan sama ada bagi tujuan tebatan banjir dan juga bekalan air. Tindakan untuk perizaban telah pun diambil dan sedang dalam tindakan terakhir pihak-pihak tertentu.

Antara perkara yang telah dilaksanakan ialah memaklumkan kepada PTG supaya mengambil tindakan ke atas pencerobohan, menghantar surat kepada Pusat Pertanian Moden supaya mengawal penggunaan baja dan tindakan Best Management Practise yang lain, menyediakan parit sempadan, memasang papantanda dan lain-lain.

Tindakan penguatkuasaan akan lebih mudah apabila empangan dirizabkan nanti.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

**YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)
SOALAN 115 (A114)**

Terdapat banyak paip air SAJ dibina betul-betul di sebelah jambatan iaitu termasuk dalam rizab PBT. Siapakah perlu menanggung kos kerja-kerja pengalihan dan pemasangan semula utiliti sebegini?

JAWAPAN YB TUAN JIMMY PUAH WEE TSE

Yang Berhormat, adalah dimaklumkan bahawa skop pematuhan, kaedah pembiayaan, kaedah pelaksanaan dan pemakaian prosedur kerja bagi kerja-kerja pengalihan dan pemasangan semula utiliti di semua tapak projek di dalam rizab Persekutuan dan Negeri adalah berdasarkan "**GARIS PANDUAN PENGALIHAN DAN PEMASANGAN SEMULA UTILITI DALAM PELAKSANAAN PROGRAM DAN PROJEK KERAJAAN BILANGAN 1 TAHUN 2016**" yang dikeluarkan oleh Unit Penyelarasan Perlaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri bertarikh 01 Januari 2016.

Merujuk kepada Garis Panduan di atas, kos pengalihan dan pemasangan utiliti air adalah ditanggung oleh pemilik atau pelaksana projek sendiri.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2019**

**YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)
SOALAN 116 (A116)**

Apakah status cadangan menaik taraf crossing culvert di hadapan Econsave di Jalan Batu Pahat - Mersing, Seksyen 56 untuk mengatasi masalah banjir yang selalu menenggelamkan jalan utama dan kawasan perumahan sekitar?

JAWAPAN YB TUAN HAJI SOLIHAN BIN BADRI

Cadangan mengganti pembedung kekotak di Jalan Batu Pahat - Mersing (FT050) Seksyen 56.00 Daerah Kluang

Pihak JKR telah mengenal pasti laluan tersebut perlu di naik taraf bagi mengelakkan jalan terputus ketika musim banjir atau berlakunya banjir kilat ketika hujan lebat. Lokasi tersebut telah pun disenaraikan di dalam perancangan supaya kerja-kerja menaik aras jalan dapat dilaksanakan.

Status terkini, masih dalam proses Lembaga Perolehan peringkat negeri untuk melantik jurukur dan dijangka akan di tender pada bulan Januari 2020 dengan menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri.